

**PENGAJIAN *TAFSIR AL-JALALAYN* DAN
PENGARUHNYA DI DAYAH TRADISIONAL
KABUPATEN ACHEH BESAR**

MUHAMMAD FADHILLAH JAMALUDDIN

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENGAJIAN *TAFSIR AL-JALALAYN* DAN
PENGARUHNYA DI DAYAH TRADISIONAL
KABUPATEN ACHEH BESAR**

MUHAMMAD FADHILLAH JAMALUDDIN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Pengajian tafsir telah bermula semenjak zaman Rasulullah (s.a.w) lagi. Ini memandangkan tidak semua isi kandungan al-Quran mampu difahami oleh para sahabat. Pada hari ini, pengajian tafsir telah diperkenalkan di institusi-institusi pengajian khususnya dayah-dayah tradisional di Aceh Besar. Kajian ini membincangkan perkembangan pengajian tafsir di Indonesia. Dalam kajian ini, penulis menfokuskan bagaimana metodologi pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang digunakan dayah-dayah tradisional dalam sistem pengajiannya dan faktor yang melatarbelakangi penggunaan tafsir ini dalam kalangan masyarakat Aceh Besar. Kajian ini juga turut mengkaji pengaruh *Tafsīr al-Jalālayn* di pondok-pondok pesantren tradisional dari sudut penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* oleh masyarakat Aceh, penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* di kuliah-kuliah agama serta penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai sumber penulisan,. Berdasarkan hasil kajian, pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah-dayah tradisional menggunakan metode berbentuk *talaqi* dan juga *halaqah* dalam pengajiannya. Kitab tafsir yang dijadikan sebagai panduan dalam pengajiannya menggunakan “*Hāshiyah al-Sāwī ‘ala Tafsīr al-Jalālayn oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al- Khalwah al-Mālikī*”. Diharapkan kajian ini boleh memberi manfaat kepada semua pihak berkaitan khususnya untuk para pelajar.

ABSTRACT

Study of tafsir has been started since the time of the Prophet Muhammad (peace be upon him). This is because not all the contents of the Qur'an can be understood by the Companions. Nowadays, study of tafsir has been introduced in the Islamic education institute, especially in traditional dayah in Aceh Besar. This research discusses about the development of the study of tafsir in Indonesia. In this research, the author is more focus on methodology of *Tafsīr al-Jalālayn* in traditional dayah and the factor behind using of this tafsir for the people in Aceh Besar. This study also reviews the influence of *Tafsīr al-Jalālayn* in traditional dayah in terms of the use of *Tafsīr al-Jalālayn* for Acehnese people, the use of *Tafsīr al-Jalālayn* in religious lectures and the use of *Tafsīr al-Jalālayn* as a source of the writing. Based on the findings, the study of *Tafsīr al-Jalālayn* in traditional dayah is using the method of *Halaqah* and *Talaqi*. The Tafsir used in his study is “*Hāshiyah al-Sāwī ‘ala Tafsīr al-Jalālayn by Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al-Khalwah al-Mālikī*”. Hopefully this study can be beneficial to all parties concerned, especially for the students.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabb al- ‘Ālāmīn, puji syukur penulis kehadiran Allah s.w.t kerana atas izin dan limpahan rahmat serta hidayah-Nya kajian ini dapat disempurnakan.

Penghargaan yang setinggi-tingginya dan jutaan terimakasih khusus kepada penyelia Prof. Madya. Dr. Mustaaiffa Abdullah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, teguran, kritikan, pengorbanan masa dan pelbagai curahan ilmu yang amat bernilai sehingga kajian ini dapat diselesaikan. Semoga segala-segalanya menjadi amalan soleh di sisi Allah s.w.t.

Terimakasih dan penghargaan juga ditunjukkan kepada seluruh kakitangan pejabat Akademi Pengajian Islam jabatan al-Quran dan al-Hadith dan kakitangan Ijazah Pengajian Tinggi Akademi Pengajian Islam di atas pelayanan mesra terhadap saya selama melakukan kajian ini.

Doa dan Ucapan terima kasih kepada ayahanda tercinta Allahyarham Drs. Djamaluddin Husen dan Ibunda tersayang Elia A. Rasyid S.Pd yang telah bersusah payah mengasuh, mendidik dan membesarkan saya dan tidak pernah lelah berdo'a untuk kejayaan dan memberi sokongan untuk keberhasilan saya. Semoga mereka berdua mendapat kasih sayang dari Allah s.w.t Amīn. Terimakasih Untuk zaujati Dini Andika dan buah cintaku Muhammad Abduh al-Jawwad yang selalu bersabar dalam penantian, telah banyak memberikan semangat yang tulus ikhlas kepada penulis, serta terimakasih kepada pihak Kerajaan Aceh, yang telah memberikan pelbagai kemudahan untuk melaksanakan tugas belajar mengikuti pendidikan pada program pascasiswazah di Jabatan Al-Quran dan Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Akhir kata, kepada Allah s.w.t jualah penulis bermohon semoga semua sokongan dan bantuan yang telah diberikan menjadi amal ibadah dan mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah s.w.t. Amīn Yā Rabb al- ‘Ālāmīn.

Kuala Lumpur, September 2014

Muhammad Fadhilah Jamaluddin

Jln. Kampus Unmuha No. 54 Desa Batoh

Kec. Luegbata, Banda Aceh-Indonesia Pos kode 23245.

dhielon@gmail.com

SENARAI TRANSLITERASI

A. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا,ء	a,'
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ş
ض	Ḍ

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ط	Ṭ
ظ	Ẓ
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	h,t

B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَ (Fathah)	A	قَنْتَ	<i>Qanata</i>
ـِ (Kasrah)	I	سَلِمَ	<i>Salima</i>
ـُ (Dammah)	U	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	Ā	كُبْرَى / أَبٌ	<i>bāb / kubrā</i>
ي	Ī	وَكَيْلٌ	<i>Wakīl</i>
و	Ū	سُورَةٌ	<i>Sūrah</i>

C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَو	Aw	قَوْلٌ	<i>Qawl</i>
اَي	Ay	خَيْرٌ	<i>Khayr</i>
اُو	Uww	قُوَّةٌ	<i>Quwwah</i>
اَي	iy/ī	عَرَبِيٌّ	<i>'Arabiy/ī</i>

SENARAI KEPENDEKAN DAN ISTILAH

BPPD	: Badan Pembinaan Pendidikan Dayah
BIMPEN	: Bimbingan Pendidikan
Dayah	: Sekolah Islam Tradisional
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
ed	: Editor
et al	: Et alii
H	: Hijriah
Huda	: Himpunan Ulama Dayah
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
Ibid	: Ibidem
j.	: juzuk
M	: Masehi
MAK	: Madrasah Aliyah Keagamaan
MAN	: Madrasah Aliyah Negeri
MASJUMI	: Majelis Syura Muslim Indonesia
MPU	: Majelis Permusyawaratan Ulama
MTsN	: Madrasah Thanawiyah Negeri
No.	: Nombor
PGA	: Pendidikan Guru Agama
PUSA	: Persatuan Ulama Seluruh Aceh
Qanun	: Peraturan Daerah
RTA	: Rabithah Taliban Aceh
S.A.W.	: Sallahu ‘Alahaihi wa Sallam
S.W.T	: Subhānahu wa ta’ālā
SRI	: Sekolah Rakyat Indonesia
t.p	: Tanpa Penerbit
t.t	: Tanpa Tahun Penerbit
t.t.p	: Tanpa Tempat Penerbit
terj.	: terjemah
Tgk	: Teungku

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk Jadual	Hal
Jadual 1.1	Subjek Mata Kuliah Tafsir di IAIN	52
Jadual 3.1	Kurikulum Dayah Ulee Titi	94
Jadual 3.2	Kurikulum Dayah Raudhah al-Thalibah	107
Jadual 3.3	Karya Teungku Hasbi al-Bayuni	115
Jadual 3.4	Kurikulum Dayah Thalibul Huda	117
Jadual 4.1	Perbandingan Metode Pengajian	142

ISI KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	i
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN.....	vi
PANDUAN TRANSLITERASI.....	vii
SENARAI KEPENDEKAN	ix
SENARAI JADUAL	x
DAFTAR ISI	xi

PENDAHULUAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Masalah.....	2
1.2 Definisi Tajuk.....	5
1.3 Soalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Skop Kajian.....	10
1.6 Kajian Lepas.....	10
1.7 Kepentingan Kajian.....	20
1.8 Metodologi Kajian.....	21
1.8.1 Metode Penentuan Subjek.....	22
1.8.2 Metode Pengumpulan Data	22
1.8.2.1 Metode Dokumentasi	23
1.8.2.2 Metode Temubual	23
1.8.2.3 Metode Observasi.....	24
1.8.2.4 Metode Historis.....	24
1.8.3 Metode Penganalisisan Data	24
1.8.3.1 Metode Induktif.....	25
1.8.3.2 Metode Deduktif	25
1.8.3.3 Metode Komparatif.....	25

BAB I
PERKEMBANGAN TAFSIR DI ACHEH

1.1	Pendahuluan	26
1.2	Perkembangan Tafsir di Aceh.....	26
1.3	Tokoh-Tokoh Tafsir al-Quran di Aceh	31
1.3.1	Syeikh Abd al-Rauf al-Singkili.....	32
1.3.1 (a)	Tafsir Tarjuman al-Mustafid	34
1.3.2	Prof. Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy	36
1.3.3	Teungku Mahjiddin Jusuf	38
1.3.4	Tafsir Pase.....	41
1.4	Pengajian Tafsir di Lembaga-Lembaga Pendidikan Aceh.....	47
1.4.1	Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah.....	47
1.4.1 (a)	Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah Negeri	47
1.4.1 (b)	Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah Keagamaan	48
1.4.1 (c)	Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah Swasta.....	50
1.5	Pengajian Tafsir di Institusi Pengajian Tinggi.....	51
1.5.1	Pengajian Tafsir di Semua Jabatan di IAIN Ar- Raniry.....	51
1.5.2	Pengajian Tafsir di Jabatan Tafsir Hadith IAIN	52
1.5.3	Pengajian Tafsir di Masjid-Masjid	55
1.6	Kesimpulan	56

BAB II
PENGAJIAN TAFSIR AL-JALALAYN DI ACHEH

2.1	Pendahuluan	57
2.2	Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Indonesia	57
2.3	Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Tradisional Aceh.....	63
2.4	Sejarah Perkembangan Dayah Tradisional di Aceh.....	65
2.5	Sistem Pengajian Dayah Tradisional	71
2.6	Metode Pengajian Dayah Tradisional	72
2.7	Tingkatan Pengajian di Dayah Tradisional.....	75
2.8	Peranan Dayah-Dayah di Aceh	77
2.9	Unsur-Unsur Dalam Lembaga Pendidikan Dayah Tradisional.....	79

BAB III
PENGAJIAN TAFSIR AL-JALALAYN DI DAYAH-DAYAH
TRADISIONAL ACHEH

3.1 Pendahuluan	83
3.2 Dayah Ule Titi	
3.2.1 Sejarah Penubuhan Dayah Ulee Titi.....	84
3.2.2 Tujuan Penubuhan Dayah Ulee Titi	86
3.2.3 Kepemimpinan Dayah Ulee Titi.....	86
3.2.4 Struktur Organisasi Dayah Ulee Titi	88
3.2.5 Tenaga Pengajar	89
3.2.6 Pelajar	91
3.2.7 Kurikulum.....	93
3.2.8 Sistem Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Ulee Titi	95
3.2.9 Metode Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Ulee Titi	96
3.3 Dayah Raudhah al-Thalibah	
3.3.1 Sejarah Penubuhan Dayah Raudhah al-Thalibah	100
3.3.2 Tujuan Penubuhan Dayah Raudhah al-Thalibah	103
3.3.3 Kepemimpinan Dayah Raudhah al-Thalibah	103
3.3.4 Struktur Organisasi Dayah Raudhah al-Thalibah.....	103
3.3.5 Tenaga Pengajar	104
3.3.6 Pelajar	105
3.3.7 Kurikulum.....	106
3.3.8 Sistem Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Raudhah al-Thalibah	108
3.3.9 Metode Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Raudhah al-Thalibah ...	109
3.4 Dayah Thalibul Huda	
3.4.1 Sejarah Penubuhan Dayah Thalibul Huda.....	110
3.4.2 Tujuan Penubuhan Dayah Thalibul Huda	111
3.4.3 Kepemimpinan Dayah Thalibul Huda.....	112
3.4.4 Struktur Organisasi Dayah Thalibul Huda	113
3.4.5 Tenaga Pengajar	114
3.4.6 Pelajar	116
3.4.7 Kurikulum.....	116
3.4.8 Sistem Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Thalibul Huda.....	118

3.4.9 Metode Pengajian Tafsir al-Jalalayn di Dayah Thalibul Huda.....	119
3.4.9.1 Metode Halaqah.....	119
3.4.9.2 Metode Geusurah (Syarahan)	120
3.4.9.3 Metode Sorogan.....	121

BAB IV

PENGARUH PENGAJIAN TAFSIR AL-JALALAYN

DI KABUPATEN ACHEH BESAR

4.1 Pendahuluan	122
4.2 Penggunaan Tafsir al-Jalalayn Oleh Masyarakat Aceh Besar	124
4.3 Penggunaan Tafsir al-Jalalayn Sebagai Bahan Pengajian di Kuliah Agama ..	134
4.4 Penggunaan Tafsir al-Jalalayn Sebagai Sumber Penulisan.....	145
4.5 Kesimpulan	150

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan	151
5.2 Kesimpulan	151
5.3 Saranan dan Cadangan	155
Bibliografi	158

PENDAHULUAN

PENGAJIAN TAFSIR AL-JALALAYN DAN PENGARUHNYA DI DAYAH TRADISIONAL KABUPATEN ACHEH BESAR

1.0 PENDAHULUAN

Pengajian tafsir merupakan suatu disiplin ilmu yang amat penting dalam pengajian Islam kerana ia membincangkan mengenai al-Quran dan segala khazanah yang terdapat di dalamnya bagi membantu seseorang untuk memahami al-Quran sebagai sumber utama umat Islam dengan baik. Oleh yang demikian untuk memahami kitab suci ini seseorang itu perlu mengetahui beberapa asas yang dikenali sebagai usul tafsir yang merupakan satu ilmu yang penting daripada ilmu-ilmu al-Qur'an.¹ Seiring dengan pertumbuhan populasi yang terus meningkat serta kefahaman setiap insan yang berbeza dalam memahami makna al-Qur'an muncul para mufasirin dari pelbagai kalangan dengan corak dan metode pentafsiran al-Qur'an al-Karim yang beraneka ragam. Perbezaan pentafsiran ini menjadikan para ahli tafsir memiliki kecenderungan tersendiri dalam menafsirkan al-Qur'an.

Para ulama membahagikan tafsir kepada tiga bahagian iaitu tafsīr al-Riwayah atau bi al-Mathur, tafsīr al-Dirayah atau bi al-Ra'yi dan tafsīr al-Isyārah atau al-Isyāri.² *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan bahagian daripada kategori tafsīr bi al-Ra'y³ (*mamduh*). Tafsir ini memiliki nilai yang tinggi dan telah tersebar luas diantara ulama-ulama Islam di dunia serta telah memberikan manfaat yang sangat banyak. Meskipun penjelasan *Tafsīr al-Jalālayn* sangat ringkas, sebahagian para ulama memilih *Tafsīr al-Jalālayn*

¹Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah, *Pengantar Usul Tafsir* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 3.

²Muhammad Abd al-'Azim al-Zarqānī, *Manāhil al-'Irfan fī 'Ulūm al-Qur'an* (cet. Ke-1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1988), 2:14.

³*al-Tafsīr bi al-Ra'y* ialah tafsir berdasarkan ijtihad dan qiyas (analogi) dengan penguasaan bahasa arab yang mendalam dan dibantu oleh ilmu-ilmu yang lainnya, seperti: sya'ir jahiliyah, pengetahuan tentang asbab nuzul, *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* serta ilmu-ilmu lain yang diperlukan oleh seorang mufasir. Lihat: al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssirun* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, 1976), 1:289.

sebagai salah satu kitab pedoman dalam pengajian tafsir.⁴ Justeru dayah-dayah tradisional di Aceh menggunakan *Tafsir al-Jalālayn* sebagai kurikulum rasmi dalam pembelajaran tafsir. Pengajian tafsir pada setiap peringkat tentunya berbeza-beza, yang mana semakin tinggi tingkat pengajian semakin luas pula perbahasannya.⁵

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Al-Qur'an merupakan sumber rujukan dan panduan utama bagi umat seluruh alam. Al-Qur'an al-Karim juga telah memperlihatkan kepada kita fakta-fakta tertentu, termasuk informasi paling konkrit yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad saw.⁶ Perkara ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾ وَأَنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ أَعْتَدْنَا
لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾ {الإسراء: ٩، ١٠}

Maksudnya : “Sesungguhnya Al Quran Ini memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang Mu'min yang mengerjakan amal saleh bahawa bagi mereka ada pahala yang besar, Dan Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat, kami sediakan bagi mereka azab yang pedih”.

(al-Isra :9-10)

Untuk memahami isi kandungan al-Qur'an ini memerlukan kepada ilmu pentafsiran al-Qur'an yang merupakan salah satu cabang ilmu al-Qur'an yang terpenting. Mannā' al-Qattān menuliskan dalam kitabnya, bahawasanya tafsir merupakan sebahagian daripada ilmu Syari'at paling agung yang mempunyai kedudukan tinggi, ia juga merupakan ilmu yang paling mulia objek pembahasan dan tujuannya.⁷ Tanpa adanya tafsir al-Qur'an seorang muslim tidak mungkin dapat

⁴al-Zarqānī, “*Manāhil al- 'Irfan*,” 74.

⁵Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu* (Selangor: Al-Rahmaniah, 1990), 143.

⁶Harun Yahya, *Memilih al-Qur'an Sebagai Pembimbing, Keutamaan Doa dan Doa Para Nabi dalam al-Qur'an* (Surabaya: Risalah Gusti, 2004), 34.

⁷Mannā' al-Qattān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'an* (cet. Ke-1, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2009), 299.

memahami kalam-kalam Allah S.W.T. bahkan seseorang yang tidak menguasai ilmu tafsir sulit dibayangkan suatu penafsiran terbebas dari kekeliruan berserta dengan ajaran yang terkandung di dalam al-Qur'an.⁸ Hal senada juga disampaikan oleh Syekh Muḥammad Abd al-'Azīm al-Zarqānī bahawa ilmu tafsir merupakan kunci untuk mengetahui perkataan-perkataan yang terkandung dalam al-Qur'an al-Karim untuk memperbaiki, menyelamatkan manusia serta membawa mereka kepada kecemerlangan dunia, tanpa adanya ilmu tafsir tidak mungkin bagi seseorang akan sampai pada khazanah tersebut, meskipun mereka membacanya berulang kali dan membacanya setiap harinya sampai seribu kali.⁹

Institusi dan struktur pengajian tafsir dikatakan begitu tersusun rapi yang terdiri daripada beberapa peringkat pengajian. Pengajian tafsir pada peringkat awal melalui sistem pondok menjadikan karya-karya tafsir klasik sebagai buku teks bagi para pelajar. Huraian yang diberikan terhadap teks tersebut adalah tidak menyeluruh. Walau bagaimanapun orientasi pengajian tafsir al-Qur'an berubah setelah ia dilaksanakan menerusi sistem pengajian sekolah yang turut memberi perhatian kepada ilmu dunia.¹⁰

Di Asia Tenggara umumnya kitab-kitab tafsir menjadi salah satu ilmu antara ilmu-ilmu yang diajarkan di setiap pondok pesantren. Aceh adalah salah satu Provinsi¹¹ di Indonesia yang mengajarkan tafsir al-Qur'an al-Karim. Adapun kitab tafsir yang menjadi pedoman atau rujukan bagi pesantren-pesantren di Provinsi Aceh adalah *Tafsīr al-Jalālayn*, khususnya pesantren yang bersifat tradisional. Sistem pengajian yang diajarkan menggunakan metode halaqah dimana seorang guru membacakan kitab *Tafsīr al-Jalālayn* (Bahasa Arab) serta menterjemahkannya kepada para pelajar, setelah itu

⁸Nashruddin Baidan, *Metode Penafsiran al-Qur'an Kajian Kritis Terhadap Ayat-Ayat Yang Beredaksi Mirip* (cet. Ke-1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002), 6.

⁹al-Zarqānī "Manāhil al-'Irfan," 9.

¹⁰Mustaffa bin Abdullah, "Pengajian Tafsir Di Kelantan Satu Tinjauan Sejarah," *Jurnal Usuluddin* 17-18, (Julai 2003), 107-122.

¹¹Provinsi ialah wilayah atau daerah yang dikepalai oleh Gubenur. Lihat: Departemen Pendidikan dan kebudayaan *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, cet. ke-3 (Jakarta: Balai Pustaka, 1990), 703, entri "Provinsi."

giliran para pelajar mengulangi dan menterjemahkan kata demi kata sebagaimana yang telah diungkapkan oleh gurunya. Hal ini dilakukan agar para pelajar boleh mengetahui arti dan fungsi kata dalam rangkaian kalimat arab. Dengan kata lain diwajibkan bagi para pelajar menguasai bahasa arab dengan baik sehingga mereka mampu membaca dan menterjemahkan secara tepat.

Pengajian *Tafsir al-Jalalayn* di pondok diajarkan sehingga khatam. Metode ini sangat berbeza dengan pembelajaran di sekolah-sekolah formal. Pengajian seperti ini telah memberikan pengaruh dan kesan yang berguna kepada para pelajar-pelajarnya, mereka mampu membaca kitab tafsir tanpa harakat dan memahaminya dengan baik dan benar. Diantara kesan yang lainnya adalah melalui pengajian ini mampu melahirkan ulama-ulama tafsir yang karismatik, tokoh-tokoh agama dan para mubaligh Islam.

Sistem seperti ini bersesuaian dengan realiti yang terdapat di kebanyakan dayah tradisional di Aceh samada di bandaraya mahupun di beberapa Kabupaten¹² Aceh lainnya. Majoriti dayah di Aceh masih mengekalkan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai tafsir utama dan rujukan bagi diajarkan kepada pelajar-pelajar yang belajar tafsir al-Qur'an. Kitab tafsir yang dipelajari ini akan dibaca dari awal hingga akhir. Setelah tamat, kitab itu diulangi semula hingga beberapa kali kerana murid yang belajar silih berganti, ada yang baru dan ada yang lama, ada yang muda dan ada yang tua.¹³

Tafsir al-Jalalayn juga merupakan kitab tafsir yang umum bahkan telah dikenali dalam masyarakat Aceh. Memandang pengajian tafsir al-Qur'an al-karim di Aceh yang menggunakan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai tafsir utama dalam pengajian dayah-dayah tradisional di Aceh, muncul beberapa persoalan yang berkaitan dengan kajian ini. Adapun persoalan tersebut adalah: Apakah faktor-faktor yang melatarbelakangi banyaknya penggunaan *Tafsir al-Jalalayn* di dayah-dayah tradisional di Aceh

¹²Kabupaten ialah Daerah tingkat II yang di kepalai oleh Bupati (daerah ini setara dengan bandaraya, merupakan bahagian langsung daripada Provinsi dan terdiri atas beberapa Kecamatan). Lihat: "*Kamus Besar*," 373, entri, "kabupaten,"

¹³Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia* (cet.ke-1, Malaysia: Book Pro, 2009), 10.

(khususnya Aceh Besar)? maksudnya: Mengapa dayah-dayah tradisional di Aceh mengajarkan kitab- *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai kitab rujukan dan sumber utama dalam pengajian tafsir berbanding dengan kitab-kitab tafsir yang lainnya. Padahal sebagaimana kita maklumi bersama kitab-kitab tafsir yang tersebar di seluruh penjuru dunia saat ini sangat beraneka ragam, bahkan ada tafsir-tafsir yang membahaskan pengajian al-Qur'an secara terperinci. Apakah keistimewaan yang dimiliki oleh *Tafsīr al-Jalālayn* ini sehingga ia boleh memberikan pengaruh kepada para pelajar sampai dengan masa ini? Bagaimana metode yang digunakan dalam pengajian ini bagi menyokong keilmuan para pelajarnya dan peranannya dalam masyarakat serta lembaga pendidikan?

Untuk menjawab persoalan-persoalan diatas penulis merasa perlu mengkaji mengenai pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah-dayah tradisional di Aceh. Dalam kajian ini penulis telah mengambil wilayah Aceh Besar sebagai lokasi kajian bagi memperoleh maklumat dan data-data sesuai dengan keinginan pengkaji.

1.2 DEFINISI TAJUK

Tajuk bagi kajian ini ialah “Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dan Pengaruhnya di Dayah Tradisional Kabupaten Aceh Besar”. Pada kajian ini penulis ingin menghuraikan terlebih dahulu pengertian tajuk yang dipilih secara umum. Definisi bagi istilah tajuk ini adalah seperti berikut:

PENGAJIAN

Pengajian ialah penyelidikan yang mendalam dan terperinci¹⁴ atau boleh diertikan juga sebagai usaha atau kegiatan belajar membaca al-Qur'an. Pengajian yang penulis maksudkan dalam disertasi ini ialah pengajian pembelajaran tafsir al-Qur'an al-Karim di dayah-dayah tradisional Kabupaten Aceh Besar, yang melibatkan para guru,

¹⁴*Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 657, entri “pengajian.”

pelajar dan cara penyampaian materi yang disampaikan sehingga boleh memberikan keberkesanan kepada para penuntut ilmu.

TAFSIR

Kata tafsir (تَفْسِيرٌ) ialah bentuk *mashdar* dari *fassara-yufassiru* (فَسَّرَ -يُفَسِّرُ) yang mengandung makna ‘penjelasan dan keterangan’. Kata tafsir (تَفْسِيرٌ) bererti menerangkan sesuatu yang masih samar serta menyingkap sesuatu yang tertutup.¹⁵ Di dalam kaitannya dengan kata tafsir (تَفْسِيرٌ) bererti menjelaskan makna kata yang sulit dipahami sehingga kata tersebut dapat dipahami maknanya. Tafsir mempunyai erti keterangan dan penjelasan,¹⁶ Tafsir juga boleh diertikan dengan membuka maksud yang tertutup dari suatu ungkapan, sehingga menghasilkan pemahaman.¹⁷ Menurut al-Zarqānī tafsir ialah, الإيضاح والبيان iaitu penerangan dan penjelasan.¹⁸

Firman Allah S.W.T

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾

Tidaklah orang-orang kafir itu datang kepadamu (membawa) sesuatu yang ganjil, melainkan kami datangkan kepadamu suatu yang benar dan yang paling baik penjelasannya.

Al-Furqan: 33

Dalam al-Qur’an perkataan tafsir disebut satu kali yakni di dalam surat al-Furqan (25):33¹⁹. Secara etimologis, tafsir (تَفْسِيرٌ) digunakan untuk menunjukkan maksud ‘menjelaskan masalah yang masih kabur, samar, dan belum jelas.’²⁰

¹⁵Quraish Shihab et al., *Ensiklopedia al-Qur’an: Kajian Kosakata* (Jakarta: Lentera Hati, 2007), 975.

¹⁶*Kamus Dewan*, “ed. Ke-4,” 1566, entri, tafsir.

¹⁷Mannā’ al-Qattān, “*Mabāhith fi ‘Ulūm*,” 295.

¹⁸al-Zarqānī, “*Manāhil al-‘Irfan*,” 4.

¹⁹Quraish Shihab, “*Ensiklopedia al-Qur’an*,” 975.

²⁰*Ibid.*

Menurut istilah kata tafsir mengacu kepada pemahaman secara komprehensif tentang kitab Allah yang diwahyukan kepada Nabi S.A.W. dan penjelasan makna yang mendalam, menggali hukum-hukumnya, mengambil hikmah dan pelajaran.²¹

Al-Zarqānī dalam *Manāhil al-'Irfan* mendefinisikan tafsir sebagai ilmu yang membicarakan tentang perihal al-Qur'an al-karim berdasarkan dalil-dalil terhadap maksud dan tujuan yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. mengikut kemampuan yang dipunyai oleh manusia.²²

Menurut Abū Hayyān tafsir ialah ilmu yang mengkaji tentang cara menyebut lafaz-lafaz al-Qur'an, maksud-maksudnya, hukum-hukumnya samada dalam bentuk *ifradiyah* dan *tarkibiyah* serta makna-maknanya yang dapat difahami daripada susunan ayat.²³

AL-JALĀLAYN

Perkataan al-Jalālayn dalam bahasa Arab bermaksud dua Jalāl. Kitab tafsir ini merupakan hasil karya dua orang yang berbeza dengan gelaran yang sama iaitu Jalāl al-Dīn. Masing-masing mereka menuliskan satu bahagian daripada tafsir ini. Surah al-Baqarah sehingga dengan akhir surah al-Isra ditulis oleh Jalāl al-Dīn Abd al-Rahman al-Suyūṭī, beliau dilahirkan selepas waktu maghrib malam ahad bulan rejab tahun 849 H.²⁴ beliau dibesarkan dalam keadaan yatim²⁵ dan telah menghafal al-Qur'an pada umur 8 tahun. Manakala mulai dari surah al-Kahfi sehingga dengan surah al-Nas ditulis oleh Jalāl al-Dīn Muḥammad Bin Ahmad al-Mahallī, beliau dilahirkan di Mesir pada tahun(791H).²⁶ Merupakan salah seorang ulama yang bermazhab Syafi'i.²⁷ Tafsir ini merupakan kitab rujukan dalam kalangan cendekiawan Islam kerana memiliki pengaruh

²¹Thameen Ushama, *Metodelogi Tafsir al-Qur'an Kajian Kritis, Objektif dan Komprehensif*, terj. Hasan Basri dan Amroeni (Jakarta: Riora Cipta, 2000), 4.

²²al-Zarqānī "Manāhil al-'Irfan," 4.

²³Mannā' al-Qattān "Mabāhith fī 'Ulūm," 296.

²⁴Jalāl al-Dīn Abd Rahman al-Suyūṭī, *Husn al-Muḥādarah fī Tārīkh Misr wa al-Qāhirah* (cet. ke-1, Kaherah: 'Isā al-Babī al-Halabī wa Syurkah, 1967), 1: 336.

²⁵*Ibid.*

²⁶Syams al-Dīn Muḥammad Bin 'Ali Ibn Ahmad al-Dāwudī, *Tabaqāt al-Mufasirīn* (cet. ke-1, Cairo: Maktabah Wahdah, 1972), 2: 80.

²⁷*Ibid.*

yang sangat besar, khususnya bagi masyarakat Melayu muslim di Nusantara. Kitab ini banyak digunakan oleh ulama-ulama Nusantara untuk diajarkan samada di kuliah, madrasah, pondok-pondok pesantren, mahupun masjid-masjid, kerana kitab ini mempunyai isi kandungan yang padat, singkat, ringkas, banyak menyebutkan aspek-aspek khusus secara mendalam terhadap satu-satu ayah al-Qur'an.

PONDOK/ DAYAH

Pondok ialah madrasah dan asrama tempat mengaji (belajar agama dll).²⁸ Perkataan 'Pondok' berasal daripada perkataan Arab (فندق) yang bermaksud khemah iaitu tempat persinggahan sementara bagi pengembara. Istilah 'Pondok' masyhur sebagai tempat bagi mempelajari ilmu-ilmu agama dengan membawa barang-barang keperluan sendiri.²⁹

Pondok adalah institusi pengajian agama yang paling awal bertapak di tanah Melayu. Ia terdiri daripada sebuah madrasah tempat mengajar yang dikelilingi oleh pondok-pondok kecil yang menjadi tempat tinggal murid-murid yang belajar disitu.³⁰ Kemunculannya dapat dikesan pada awal kurun ke-19M, hasil pengembangan dari pattani yang berindukkan Sumatera Utara (Acheh).³¹ Kelahiran institusi Pondok di tanah Melayu bermula daripada kesedaran para ulama yang mendapat pendidikan di luar negara seperti Pattani, Acheh, Mekah, Madinah dan lain-lain.³²

²⁸*Kamus Dewan*, "ed. Ke-4," 1224, entri, "pondok".

²⁹Mustaffa Abdullah, "*Khazanah Tafsir*," 6.

³⁰*Ibid.*, 6.

³¹*Ibid.*, 7.

³²*Ibid.*, 8.

TRADISIONAL

Tradisional berkaitan dengan, bersifat atau mengikuti tradisi: dalam kesusasteraan lama gaya bahasa dan teknik bercorak; masyarakat-masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang turun-temurun.³³ Adapun yang penulis maksudkan disini adalah tempat pengajian bagi para pelajar yang bersifat salafi.

1.3 SOALAN KAJIAN

Antara soalan kajian dalam disertasi ini ialah:

1. Bagaimanakah metodologi pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Tradisional Aceh Besar?
2. Apakah faktor-faktor yang melatarbelakangi banyaknya penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Tradisional Kabupaten Aceh Besar?
3. Bagaimanakah Pengaruh Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Aceh Besar?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif kajian, secara umumnya, objektif kajian penyelidikan ini ialah:

1. Menganalisis metodologi pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Tradisional di Aceh Besar.
2. Menganalisis faktor yang melatarbelakangi dayah tradisional di Aceh Besar menggunakan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai salah satu kitab tafsir utama dalam pengajian.
3. Menganalisis Pengaruh Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Aceh Besar.

³³*Ibid.*, 1711.

1.5 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis akan menumpukan perhatian dan fokus utama kepada pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah-Dayah Tradisional Kabupaten Aceh Besar. Adapun dayah yang akan di kaji dalam disertasi ini antara lain Dayah Ule Titi Kecamatan Ingin Jaya Kabupaten Aceh Besar, Dayah Raudhah al-Thalibah Kecamatan Ingin Jaya Kabupaten Aceh Besar dan Dayah Thalibul Huda Kecamatan Darul Imarah Kabupaten Aceh Besar. Dayah-dayah tradisional yang akan penulis kaji merupakan dayah yang telah di iktirafkan oleh Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD) Aceh Besar dan bandar Banda Aceh sebagai salah satu dayah tradisional yang mempunyai peringkat dengan penilaian A.³⁴

1.6 KAJIAN LEPAS

Secara umum kajian mengenai *Tafsīr al-Jalālayn* ada beberapa dibuat oleh para kalangan terpelajar dan akademik samada untuk memperoleh ijazah sarjana muda, sarjana atau doktor. Kajian khusus mengenai pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* kajian di Dayah Tradisional Kabupaten Aceh Besar-Indonesia masih belum dilakukan secara terperinci. Beberapa kajian yang mempunyai kaitan dengan kajian penulis antaranya ialah:

Abdul Rashid Bin Ahmad ³⁵, "*Tafsīr al-Nasafī dan Tafsīr al-Jalālayn satu kajian Perbandingan*". Merupakan sebuah tesis yang dihasilkan oleh Abdul Rashid Bin Ahmad Tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin di Universiti Malaya, Kuala Lumpur (2003), Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith. Di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor.

³⁴Keputusan Bupati Aceh Besar No. 195: Penetapan Type Dayah / Pesantren Dalam Kabupaten Aceh Besar 24 April 2012.

³⁵Abdul Rashid Bin Ahmad, "*Tafsir al-Nasafi dan Tafsir al-Jalalayn satu kajian Perbandingan*" (Tesis Doktor Falsafah Usuluddin , Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).

Merupakan kajian perpustakaan yang melibatkan metode pengumpulan data dan maklumat serta penganalisan data yang telah dikumpulkan. Tesis ini membincangkan perbandingan dua buah kitab tafsir yang sudah tidak asing lagi kepada masyarakat Islam di Malaysia iaitu *Tafsir al-Nasafi* dan *Tafsir al-Jalalayn*. Kajian ini berbicara mengenai persamaan dan perbezaan dalam aspek-aspek biografi mufasir, metode yang digunapakai dalam tafsir mereka, isu-isu yang berkaitan dengan *al-huruf al-tahajji*, permasalahan *fiqhiyyah*, *Asbab al-Nuzul*, tafsir al-Qur'an dan al-Hadith, riwayat Isra'iliyat dan ayat al-Sifat. Dalam kajian ini penulis telah menghasilkan kesimpulan bahawa ketiga penulis tafsir ini adalah tokoh yang cukup berwibawa dalam bidang tafsir al-Qur'an, disebabkan karya-karya mereka yang sangat banyak dalam bidang tafsir. *Tafsir al-Nasafi* dan *Tafsir al-Jalalayn* merupakan salah satu tafsir yang tergolong kedalam kategori tafsir bi al-Ra'y al-Mamduh dan juga termasuk dalam bahagian tafsir tahlili. Adapun metode yang digunapakai oleh al-Nasafi dan al-Jalalayn menggunakan metode yang hampir bersamaan iaitu mentafsirkan al-Qur'an dalam bentuk ringkas. Walau demikian terdapat juga perbezaan dalam tafsir mereka terutama dalam masalah *fiqhiyyah*, dimana al-Nasafi lebih cenderung kepada mazhab Hanafi, sementara al-Jalalayn lebih cenderung kepada mazhab Syafi'i. Disamping itu juga banyak ditemui dalam isu-isu yang lain kesamaan-kesamaan diantara mereka, kecuali tentang isi huruf *al-Tahajji*. Hasil kajian yang telah dilakukan oleh penulis mendapati, al-Nasafi mentafsirkan sebahagian besar huru-huruf tersebut, sementara al-Jalalayn sama sekali tidak mentafsirkannya. Dalam ertikata yang lain, al-Nasafi lebih cenderung kepada pendekatan golongan ulama khalaf, manakala al-Jalalayn pula lebih cenderung kepada pendekatan ulama salaf khususnya dalam masalah ini. Objektif utama kajian ini ialah membandingkan kitab *Tafsir al-Nasafi* dan *Tafsir al-Jalalayn* dari sudut persamaan dan perbezaannya bukannya membincangkan Pengajian *Tafsir al-Jalalayn* seperti kajian penulis.

Abdul Malik Karim Amrullah,³⁶ “*Perubahan Model Penyelenggaraan Pendidikan Pesantren*”. Merupakan sebuah tesis yang dihasilkan oleh Abdul Malik Karim Amrullah Tesis bagi Ijazah Doktor Program Studi Manajemen Pendidikan Universiti Negeri (UIN) Malang (2001), Jabatan Manajemen Pendidikan. Di bawah penyeliaan Prof. Dr. H. Ibrahim Bafadal, M.Pd, Prof. H. Ahmad Sonhadji K.H, M.A, Ph.D. dan Prof. Dr. Hendyat Soetopo, M.Pd

Merupakan kajian *deskriptif* dengan pendekatan kualitatif. Penelitian ini mengkaji lembaga pendidikan Islam tradisional yang memiliki tradisi serta kultur yang berkarakter iaitu lembaga pendidikan pesantren di pesantren an-Nur 2 Bululawang, pesantren PTIQ al-Furqan Buring serta pesantren Miftahul Falah Bungkok Singosari. Ketiga pesantren tersebut memiliki karakter dan kes yang berbeza satu sama lainnya. Pesantren Miftahul Falah ialah pesantren yang memiliki kes menurun, pesantren al-Furqan memiliki kes yang berbeza dimana pesantren ini baru lahir serta yang ketiga pesantren an-Nur yang mengalami masa kejayaan.

Penelitian ini mengkaji tentang : (a) Perubahan organisasi pesantren, yang meliputi (1) perubahan sistem manajemen pesantren, (2) Pembinaan pemberdayaan SDM pesantren, (b) kepemimpinan di lembaga pendidikan pesantren yang meliputi (1) pengembangan visi, dan (2) gaya kepemimpinan kyai pada pesantren, (c) perubahan model pembelajaran serta, (d) peranan pemangku kepentingan (stakeholder) internal dan luaran dalam proses perubahan pesantren, yang meliputi (1) peranan dalam pengembangan pesantren, dan (2) tipologi pelanggan pesantren pada proses perubahan pesantren.

Kajian dalam tesis ini mendapati beberapa fenomena yang menarik iaitu tentang perubahan organisasi pesantren. Temuan yang kedua adalah tentang tipologi kyai. Tipologi kyai yang pertama adalah Inovatif-Terbuka. Tipologi yang kedua adalah

³⁶Abdul Malik Karim Amrullah, “Perubahan Model Penyelenggaraan Pendidikan Pesantren” (Tesis Doktor Manajemen Pendidikan Universiti Negeri (UIN) Malang, 2001).

Konservatif-Inovatif. Tipologi yang ketiga adalah Terbuka-Tidak inovatif. Temuan ketiga ialah tentang perubahan sistem pembelajaran diniyah ke salaf. Temuan yang keempat ialah tentang kategori pemangku kepentingan. Abdul Malik dalam kajiannya lebih memfokuskan kepada pengurusan sebuah lembaga pendidikan Islam tradisional dan tidak membincangkan secara khas pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah tradisional.

Sudirman,³⁷ “*Penyelenggaraan Pendidikan di Daarut-Tauhid Bandung*”.

Merupakan sebuah tesis yang dihasilkan oleh Sudirman Tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta (2007), dalam bidang Ilmu Agama Islam. Di bawah penyeliaan Prof. Dr. Azyumardi Azra dan Prof. Dr. Suwito, M.A

Merupakan metode peneltitian *kualitatif* dengan pendekatan *induktif*. Tesis ini membincangkan contoh pendidikan pesantren Daarut-Tauhid Bandung. Penelitian ini mengungkapkan contoh pendidikan pesantren yang tidak hanya klasik (tradisional) mahupun moden. Melainkan kerana adanya alternatif lain untuk melabel pondok pesantren dan Islam pada lembaga sosial masyarakat dalam hal perniagaan, sehingga pondok pesantren merupakan lembaga ilmiah produktif yang tidak hanya menggantungkan diri pada aktiviti ibadah sahaja, melainkan untuk memajukan umat tanpa diberatkan masalah-masalah keuangan dan lain-lain. Penyelenggaraan pendidikan Daarut- Tauhid belum dapat sepenuhnya dikatakan pondok pesantren baik sebagai pesantren klasik mahupun moden, disebabkan kurikulumnya yang dikembangkan tidak mengajarkan pelbagai disiplin ilmu agama. Kajian dalam tesis ini membincangkan contoh pesantren sebagai lembaga pendidikan Islam yang akfif dalam bidang perniagaan bukannya pondok yang aktif dalam bidang pengajian seperti kajian penulis.

³⁷Sudirman, “*Penyelenggaraan Pendidikan di Daarut-Tauhid Bandung*” (Tesis Doktor Falsafah Agama Islam, Universiti Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007).

Syamsuddin Arief,³⁸ “*Jaringan pesantren di Sulawesi selatan (1928-2005)*”.

Merupakan sebuah tesis yang dihasilkan oleh Syamsuddin Arief. Tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta (2007), dalam bidang Ilmu Agama Islam. Di bawah penyeliaan Prof. Dr. H. Suswito, MA. dan Prof. Dr. H. Ahmad Thib Raya, MA.

Tesis ini meneliti jaringan pesantren di Sulawesi Selatan, penulis membincangkan jaringan-jaringan pesantren di Sulawesi Selatan, menurut beliau ada dua bentuk jaringan intelektual yang dibentuk oleh gurutta (Ulama) Muhammad As’ad. *Pertama* jaringan sebab guru yang dibangun dari beberapa ulama terkenal di mekkah-madinah pada abad ke-20. *Kedua* jaringan horizontal yang terbentuk antara sesama guru atau sesama murid. Disamping jaringan tersebut di atas, jaringan pesantren terbentuk pula melalui Trade (perdagangan), Travel (pengembaraan), dan Knowledge (pengetahuan). Penelitian ini menghasilkan bahawa jaringan pesantren di Sulawesi Selatan ada yang mandiri, sederajat atau subordinal. Secara kelembagaan dan organisasi terkait dengan Departemen Agama, Departemen Pendidikan Nasional, dan Yayasan Pendidikan Islam (yang didirikan oleh pengurus pondok). Penulis juga memberi saran diharapkan agar pesantren di Sulawesi Selatan dapat membangun suatu jaringan informasi dan komunikasi antara semua pesantren, bukan hanya yang ada dalam lini organisasinya masing-masing. Kajian dalam tesis ini menghuraikan jaringan-jaringan yang terbentuk di dalam lingkungan di pesantren dan sama sekali tidak menyentuh perbincangan mengenai pengajian *Tafsir al-Jalalayn*.

M. Ridlwan Nasir,³⁹ “*Dinamika Sistem Pendidikan: Studi di Pondok-Pondok Pesantren Kabupaten Jombang Jawa Timur*”, merupakan sebuah Tesis yang dihasilkan oleh M. Ridlwan Nasir. Tesis bagi Ijazah Doktor di IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta

³⁸Syamsuddin Arief, “*Jaringan pesantren di Sulawesi selatan (1928-2005)*” (Tesis Doktor Falsafah Agama Islam, Universiti Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007).

³⁹M. Ridlwan Nasir, “*Dinamika Sistem Pendidikan: Studi di Pondok-Pondok Pesantren Kabupaten Jombang Jawa Timur*” (Tesis bagi Ijazah Doktor di IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta 1996).

(1996). Kajian dalam tesis ini membicarakan tentang sistem pendidikan di lingkungan pesantren. Fokus utama Ridlwan dalam kajian ini ialah mendedahkan sistem pengajian di beberapa pondok di Jombang Jawa Timur, manakala penulis mengkaji pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah-dayah tradisional di Aceh.

Muhammad Syahrial Razali Ibrahim⁴⁰, “*Pengajian dan Penulisan Tafsir Al-Quran di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*”, merupakan sebuah disertasi yang dihasilkan oleh Muhammad Syahrial Razali Ibrahim bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pengajian Islam, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (2007) di bawah penyeliaan Prof. Madya. Dr. Ismail Yussof.

Merupakan kajian *deskriptif* dengan pendekatan *kualitatif*. Kajian ini membicarakan mengenai pengajian dan penulisan tafsir di Nanggroe Aceh Darussalam. Penulis mendedahkan sistem pengajian tafsir di beberapa institusi pendidikan di Banda Aceh dengan menumpukan kajiannya pada Madrasah Aliyah Negeri, Swasta, Tradisional, di Masjid dan pengajian tafsir di Institusi Pengajian Tinggi. Penulis juga mendedahkan perkembangan penulisan tafsir dan terjemahan al-Quran di sisi ulama Aceh. Namun demikian kajian ini tidak menyentuh perbahasan mengenai pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* secara khusus di dayah-dayah tradisional Kabupaten Aceh Besar sebagaimana dalam kajian penulis.

M. Yusuf Hamdani,⁴¹ “*Manajemen Pendidikan Pondok Pesantren Studi Kasus pada Pondok Pesantren Aji Mahasiswa al-Muhsin di Krapyak Wetan Yogyakarta*”. Merupakan sebuah Disertasi yang dihasilkan oleh M. Yusuf Hamdani bagi Ijazah Sarjana Pendidikan Islam Jabatan Pengurusan Kebijakan Pendidikan Islam, Yogyakarta (2009). Di bawah penyeliaan Dr. Mahmud Arief, M.Ag.

⁴⁰Muhammad Syahrial Razali Ibrahim, “Pengajian dan Penulisan Tafsir al-Quran di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam” (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004).

⁴¹M. Yusuf Hamdani, “Manajemen Pendidikan Pondok Pesantren Studi Kasus pada Pondok Pesantren Aji Mahasiswa al-Muhsin di Krapyak Wetan Yogyakarta” (Disertasi bagi Ijazah Sarjana Pendidikan Islam Jabatan Pengurusan Kebijakan Pendidikan Islam, Yogyakarta (2009).

Merupakan kajian *deskriptif* dengan pendekatan *kualitatif*. Kajian dalam disertasi ini membicarakan pengurusan pendidikan Pondok Pesantren Aji Mahasiswa al-Muhsin di Krapyak Wetan Yogyakarta yang menggabungkan antara sistem tradisional dengan sistem moden. Hasil daripada kajian ini mendedahkan bahawa Pondok Pesantren Aji Mahasiswa al-Muhsin di Krapyak Wetan Yogyakarta telah menerapkan pengurusan pendidikan, dimulai daripada perencanaan, penyusunan struktur organisasi, pengarahan dan pengawasan, akan tetapi belum dilaksanakan dengan sempurna. Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan pendidikan di pondok dan tidak membicarakan pengajian *Tafsir al-Jalalayn* di dayah tradisional.

Zainuddin Syarif,⁴² “*Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*”. Merupakan sebuah Disertasi yang dihasilkan Zainuddin Syarif bagi ijazah sarjana di Universiti Islam Indonesia (UII), Yogyakarta, (2001). Dalam disertasinya, Zainuddin Syarif membahaskan secara menyeluruh tentang pengurusan pesantren daripada masa tradisional sehingga moden. Namun demikian tidak dijumpai dalam kajian ini yang menghuraikan pengajian *Tafsir al-Jalalayn* di dayah-dayah tradisional.

Sameli,⁴³ “*Pondok Pesantren Salafiyah Sebagai Provider Pendidikan Luar Sekolah (Studi Kasus, Pengeleloaan Lembaga Pondok Pesantren Pendidikan dan Perguruan Agama Islam Ketapang Kepanjen Malang, Jawa Timur (2008)*”. Di bawah penyeliaan Dr. Zaini Rohmad, M.Pd, dan Dr. Sanapiah S. Faisal.

Penelitian ini menggunakan metode *deskriptif* dengan pendekatan *kualitatif*. Pondok pesantren Pendidikan dan Perguruan Agama Islam (PPAI) Ketapang Kepanjen Malang sebagai provider Pendidikan Luar Sekolah merupakan salah satu pesantren salafiyah yang menitikberatkan pada kegiatan belajar ilmu-ilmu keagamaan selama

⁴²Zainuddin Syarif, “Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern”. Disertasi bagi Ijazah Sarjana di Universiti Islam Indonesia (UII), Yogyakarta, (2001).

⁴³Sameli, “Pondok Pesantren Salafiyah Sebagai Provider Pendidikan Luar Sekolah (Studi Kasus, Pengeleloaan Lembaga Pondok Pesantren Pendidikan dan Perguruan Agama Islam Ketapang Kepanjen Malang (Disertasi Sarjana Pendidikan, UIN Malang, Jawa Timur, 2008)

setengah abad lebih yang mana dari tahun ke tahun terus mengalami perkembangan dan juga jumlah santri yang semakin meningkat.

Hasil kajian ini mendapati bahawa strategi pengelola dalam mempertahankan tipe salafiyah Pondok Pesantren PPAI Ketapang Kepanjen Malang ditentukan oleh: 1) kyai sebagai orang pertama yang mempunyai kuasa dalam kehidupan pondok pesantren, 2) pola pengambilan ustaz-ustazah melalui sistem kekeluargaan, 3) keterlibatan alumni dalam kegiatan-kegiatan pesantren, 4) kurikulum yang diterapkan berpegang teguh pada pola tradisional. Antara alasan utama dari pendiri pondok pesantren untuk mempertahankan tipe salafiyah ialah: pertama Ta'at, takzim pada wasiat dan yang kedua menjaga kemurniaan nilai leluhur. Pengkaji dalam disertasinya telah membincangkan pengurusan dan kejayaan dalam mempertahankan tipe salafiyah di lembaga pendidikan Islam, namun perbincangan mengenai pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah tradisional tidak dihuraikan seperti dalam kajian penulis.

Imam Zaki Fuad,⁴⁴ *Kajian atas Kitab Hāsyyah al-Sāwī 'ala Tafsīr al-Jalālayn*. merupakan kajian ilmiah yang dihasilkan oleh Imam Zaki Fuad bagi ijazah Sarjana Usuluddin di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta (2011) dibawah penyeliaan Moh. Anwar Syarifuddin, Ma.

Merupakan kajian perpustakaan. Penyelidikan ini mengkaji tentang penghargaan ulama terhadap *Tafsīr al-Jalālayn*. kajian ini juga menghasilkan 16 syarah atau hāsyyah daripada kitab *Tafsīr al-Jalālayn* yang terkenal di dunia dan empat kitab yang secara jelas menyatakan sebagai terjemah daripada *Tafsīr al-Jalālayn* di Nusantara. Dalam kajian ini, penulis mengkaji secara singkat beberapa *syarah* dan *hāsyyah* yang berhasil didapati dengan mengelompokkan masing-masing berdasarkan mazhab fikihnya. Kerana, *Tafsīr al-Jalālayn* yang dikarang oleh dua orang bermazhab al-Syāfi'ī telah mendapati penghargaan oleh ulama sesudahnya yang berbeza mazhab.

⁴⁴Iman Zaki Fuad, "Kajian atas Kitab Hasyiah al-Sawi ala Tafsir al-Jalalayn" (Penyelidikan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Jabatan Tafsir Hadith, Univesiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2011).

Penyelidikan ini secara khusus membahas kitab *Hāsyiah al-Sāwī*, salah satu *hāsyiah* daripada *Tafsīr al-Jalālayn*. penyelidikan ini juga menyebutkan deskripsi seputar naskh *Hāsyiah al-Sāwī*, proses penulisan, latar belakang penulisan, sejarah penulisan, metode dan corak penafsirannya. Penyelidikan ini juga menyebutkan beberapa keistimewaan *al-Sawi*, kerana ia mampu membuat *hasyiahnya* berbeza dengan syarah atau *hasyiah* daripada *Tafsīr al-Jalālayn* yang lain. Adapun fokus utama penulis dalam kajian ini ialah membincangkan secara khas pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di beberapa dayah tradisional di Aceh Besar.

Kajian yang berkaitan dengan disertasi ini juga telah dikaji dalam pelbagai jurnal-jurnal ilmiah, seminar international dan buku-buku bercetak, akan tetapi kajian ini tidak mengkaji secara spesifik mengenai pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di pondok Pesantren Kabupaten Aceh Besar, adapun kajian itu diantaranya ialah:

Abdul Rashīd bin Ahmad (*Jurnal Usuluddin* bil 9-10, Julai 1999) : al-Imam Jalāl al-Din al-Suyūṭī. satu jurnal yang telah di tuliskan oleh Abdul Rashīd bin Ahmad beliau merupakan Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Ahmad. Universiti Malaya. Jurnal ini membincangkan tentang biografi Imam al-Suyūṭī.⁴⁵ Jurnal ini secara khas mendedahkan biografi al-Imam Jalāl al-Din al-Suyūṭī dan bukannya membicarakan pengajian *Tafsīr al-Jalālayn*.

Ahmad Syamsu Rizal⁴⁶ (*Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim* bil. 9 No.2-2011): Transformasi Corak Edukasi Dalam Sistem Pendidikan Pesantren, Dari Pola Tradisi Ke Pola Moden. Satu jurnal yang telah dihasilkan oleh Ahmad Syamsu Rizal. Jurnal ini membincangkan sistem Pendidikan Institusi Islam Tertua di Indonesia (Pesantren).

⁴⁵ Abdul Rashīd bin Ahmad, “al-Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī”, *Jurnal Usuluddin* 9-10, (Julai, 1999), 1-20.

⁴⁶ Ahmad Syamsu Rizal, “Transformasi Corak Edukasi Dalam Sistem Pendidikan Pesantren, Dari Pola Tradisi Ke Pola Modern”, *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim* 9, (No.2- 2011), 95-112.

Kajian dalam jurnal ini membincangkan perubahan corak pendidikan model pesantren dalam perkembangannya selama satu abad dahulu iaitu terjadinya perubahan-perubahan signifikan yang berhubungkait dengan tujuh aspek pendidikan. Peneliti menyimpulkan bahawa pesantren hanya mahu mengambil sesuatu yang baharu, jika hal baru itu lebih baik dan akan tetap mempertahankan tradisi, apatah lagi tradisi itu bersumber dari pandangan Islami, jika memang tradisi itu terbukti telah berhasil menunjukkan kebaikan. Di kalangan ulama terkenal dengan prinsip “*al-Muhafazah bi al-Qadim al-Salih wa al-Akhzu bi al-Jadid al-Aslah*”. Pengkaji dalam jurnal ini membincangkan transformasi lembaga pendidikan Islam tertua (Pesantren) di Indonesia dan tidak membahas pengajian *Tafsir al-Jalalayn* sebagaimana kajian penulis.

Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar⁴⁷ : Pengajian Tafsir Di Pondok-Pondok Negeri Kelantan, International Seminar On Al-Qur’an – Universiti Islam Malaysia (19-20 September 2005: Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur-Malaysia.)

Kajian seminar ini menghasilkan dapatan pengajian tafsir di pondok-pondok Malaysia hingga dengan masa ini masih menggunakan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai materi pengajaran yang akan disampaikan kepada para pelajar-pelajar pondok dengan menggunakan metode pengajaran dan pengajian samada secara nizami mahupun umum. Pengajian tafsir ini memberikan keberkesanan kepada para pelajar-pelajar dengan bertambahnya ilmu pengetahuan dan kepahaman mereka terhadap tafsir al-Qur’an al-Karim bahkan boleh melahirkan ulama-ulama yang berwibawa dalam bidang ini.

Prof. Dr. Mani’ Abd Halim Mahmud⁴⁸: *Metodelogi Tafsir: Kajian Komprehensif Metode Para Ahli Tafsir*. Kajian dalam kitab ini membincangkan mengenai profil iman al-Suyūṭī, karya dan contoh-contoh tafsir karya imam al-Suyūṭī.

⁴⁷Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar : Pengajian Tafsir Di Pondok-Pondok Negeri Kelantan, International Seminar On Al-Qur’an – Universiti Islam Malaysia (19-20 September 2005: Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur-Malaysia.), 6.

Zainuddin Syarif⁴⁹: *Dinamisasi Manajemen Pesantren*. Kajian dalam tulisan atau buku ini membicarakan format pengurusan pesantren, model pengurusan pesantren, dan model pondok pesantren di masa hadapan.

Seterusnya Penulis juga menemukan tulisan daripada Mahpuddin Noor⁵⁰: buku ini membahaskan pesantren dari sudut sejarah, perubahan dan perkembangan pondok pesantren.

Berdasarkan penyelidikan yang telah dilakukan, penulis tidak mendapati ada kajian secara khusus yang mengkaji tentang pengajian *Tafsir al-Jalālayn* dan pengaruhnya di dayah tradisional Kabupaten Aceh Besar. Walau bagaimanapun, kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji tersebut amat bermanfaat bagi penulis untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Melalu kajian ini, penulis dapat memperkenalkan corak pemikiran Jalāl al-Din al-Suyutī dan Jalāl al-Din al-Mahallī yang jelas dan gaya bahasa yang mudah dipahami serta susunannya yang indah.
2. Melalu kajian ini, penulis dapat memperkenalkan metodologi atau kaedah pengajaran tafsir Jalāl al-Din al-Sayutī dan Jalal al-Din al-Mahallī yang digunakan oleh para ulama Nusantara Khususnya di Aceh.
3. Melalui kajian ini juga, dapat diketahui faktor-faktor apa sahaja yang melatarbelakangi pondok pesantren tradisional menggunakan *Tafsir al-Jalālayn* sebagai kitab tafsir utama dalam pembelajaran.

⁴⁸Manī' Abd Halim Mahmud , “*Metodelogi Tafsir: Kajian Komprehensif Metode Para Ahli Tafsir*, terj. ‘syahdianor, et al., (Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, 2006), 126.

⁴⁹Zainuddin Syarif, “*Dinamisasi Manajemen Pesantren; dari Tradisional hingga Modern*”,(Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007).

⁵⁰Mahpuddin Noor, “*Potret Dunia Pesantren*”, (Bandung: Humaniora, 2006).

4. Memberikan informasi kepada masyarakat mengenai tafsir yang dijadikan sebagai rujukan dalam usaha dakwah dan pengembangan ilmu islam bagi masyarakat.
5. Memberikan maklumat kepada masyarakat mengenai kedudukan *Tafsīr al-Jalālayn*.

1.8 METODELOGI PENYELIDIKAN

Metodologi kajian ialah kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisa data.⁵¹ Penghuraian perkara ini sangat penting bagi melihat kaedah-kaedah yang dirangka boleh mencapai objektif yang dicadangkan. Ia juga merupakan suatu masalah penting dalam penelitian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian. Apabila metode-metode yang digunakan betul dan sesuai dengan objek dan tujuan, sesuatu kajian itu menjadi lebih baik dan bermutu. Dengan menggunakan kaedah ini, data-data dan fakta-fakta dapat dihuraikan dengan baik serta bertepatan dengan kehendak tajuk kajian.

Kajian bagi penyelidikan ini dikategorikan sebagai kajian lapangan (field research) yang menggunakan pendekatan kualitatif, maka pusat-pusat yang menjadi tumpuan penulis pada kajian ini ialah bahan-bahan yang berbentuk manuskrip atau karya-karya penulisan terdahulu, dengan itu keseluruhan maklumat dan data kajian banyak diperolehi daripada sumber-sumber bentuk tulisan, manuskrip, jurnal, artikel, majalah, surat khabar dan sebagainya, perolehan data ini disebut dengan data sekunder. Manakala bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian kuantitatif diperolehi dengan melakukan lawatan-lawatan ke lokasi kajian (observasi) dan menemu bual (Interview) pimpinan dayah, beberapa tenaga pengajar yang terlibat dalam pengajian tafsir, para pelajar, serta pihak-pihak yang berkaitan. Semua ini dilakukan bagi memperolehi

⁵¹Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 42.

maklumat dan data-data yang valid. Kajian ini juga menggunakan pengumpulan data daripada al-Qur'an al-Karim dan kitab *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai data primer.

Antara metode-metode yang penulis gunakan dalam kajian ini ialah:

1. Metode penentuan subjek
2. Metode pengumpulan data
3. Metode penganalisan data

1.8.1 Metode penentuan subjek

Melalui metode ini, penulis menentukan topik-topik yang berkaitan kepada aspek bidang ilmu-ilmu al-Qur'an. Ini penting bagi memudahkan penulis merangka struktur kajian dan pengumpulan data. Dalam penentuan subjek ini, penulis telah melakukan penumpuan kepada satu kitab tafsir pilihan iaitu *Tafsīr al-Jalālayn* karya Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyutī. Kajian ini mencakupi perbahasan tentang "Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dan Pengaruhnya di Dayah Tradisional Kabupaten Aceh Besar".

1.8.2 Metode pengumpulan data

Metode seterusnya yang diaplikasikan di dalam kajian ini ialah dari sudut pengumpulan data. Data adalah maklumat yang dikumpul sama ada dalam bentuk angka (kuantitatif) atau huraian (kualitatif) dengan menggunakan metode-metode seperti analisis bahan-bahan bertulis atau dokumen, pemerhatian terhadap objek kajian, temubual dengan responden atau pengedaran borang soal selidik.⁵² Penulis telah mendapatkan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak. Bahan-bahan bercetak tersebut sama ada melalui dokumen, kajian-kajian terdahulu, buku-buku ilmiah, kamus dan lain-lain lagi. Untuk membantu dalam pengumpulan data ini, bahan-bahan tersebut

⁵²*Ibid.*, 50.

boleh dibahagikan kepada karya-karya turath ulama masa klasik dan masa kini, serta kitab-kitab yang mempunyai hubungan rapat dengan tajuk kajian seperti kitab-kitab al-Hadith dan yang memilki kaitannya. Dalam hal ini penulis telah menggunakan beberapa metode, iaitu:

1.8.2.1 Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah metode yang diperolehi melalui kaedah analisis dokumen seperti dokumen-dokumen sejarah, laporan statistik, rekod institusi atau organisasi serta laporan atau rekod pentadbiran.⁵³

Kajian terhadap dokumen adalah penting untuk memperolehi maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji, dapat menyusun dan mengenalpasti masalah yang dikaji, menajamkan perasaan untuk meneliti, membuat analisis yang lebih kritis dan memperluaskan pengalaman ilmiah. Dalam hal ini, Penulis akan mengkaji segala dokumen yang berkaitan dengan kajian ini sebagai panduan bagi penulis mencari segala data.

1.8.2.2 Metodologi Temu Bual (Interview)

Temubual ialah kaedah secara langsung mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada responden. Dalam konteks ini berlaku hubungan dua hala atau *face to face* antara penyelidik dengan responden atau sebaliknya apabila temubual dilakukan melalui telefon.⁵⁴ Menurut Jhon Robert Show temubual ialah percakapan yang terjadi antara dua orang mahupun lebih untuk membincangkan suatu perkara.⁵⁵ metode ini digunakan untuk memperoleh data dari para tokoh ulama, guru-guru, dan institusi terkait.

⁵³*Ibid.*, 51.

⁵⁴*Ibid.*, 65

⁵⁵ Jhon Robert Shaw, *The New Harizon Ladder Dictionary* (Signet: USA, 1970), 272

1.8.2.3 Metodologi Observasi

Kaedah observasi adalah salah satu kaedah yang penting dalam mendapatkan data.⁵⁶ Dalam metode ini penulis memfokuskan perhatian secara khusus kepada beberapa bahagian iaitu faktor yang mempengaruhi banyaknya penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai kitab rujukan dalam pengajian tafsir, metodologi pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah tradisional kabupaten Aceh Besar. Dalam hal ini penulis akan melakukan lawatan ke lokasi-lokasi kajian atau institusi-institusi terkait bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang akan dilakukan.

1.8.2.4 Metode Historis

Metode historis mahupun sejarah merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian. Penggunaan metode ini bertujuan untuk meramal masa depan dan akan memberikan ruang untuk menyediakan cadangan-cadangan awalan bagi menghadapi masalah.⁵⁷ Ini kerana peristiwa, perkara atau objek yang lepas adalah sesuatu yang amat bernilai untuk dikaji. Penelitian sejarah juga mengandungi fakta-fakta yang sah dan tidak boleh diselewengkan. Oleh kerana itu, penulis perlu meneliti dengan sebaiknya sebelum mencatat sesuatu fakta.

Penulis akan menggunakan metode ini untuk mendapatkan fakta-fakta sejarah mengenai tokoh tokoh tafsir di Aceh iaitu dengan mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan kajian seperti sejarah perkembangan tafsir di Aceh.

1.8.3 Metode Penganalisan Data

Metode analisis data digunakan bagi mengkaji data-data yang terkumpul serta merumuskan dan menganalisisnya. Metode ini akan diterapkan pada semua bab. Metode analisis ini dilakukan melalui metode-metode berikut:

⁵⁶ Ahmad Sunawari Long, "*Pengenalan Metodologi*," 55.

⁵⁷ *Ibid.*, 21.

1.8.3.1 Metode Induktif

Metode induktif merupakan suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini digunakan untuk menganalisa tajuk dan dikembangkan menerusi kajian yang dilakukan. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisis data bagi setiap maklumat yang diperolehi melalui bahan-bahan bacaan seperti buku, artikel dan sebagainya.

1.8.3.2 Metode Deduktif

Penulis juga menggunakan metode deduktif di dalam penyelidikan ini. Metode ini merupakan cara menganalisa data mahupun melakukan penulisan berdasarkan kepada dalil umum terhadap beberapa hal yang khusus. Pengaplikasian metode ini mengemukakan suatu pernyataan dan memberi bukti-bukti yang boleh dijadikan hujah dan panduan dalam masalah kajian. Penulis menggunakan kaedah ini bagi menganalisa data-data yang dikumpulkan khusus bagi bab empat dan bab terakhir. Iaitu penulis membuat kesimpulan terhadap analisa yang dilakukan ke atas metodologi penulisan kitab yang dipilih melalui idea yang dicetuskan.

1.8.3.3 Metode Komparatif

Metode komparatif merupakan perbandingan antara beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Segala data dan pendapat ahli yang berautoriti dikumpulkan dan dibandingkan, seterusnya dibuat kesimpulan, generalisasi dan dalil. Melalui kaedah ini, penulis mengumpulkan data-data yang diperolehi dari sumber-sumber utama. Kemudian penulis membandingkan sumber yang mempunyai persamaan dan perbezaan yang diperolehi bagi mendapatkan maklumat yang lebih kuat. Hasil daripada perbandingan dan penelitian yang dilakukan oleh penulis akan dijadikan kesimpulan bagi kajian.

BAB I

PERKEMBANGAN TAFSIR DI ACHEH

1.1 PENDAHULUAN

Pada awal Islam masuk ke Aceh, tahun 1290 M, pengajian Islam telah wujud, khususnya setelah berdirinya kerajaan Pasai. Sistem pengajian tafsir di Aceh melalui “Pengajian al-Quran” pada mulanya di ajarkan kepada setiap Muslim di surau-surau dan masjid yang kemudian diajarkan juga mengkaji pelbagai disiplin ilmu keislaman bagi menambah khazanah ilmu al-Quran.

Di Sumatera, terutama Aceh, pengajian al-Quran sangat ramai diminati. Merujuk kepada naskhah-naskhah yang telah ditulis oleh ulama Aceh, dapat disimpulkan bahawa pada abad ke-16 M upaya pentafsiran al-Quran telah dilakukan. Ini dapat dilihat secara khasnya daripada karya-karya ulama Aceh yang telah dihasilkan dan disebarluaskan di dunia Nusantara.

Oleh yang demikian dalam disertasi ini, penulis cuba untuk mendedahkan beberapa perkara yang berkaitan dengan sejarah pengajian tafsir al-Quran di Aceh dan tokoh-tokoh ulama dalam bidang tafsir serta hasil karya mereka.

1.2 Perkembangan Tafsir di Aceh

Proses pengajian Islam di Aceh seiring dengan masuknya Islam di wilayah itu. Setelah terjadinya proses Islamisasi di Aceh serta diiringi pula oleh ulama-ulama yang berdatangan daripada luar Aceh seperti Mekkah, Gujarat, dan Parsi, kegiatan pengajian ini disebarkan sebagaimana pada masa Rasulullah. Pengajian ini dilakukan di masjid-masjid dalam bentuk *halaqah* dimana para pelajar duduk melingkar mengelilingi ulama (guru) untuk mempelajari ilmu-ilmu agama dari ulama tersebut.

Pada peringkat awalnya pengajian tafsir di Aceh belum dilakukan secara terpisah, kerana bentuk pengajian pada masa itu masih bercampur dengan pengajian agama lainnya seperti fiqh, tauhid dan tasawuf. Pengajian ini barulah di perkenalkan dan dikembangkan secara lebih mendalam lagi pada masa Aceh telah memiliki kesultanan sendiri seperti kerajaan Islam di Peureulak, kerajaan Islam Samudera Pasai dan kerajaan Aceh Darussalam. Ibn Batutah dalam bukunya *Rihlah Ibn Batutah* bahawa ketika ia berkunjung ke Samudera Pasai pada tahun 1354 M, ia mengikuti raja mengadakan *halaqah* setelah solat jumaat sampai waktu asar. Dari keterangan itu diperkirakan kerajaan Samudera Pasai ketika itu pernah menjadi pusat agama Islam untuk berdiskusi tentang masalah-masalah keagamaan dan keduniawian sekaligus.⁵⁸ Justeru pada masa itu telah wujud beberapa institusi -institusi pengajian Islam kerana dorongan dan perhatian dari penguasa yang mempunyai kepedulian yang tinggi serta peranan para ulama terhadap ilmu pengetahuan. Pada kurun ke-13 M ramai ulama nusantara pergi belajar keluar negara, seperti Mekkah, Mesir dan India bagi mempelajari tafsir dan menyebarkannya.

Pada kurun ke-15 M, Perkembangan tafsir di Aceh berkembang dengan cepat, hal itu ditandai dengan lahirnya kitab-kitab terjemah dalam tulisan jawi. Aceh ketika itu juga menjadi pusat penjualan al-Quran dan kitab-kitab yang telah diterjemahkan dalam tulisan jawi⁵⁹. Tentunya kitab-kitab yang telah diterjemahkan dalam bentuk tulisan jawi tidak terlepas dari ayat-ayat al-Quran yang juga ikut diterjemahkan dan disyarahkan yang mana syarahan terhadap ayat tersebut sebagaimana syarahan yang kita jumpai dalam banyak kitab Arab sekarang. Justeru pada masa itu Aceh juga telah menjadi salah satu Bandar besar yang menjual banyak kitab yang didatangkan dari luar Negara seperti Mekkah, Mesir dan India.

⁵⁸Taufik Abdullah, *Islam dan Masyarakat, Pantulan Sejarah Indonesia* (Jakarta: LP3ES, 1987), 110.

⁵⁹Zainuddin, *Tarikh Aceh dan Nusantara* (Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1961), 259.

Setelah kejatuhan Melaka pada tahun 1511 M⁶⁰, Aceh bukan sahaja mengambil alih kuasa politik yang dipegang oleh Melaka selama ini tetapi sekaligus menjadi pusat pengajian Islam di rantau Asia. Kurun ke-17 adalah kurun di mana Aceh telah mencapai puncak kegemilangannya dalam semua aspek, baik dari aspek politik, kekuatan, ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Pada masa inilah kepemimpinan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang telah menjadi kenangan semua masyarakat Aceh hingga ke hari ini, beliau adalah seorang raja yang adil di mata bangsa Aceh ketika itu, al-Quran yang menjadi sumber perundangan tertinggi pada masa pemerintahan beliau bukan hanya sekadar lambang dan rasam tetapi juga beliau amat menekankan pelaksanaan apa-apa yang ada dalam al-Quran.

Pada masa pemerintahannya, pengajian tafsir semakin berkembang dari sebelumnya dan tidak hanya terhad kepada bentuk pembelajaran seperti masa-masa sebelum pemerintahan Sultan Iskandar Muda tetapi lebih meluas sehingga dijadikan satu jabatan khas yang dinamakan dengan “*Dār al-Tafsīr wa al-Hadīth*” yang bertempat di Masjid Raya Baiturrahim⁶¹ yang diasaskan oleh beliau sendiri dan terpisah daripada jabatan-jabatan yang lain seperti fiqh, falsafah dan lain-lain.⁶² Sejarah mencatat bahawa Jami`ah Baiturrahman juga mempunyai berbagai “*Dār*” (Fakulti)⁶³, di antaranya: *Dār al-Tafsīr wa al-Hadīth* (Fakulti Tafsir dan Hadith), *Dār Ṭibb* (Fakulti Kedokteran), *Dār Kimia* (Fakulti Kimia), *Dār Siyāsah* (Fakulti Politik), *Dār Ḥisāb* (Fakulti Matematik), *Dār Kalām* (Fakulti Ilmu Kalam atau Tauhid), *Dār Ḥarbi* (Fakulti Ketenteraan), *Dār Madhāhib* (Fakulti Perbandingan Mazhab), *Dār Tārīkh* (Fakulti Sejarah), *Dār Zirā`ah* (Fakulti Pertanian), *Dār Khazānah Baitul Mal* (Fakulti

⁶⁰Zakaria Ahmad, *Keradjaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675* (Medan: Monora, 1972), 27.

⁶¹Masjid Baiturrahim dibangun oleh Sultan Iskandar Muda sekitar tahun 1016 H/1607 M dalam kompleks keraton Darud Dunya. (M. Junus Djamil, *Tawarikh Raja-Raja Kerajaan Aceh* (Banda Aceh: Iskandar Muda, 1959), 38.

⁶²Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu* (Selangor: al-Rahmaniah, 1990), 144.

⁶³Ali Hasjimy, Apa Sebab Pendidikan Islam Menjadi Faktor Pembina Persatuan Bangsa? *Sinar Darussalam*, no. 36 (Julai 1971), 20.

Perbendaharaan Kewangan Negara), *Dār Falsafah* (Fakulti Falsafah), *Dār Akli* (Fakulti Ilmu Akal), *Dār Ahkām* (Fakulti Ilmu Hukum).

Pengajian tafsir semakin terlihat kejayaannya pada masa pemerintahan Ratu Tajul Alam Safiatuddin Syah yang memerintah Aceh pada tahun 1641-1675. Beliau adalah anak daripada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan isteri kepada Sultan Iskandar Thani yang memerintah kerajaan Aceh Darussalam setelah Sultan Iskandar Muda.

Pada masa pemerintahan Ratu Safiatuddin Syah muncul sebuah kitab tafsir yang bertajuk "*Tarjumān al-Mustafid*" karangan seorang ulama Aceh yang terkenal pada masa itu, Syeikh Abdul Rauf `Ali al-Fansuri al-Singkili. Seorang ulama Aceh yang berasal dari Barus di daerah Singkil di Aceh Selatan. Di Aceh lebih dikenali dengan Syiah Kuala.

Dengan ketinggian ilmu yang dimilikinya, ramai orang yang telah belajar kepada beliau yang menyerlahkan proses perkembangan pengajian tafsir di Nusantara. Antara mereka ialah Syeikh Abdul Malik ibn `Abdullah yang terkenal dengan tok pulau manis yang berasal dari negeri Terengganu⁶⁴ dan Syeikh Daud ibn Ismail Agha Mustafa ibn Agha `Ali al-Rumi yang lebih terkenal dengan gelaran Teungku Chik Dieleupeu Baba Daud⁶⁵ yang kedua-duanya merupakan murid kepada Syeikh Abdul Rauf.

Seiring dengan mundurnya kerajaan Aceh Darussalam selepas pemerintahan ratu Safiatuddin hingga kurun ke-19, maka pengajian agama pun sempat mengalami keadaan yang kurang baik, tidak seperti masa-masa sebelumnya. Dikatakan bahawa masa-masa pemerintahan Sultan Alauddin sampai kepada masa ratu Safiatuddin adalah masa kegemilangan kerajaan Aceh Darussalam, manakala masa-masa selepasnya semenjak

⁶⁴Ismail Yusoff, "Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia" (Tesis Kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 1995), 8.

⁶⁵Ali Hasyimi, *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu* (Jakarta: Bulan Bintang, t.t), 116-117.

pemerintahan Ratu Nurul Alam Naqiyatuddin sampai kepada masa pemerintahan Sultan Alaidin Muhammad Daud Syah adalah masa suram yang turun temurun.⁶⁶

Semasa peperangan dengan Belanda (1873) para ulama masih tetap menjalankan tugasnya sebagai pengajar, mereka terpaksa mengajar di bawah pokok dan dalam hutan kerana kemudahan yang ada telah binasa oleh kejamnya peperangan. Ali Hasyimi dalam sebuah bukunya mengatakan bahawa selama peperangan dengan Belanda yang berkedudukan di Aceh dari tahun 1873 M pengajian Islam tetap berjalan terus walaupun keadaannya sudah lemah.⁶⁷ Dari apa yang diperkatakan oleh Hasyimi, maka penulis menyimpulkan bahawa pengajian tafsir pada masa peperangan dengan Belanda masih tetap diajarkan walaupun dalam keadaan yang berbeza dengan sebelumnya. Keadaan seperti ini berakhir hingga awal kurun ke-20 M. Di mana tempat-tempat pengajian yang telah hancur ketika perang dengan Belanda telah dibangun semula. Penangkapan Sultan Alaidin Daud Syah tahun 1903 M telah membuat ramai ulama pergi menyerahkan diri kepada pihak Belanda supaya aman daripada penangkapan tersebut. Tujuan ulama-ulama ketika itu adalah untuk dapat membangun kembali tempat-tempat pengajian dan meneruskan pengajian yang ada.⁶⁸

Pengajian tafsir terus berlanjut hingga ke hari ini walaupun terjadinya berbagai halangan. Peperangan yang terjadi dengan Belanda telah melumpuhkan dunia pendidikan Aceh, namun para ulama masih tetap semangat untuk mengajarkan umat yang jahil ini. Pembaharuan sistem pendidikan yang terjadi pada awal kurun ke-20, iaitu setelah ditubuhkannya PUSA (persatuan ulama seluruh Aceh), yang mana setelah itu timbul inisiatif daripada sebahagian ulama untuk memodenkan sistem pendidikan yang selama ini berlaku di pondok iaitu dengan memasukkan sejumlah mata pelajaran lain ke dalam pelajaran yang selama ini diajarkan di pondok. Mereka tidak hanya diajarkan

⁶⁶*Ibid.*, 20.

⁶⁷Ali Hasyimi, *Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh* (Jakarta: Bulan Bintang, 1978), 83-84.

⁶⁸*Ibid.*, 84-85.

ilmu fiqh, tafsir, hadith, mantiq tetapi juga diajarkan sejarah, matematik, kimia dan lain-lain.⁶⁹

Sistem pengajian pondok yang telah dimodenisasikan menjadi madrasah tanpa menghilangkan identitinya sendiri dengan tetap mengajarkan sejumlah mata pelajaran agama seperti tafsir, hadith, fiqh dan lain-lain telah membuat sistem pendidikan agama di Aceh terpecah menjadi pondok dan madrasah (sekolah agama). Walaupun telah terjadi perubahan dan pembaharuan namun mata pelajaran tafsir masih tetap diajarkan hingga ke hari ini, disamping pengajian tafsir yang diajarkan dipondok-pondok masih tidak berubah.

Tafsir tidak hanya diajarkan di sekolah agama sahaja melainkan juga diajarkan di institusi pengajian tinggi seperti IAIN Ar-Raniry dengan ditubuhkannya sebuah jabatan khas iaitu Jabatan Tafsir Hadith Pada Fakulti Usuluddin. Bahkan tidak hanya terhad pada jabatan tafsir hadith sahaja, tafsir juga diajarkan pada semua jabatan yang ada di IAIN Ar-Raniry.

1.3 Tokoh-Tokoh Tafsir al-Qur'an di Aceh

Ulama di bumi Aceh yang bergerak dibidang al-Quran (Tafsir dan Terjemah) semenjak masa Syeikh Abdul Rauf `Ali al-Fansuri hanya terhad kepada beberapa ulama sahaja, iaitu Syeikh Abdul Rauf, Prof. T.M. Hasbi Ash-Siddieqy, Mahyuddin Yusuf, Prof. Nur `Asyiq dan Teungku Haji Thalhas. Dari sejumlah ulama tersebut hanya Syeikh Abdul Rauf, Prof. T.M. Hasbi Ash-Siddieqy dan Mahyuddin Yusuf sahaja yang telah menghasilkan karya di bidang tafsir dan terjemah al-Quran secara lengkap, berbeza dengan Prof. Nur `Asyiq dan Teungku Haji Thalhas yang hanya pernah berkarya di bidang al-Quran secara berkelompok dan tidak secara bersendirian. Prof. Nur `Asyiq misalnya pernah menjadi salah satu anggota kumpulan penterjemah al-

⁶⁹Majlis Pendidikan Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Perkembangan Pendidikan di Nanggroe Aceh Darussalam, h. 156-157.

Quran yang diterbitkan oleh Departemen Agama Republik Indonesia, demikian juga Teungku Haji Thalhas yang tidak bersendirian menyusun kembali kitab Tafsir Pasee yang mana tafsir itu pula bukanlah hasil daripada kerja keras bersendirian melainkan karya kumpulan yang disusun kembali oleh beliau bersama anggota yang lain.

Di sini penulis akan menumpukan kajian kepada dua orang ulama sahaja iaitu Syeikh Abdul Rauf al-Singkili dan Prof. T. M Hasbi Ash-Shiddieqy beserta dengan karya mereka, memandangkan kedua ulama ini benar-benar ulama Aceh yang telah berkecimpung dalam tafsir dan terjemah al-Quran dan telah menghasilkan karya dalam bidang tafsir.

1.3.1 SYEIKH ABDUL RAUF `ALI AL-SINGKILI

Nama penuh beliau ialah `Abd al-Rauf bin `Ali al-Jawi al-Fansuri al-Singkili.⁷⁰ Beliau lahir pada 1001 H (1593 M) di Singkel sebuah perkampungan di pesisir pantai di Aceh. Ayahnya bernama Ali al-Fansuri merupakan pendiri Dayah Lipat Kajang di Simpang Kanan⁷¹ yang lebih terkenal dengan dayah simpang kanan dan seorang ulama terkenal di daerahnya.

Abdurrauf berpengetahuan luas dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Beliau menguasai ilmu fiqh, tasawuf, mantik, falsafah, hukum, kaji alam dan sebagainya. Beliau adalah gudang ilmu kepada masyarakat Aceh khususnya pada zaman Sultan Safiatuddin Johan Berdaulat (1641 -1675).

Malah pada zaman pemerintahan tiga ratu yang akhir (pemerintah Raja Perempuan); Naqiatuddin (1675-1678), Zakiatuddin (1678-1688) dan Kamalat Syah (1688-1699), Abdurrauf bertindak menjadi pemerintah di belakang tabir. Atas

⁷⁰Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaharuan Islam Indonesia* (Jakarta: Prenada Media, 2005), 2: 229.

⁷¹Wan Mohd. Shagir `Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagad Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, 1999), 5:11.

kapasitinya sebagai Kadi Maliku Adil (Kadi Besar)⁷² beliau yang memutuskan segala hukum dan menjadi penasihat atau tempat rujukan utama kepada pemerintah.

Beliau mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri di Dayah (pondok) Simpang Kanan, di kawasan pedalaman Singkel. Selepas itu ke sekolah tinggi di Barus (Dayah Tengku Chik) yang dipimpin oleh Hamzah Fansuri. Di sekolah ini beliau belajar ilmu agama, sejarah, mantik, falsafah, sastera Arab/Melayu dan juga bahasa Parsi.

Setelah tamat belajar di sekolah berkenaan beliau meneruskan pengajian ke sekolah Samudera Pase yang dipimpin oleh Syeikh Syamsuddin al-Sumathrani, salah seorang ulama yang juga merupakan pengikut kepada Hamzah Fansuri yang beraliran atau berfahaman 'Wihdatul Wujud'.

Sewaktu Syamsuddin diangkat menjadi Qadhi Malik al-Adil (Kadi Besar) pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, dalam usia 26 atau 27 tahun, Abdurrauf berangkat ke Arab untuk melanjutkan belajarnya dalam bidang ilmu agama. Beliau telah menuliskan tentang kehidupan beliau di Arab dalam kitabnya “*Umdāt al-Muhtājīn ilā Sulūk Maslak al-Mufradīn*” dalam kitab itu beliau memberikan penjelasan mengenai tarekat-tarekat yang dipelajari, tempat-tempat belajar, guru-gurunya, dan para ulama yang ditemui. Guru beliau yang paling terkenal adalah Ahmad Qushahi dan Ibrahim al-Kurani.⁷³

Semasa di sini beliau bergaul dengan banyak ulama terkenal berasal dari Indonesia yang menuntut ilmu disana, seperti Syeikh Nawawi Bantani, Syeikh Abdul Samad Patani dan lain-lain. Beliau juga sempat belajar dengan Syeikh Nuruddin ar-Raniry. Beliau tinggal selama 19 tahun di Mekah. Pada tahun 1661 M beliau kembali semula ke Aceh dan apabila Nuruddin ar-Raniry kembali ke Gujarat, India beliau dilantik menjadi Kadi Besar sebagai ganti. Sebelum pada itu Abdurrauf menjadi mudir (guru besar) di Dayah Baiturrahman. Peranannya sebagai kadi cukup besar serta

⁷²Kadi Maliku Adil sama dengan ketua mahkamah agung sekarang. (A. Hasjmy, *Peranan Islam Dalam Perang Aceh dan Perjuangan Kemerdekaan Indonesia* (Jakarta: Bulan Bintang, 1976), 10

⁷³Azyumardi Azra, “Jaringan Ulama Timur Tengah,” 191-198.

berpengaruh dan peluang ini secara tidak langsung membawa kepada kemajuan dan pengembangan Islam di Aceh, khususnya dan di Nusantara lainnya. Aceh yang sudah dikenali dengan jolokan serambi Mekah terus diunggulinya.

Keagungan ini begitu dijulang oleh warga Aceh sehingga terbit kata di dalam bahasa Aceh berbunyi:

Adat bak Poteu Meuruhom

Hukom bak Syiah Kuala

maksudnya, “Hukum adat di bawah kekuasaan raja, sementara hukum agama di bawah Syiah Kuala”.

1.3.1 (a) TAFSIR *TARJUMAN AL-MUSTAFID*

Kitab tafsir *Tarjumān al-Mustafid* merupakan sebuah kitab tafsir tertua yang pernah ditemukan di rantau Asia ini, dimana ianya telah ditulis pada kurun ke-17 M oleh seorang ulama Aceh yang masyhur pada masa itu iaitu Syaikh Abdurrauf Singkel. Tafsir ini ditulis lengkap 30 juzuk oleh beliau.

Tarjumān al-Mustafid karya Abdurrauf al-Singkili pada mulanya dianggap sebagai karya terjemahan daripada *Tafsīr al-Baydāwi*. Pendapat seperti ini dikemukakan oleh Christian Snouck Hurgronje,⁷⁴ dan juga kedua muridnya iaitu Rinkes dan Voorhoeve. Rinkes telah menciptakan kesalahan tambahan dengan menyatakan bahawa tafsir ini, selain mencakup terjemahan dan *Tafsīr al-Baydawi*, juga merupakan terjemahan dari sebahagian *Tafsīr Jalālayn*.⁷⁵ Syaikh Ahmad al-Fatani, Syaikh Idris al-

⁷⁴Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia Dari Heurmenutika Hingga Ideologi* (Jakarta: Penerbit Teraju, 2003), 1: 54.

⁷⁵Azyumardi Azra, “*Jaringan Ulama*,” 248.

Kalantani dan Syaikh Daud al-Fatani yang mana ketiga ulama ini merupakan pentashih kitab jawi pada percetakan al-Amiriyyah di Mekkah.⁷⁶

Namun Peter Riddel mempunyai pendapat lain. Menurutnya, *Tarjumān al-Mustafid* ini justru merupakan terjemahan daripada *Tafsīr al-Jalālayn*, meskipun ianya banyak merujuk pula pada *Tafsīr al-Baydāwī*, *Tafsīr Khāzin*, dan beberapa tafsir yang lain. Sebab *Tafsīr al-Baydāwī* merupakan karya tafsir yang ekstensif dan rumit, sedangkan *Tarjumān al-Mustafid* sebagaimana *Tafsīr al-Jalālayn* modelnya singkat dan jelas.⁷⁷ Pendapat ini juga yang dikatakan oleh Salman Harun menerusi kajian berkenaan dengan *Tarjumān al-Mustafid* dalam disertasi beliau di IAIN Syarif Hidayatullah dengan tajuk “Hakekat *Tafsīr Tarjumān al-Mustafid* Karya Syeikh Abdurrauf Singkel” yang telah diluluskan pada tahun 1998. Dari kajiannya, beliau menyimpulkan bahawa *Tafsīr Tarjumān al-Mustafid* adalah terjemahan daripada *Tafsīr al-Jalālayn* atau lebih tepatnya dikatakan bahawa rujukan asasnya ialah *Tafsīr al-Jalālayn*.⁷⁸

Dalam penelitian Muhammad Daud, beliau telah membuat beberapa perbandingan antara *Tarjumān al-Mustafid* dengan *Tafsīr al-Baydāwī* dalam pentafsiran terhadap beberapa ayat dalam beberapa surah. Pengkaji ini mengatakan bahawa dalam *Tafsīr al-Baydāwī* terdapat pentafsiran yang panjang lebar berkenaan surah al-Fatihah akan tetapi dalam *Tarjumān al-Mustafid*, Syeikh Abdul Rauf hanya memberikan pentafsiran yang singkat kepada surah al-Fatihah. Pada setiap akhir surah *Tafsīr al-Baydāwī* mendatangkan satu hadith atau beberapa hadith tentang kelebihan surah yang ditafsirkan tetapi hal ini tidak kita jumpai dalam tafsir *Tarjumān al-Mustafid*. Dalam *Tarjumān al-Mustafid* juga tidak dijumpai perbincangan mengenai i`rab, qiraat syazzah dan syair-syair seperti yang terdapat dalam *Tafsīr al-Baydāwī*.

⁷⁶Abd al-Rauf bin `Ali al-Fansuri al-Jawi, *Tarjuman al-Mustafid* (Singapura: Pustaka Nasional, 1951), 4.

⁷⁷Peter Riddel, *Islam and the Malay-Indonesian World* (Singapore: Horizon Books, 2001), 161.

⁷⁸Salman Harun, “Hakekat Tafsir Tarjuman Mustafid Karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkel” (Tesis Kedokteran, Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah, 1998).

Dari kajian tersebut Muhammad Daud menyimpulkan bahawa tafsir ini bukanlah terjemahan asal daripada *Tafsīr al-Baydāwī* akan tetapi rujukan asasnya ialah *Tafsīr al-Baydāwī* dengan memasukkan juga rujukan daripada sumber-sumber lain.⁷⁹

1.3.2 PROF. TEUNGKU MUHAMMAD HASBI ASH-SHIDDIEQY

Nama sebenarnya ialah Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy. Beliau dilahirkan di Lhokseumawe di Aceh utara pada tarikh 10 March 1904 M. Silsilah lengkapnya ialah: Muhammad Hasbi ibn Muhammad Husein ibn Muhammad Su`ud `Abdul al-Rahman bin Syāṭi` ibn Muhammad Salih ibn Muhammad Taufiqi ibn Fathimi ibn Ahmad ibn Diya` al-Din ibn Muhammad Ma`sum (Faqir Muhammad) ibn Ahmad Alfar ibn muayyid al-Din ibn Khawajaki ibn Darwis Ibn Muhammad Zahid ibn Marw al-Din ibn Ya`qub ibn `Ala al-Din ibn Baha` al-Din ibn Amir Kilal ibn Syammas ibn `Abd al-`Aziz ibn Yazid ibn Ja`far ibn Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakr al-Siddiq⁸⁰

Nama Ash Shiddieqy diambil dari Abu Bakr al-Siddiq, kerana dari silsilah keluarganya diketahui bahawa beliau keturunan yang ke 37 dari Abu Bakr al-Siddiq dari turunan ayahnya, Teungku Kadi Sri Maharaja Mangkubumi Husen bin Muhammad Su`ud. Itulah sebabnya beliau melekatkan gelar Ash Shiddieqy di belakang namanya.

Ayahnya, Teungku Kadi Chik Maharaja Mangkubumi Husen bin Muhammad Su`ud, adalah seorang ulama terkenal di daerahnya dan mempunyai sebuah dayah (pondok). Teungku Kadi Chik Maharaja Mangkubumi Husen bin Muhammad Su`ud adalah dari rumpun Teungku Chik di Simeuluk Samalanga. Ia adalah keturunan Faqir Muhammad (Muhammad al-Ma`sum). Faqir Muhammad, sebelum berangkat ke Aceh adalah raja di negeri Mangiri di Malabar, India⁸¹.

⁷⁹Muhammad Daud bin Muhammad, "Pengaruh Israiliyyat Dalam Tafsir Tarjuman Mustafid Karangan Syekh Abdul Rauf `Ali al-Fansuri" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002), 30-33.

⁸⁰Muhammad Hasbi Amiruddin, *Ensiklopedi Pemikiran Ulama Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam*, (Banda Aceh: ar-Raniry Press, 2004), 1: 212.

⁸¹Ia meninggalkan Malabar kerana situasi Malabar yang kacau dan India pada masa itu di bawah dinasti Afghan pada abad X111.

Ibunya bernama Teungku Siti Amrah binti Teungku chik maharaja Mangkubumi Abdul `Aziz, puteri seorang qadhi kesultanan Aceh pada masa itu. Teungku `Abdul `Aziz adalah keponakan Abdul Jalil, yang juga terkenal dengan gelaran Teungku Chik di Awe Geutah, seorang ulama yang turut melawan penjajah Belanda.

Pada awal mulanya Muhammad Hasbi belajar pada sebuah dayah di Lhokseumawe, yang dipimpin oleh ayahnya. Selama dua tahun belajar pada dayah ayahnya, Muhammad Hasbi telah menguasai dasar-dasar bahasa Arab dan pelbagai disiplin ilmu agama. Selanjutnya beliau mempelajari pelbagai disiplin ilmu agama dari satu dayah ke dayah yang lain, dari Dayah Teungku Chik di Bluk Bayu ke dayah Teungku Chik Blang Kabu, Geudong. Dari dayah Blang Kabu beliau pindah ke dayah Tgk Chik di Blang Banyak Samakurok dan akhirnya ke Dayah Tanjung Barat Samalanga.⁸²

Hingga akhir hayatnya Hasbi belum menunaikan ibadah haji. Pada 9 desember 1975, setelah beberapa hari memasuki asrama haji, dalam rangka menunaikan ibadah haji, beliau meninggal pada usia 71 tahun. Jenazahnya dikebumikan di perkuburan IAIN Syarif Hidayatullah Ciputat, Jakarta Selatan. Beliau telah meninggalkan seorang isteri, dua orang putera dan dua orang puteri serta beberapa orang cucu.

Teungku Muhammad Hasbi bukan seorang ulama yang kemampuannya hanya terhad dalam mengajar dan mendidik dengan lisan sahaja bahkan beliau juga seorang ulama pendidik yang handal dalam bidang tulisan. Adapun karya-karya beliau meliputi beberapa bidang ilmu seperti; tafsir, hadith dan fiqh.⁸³ Antara karya tafsir beliau yang terkenal ialah *Tafsir al-Quran al-Majid an-Nur* yang terdiri dari 30 juzuk.

⁸²A.Hasjmy, *Ulama Aceh Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangun Tamadun Bangsa* (Jakarta: Bulan Bintang, 1997), 174.

⁸³Nuorozzaman Shadiki, *Fiqh Indonesia Menggagas dan Gagasnya*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1907), 3-61.

1.3.3 TEUNGKU. HAJI MAHJIDDIN JUSUF (TERJEMAHAN AL-QURAN AL-KARIM DAN TERJEMAHAN BEBAS BERSAJAK DALAM BAHASA ACEH)

Beliau dilahirkan di Peusangan Aceh Utara pada tarikh 16 september 1918. Pendidikan pertamanya beliau terima daripada orang tuanya sendiri (Tgk. Fakir Jusuf), salah seorang ulama dan penyair-pengarang hikayat, di daerah Peusangan Aceh Utara.

Tgk. H. Mahjiddin Jusuf pernah belajar di pelbagai dayah di Aceh Utara dan setelah menyelesaikan beliau melanjutkan pendidikannya pada salah satu perguruan tinggi (Madrasah al-Muslim, Matang Gelumpang Dua) yang didirikan oleh ulama ‘pembaharu’ di Aceh sampai tahun 1937. Beliau juga pernah melanjutkan pendidikannya di Padang sehingga tahun 1941.

Setibanya beliau ke Aceh, beliau di percayakan memimpin madrasah al-Muslim sampai setahun setelah kemerdekaan Indonesia (1946). Beliau berhenti dari jabatan ini kerana dipilih menjadi kepala negeri (setingkat Camat) Peusangan sampai tahun 1948. Seterusnya beliau dipindahkan ke Kutaraja (Banda Aceh sekarang) dan ditugaskan sebagai kepala pendidikan Agama pada jawatan Agama-Aceh.

Ketika Provinsi Aceh bergabung dengan pemerintahan Indonesia, beliau ditunjuk sebagai kepala pendidikan Agama Provinsi Sumatera Utara selama satu tahun (1951-1952) dan beliau kembali pulang ke Banda Aceh menjadi kepala bagian pendidikan Agama Aceh.⁸⁴

Dalam bidang pendidikan karirnya terus meningkat, Tgk. H. Mahjiddin Jusuf pernah menjadi kepala PGA negeri 6 tahun Banda Aceh sejak tahun 1963 sampai tahun 1974, beliau juga merupakan anggota Dewan Pimpinan Rakyat Daerah (DPRD)⁸⁵ Provinsi Aceh dan Sumatera Utara mewakili Partai Politik Islam Majelis Syura Muslim

⁸⁴Tgk. Haji Mahjiddin Jusuf, *al-Quran al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak Dalam Bahasa Aceh* (Jakarta: PT. Intermasa, 2007), xx

⁸⁵DRPD di Malaysia adalah Dewan Undangan Negeri

Indonesia (MASJUMI), Imam Mesjid Raya Banda Aceh, dan pensyarah senior Universiti IAIN Ar-Raniry.⁸⁶

Teungku Haji Mahjiddin Jusuf mempunyai beberapa karya, diantara karya yang dihasilkan oleh beliau seperti, menulis beberapa buku pelajaran dan bacaan untuk pelajar Sekolah Rakyat Indonesia (SRI)⁸⁷ dalam bidang tafsir dan bahasa Arab (bahasa Arab) dan pelajaran bahasa Aceh yang menggunakan huruf Arab-Melayu (Jawi), dan hikayat Aceh dalam bentuk naskah dan belum diterbitkan.

Seiring dengan perkembangan masa, saat ini telah muncul dihadapan masyarakat muslim umumnya dan masyarakat Aceh khususnya satu karya yang sangat berharga iaitu penerjemahan al-Qu'ran ke dalam bahasa Aceh. Kitab-kitab tafsir terjemahan al-Quran telah ramai dituliskan oleh ulama-ulama terdahulu kedalam pelbagai bahasa, justeru saat ini al-Quran al-Karim telah diterjemahkan kedalam bahasa daerah secara lengkap. Tujuan dari penerjemahan ayat-ayat al-Quran guna memberikan petunjuk dan pemahaman secara meluas kepada masyarakat awam yang tidak mengerti bahasa Arab. Adapun mengenai penerjemahan al-Quran (secara lengkap) ke bahasa Melayu telah dilakukan oleh Syeikh Abd al-Ra'uf Syiah Kuala pada abad ke 17 masehi, yang telah dilanjut kembangkan oleh generasi penerusnya.

Menurut catatan yang ada khususnya yang diperoleh melalui hikayat, sya'ir dan pelbagai buku bimbingan ibadat, menunjukkan bahawa penerjemahan al-Quran kedalam bahasa Aceh secara sekali-sekala telah dilakukan sejak masa awal-sekurang-kurangnya sejak pelbagai buku keagamaan dituliskan kedalam bahasa Aceh. Tetapi penerjemahannya secara lengkap, nampaknya baru dikerjakan pada awal abad ke dua puluh ini, dan salah satu daripadanya adalah terjemahan Tgk. Haji Mahjiddin Jusuf (*Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak Dalam Bahasa Aceh Banda Aceh*)⁸⁸

⁸⁶Mahjiddin Jusuf, "*Al-Quran Al-Karim*," xx

⁸⁷SRI setingkat dengan Sekolah Rendah

⁸⁸Mahjiddin Jusuf, "*Al-Quran Al-Karim*," xix.

Penterjemahan al-Quran dalam bahasa Aceh di mulai 25 November 1955, ketika beliau berada dalam tahanan. Pada masa dalam tahanan beliau telah menerjemahkan tiga surat, iaitu: Yasin, al-Kahfi, al-Insyirah. Terjemahan ini pernah di terbitkan dalam Harian Duta Pantjatjita Banda Aceh bulan Januari dan Ferbruari 1965. Kegiatan menterjemah al-Quran ke dalam bahasa Aceh terhenti selama 20 tahun, tetapi kegiatan tersebut kembali di lanjutkan tahun 1977 dan selesai tahun 1988.⁸⁹

Meskipun pada awal permulaan penterjemahan al-Quran ini disusun secara berturutan daripada surah al-Fatihah sehingga akhir surah al-Nas, namun walaupun demikian apa yang dijumpai dalam terjemahan al-Quran bersajak sekarang telah disusun dengan tertib dari permulaan sehingga akhir surah daripada al-Quran.

Terjemahan al-Quran bersajak ini hanya terdiri daripada bait-bait syair dalam bahasa Aceh tanpa dijumpai adanya terjemahan dalam bahasa lain, justeru terjemahan al-Quran ini juga tidak diperkuat dengan penjelasan-penjelasan yang lainnya. Kitab terjemahan yang kini wujud di pasaran telah dijumpai adanya perubahan, beberapa perubahan sama ada dari sudut bentuk penulisan bait mahupun isi terjemahan itu sendiri. Perubahan yang dilakukan oleh beberapa kumpulan individu ini telah mendapatkan persetujuan daripada Teungku Mahjidin sendiri. Hal ini ditandai dengan adanya perbincangan-perbincangan khusus dengan beliau setiap perubahan yang dilakukan. Adapun perubahan yang sangat ketara dalam terjemahan al-Quran ini ialah jumlah bait syair yang telah menjadi empat-empat baris.⁹⁰

⁸⁹*Ibid.*

⁹⁰Mahjiddin Jusuf, "al-Quran al-Karim viv-xiv (Pada dasarnya jumlah bait syair dalam bahasa Aceh tidak pernah dipisah-pisahkan dan ditulis sebagaimana lazimnya. Syair dalam bahasa Aceh selalunya terdiri daripada sepuluh suku kata dan mengandungi persamaan bunyi pada akhir baris)

Terjemahan al-Quran bersajak ini mempunyai beberapa kelebihan, diantara kelebihannya ialah sebagai berikut:

1. Menarik perhatian masyarakat Aceh dalam mengkaji penafsiran al-Quran, apatah terjemahan ini telah disusun dalam bentuk syair. Karya ini akan menjadi pilihan bagi masyarakat yang tidak mampu memahami bahasa Arab.
2. Sebagaimana nama daripada karya ini, iaitu “terjemahan al-Quran al-Karim dan terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh” memberikan pemahaman yang luas bagi para pembaca dalam memahami al-Quran, kerana terjemahan yang dilakukan pun tidak terikat dengan teks al-Quran.
3. Bahasa yang digunakan merupakan salah satu daya tarik dalam mendekatkan para pembaca memahami al-Quran, sehingga para pembaca merasakan kenyamanan dalam membaca terjemahan ini.

1.3.4 PENULISAN TAFSIR PASE: KAJIAN SURAH AL-FATIHAH DAN SURAH-SURAH DALAM JUZ ‘AMMA (PARADIGMA BARU)

Penyajian tafsir ini di cetuskan oleh saudara T. H. Thalhas dan beberapa penulis lainnya, yang tergabung dalam sebuah lembaga **Bale Kajian Tafsir Al-Quran Pase** di Jakarta.⁹¹ Para penulis yang tergabung dalam lembaga ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan.

Tafsir ini dinamai dengan *Tafsir Pase*. Antara sebab dinamakan dengan *Tafsir Pase* ialah untuk mengenang kembali kejayaan yang pernah dicapai oleh Kesultanan Samudera Pasai sebagai salah satu tempat yang pernah menjadi pusat pengajian dan penyebaran Islam di Nusantara. Oleh yang demikian untuk menghidupkan kembali kajian-kajian Islam yang pernah memasuki pintu kejayaannya, maka pada tanggal 21

⁹¹Nur Usman - ketua yayasan kesejahteraan ummat Teungku. Chik lhok Encin, dalam *Tafsir pase: Kajian Surat al- Fātihah dan Surah Surah dalam Juz ‘Amma, Paradigma Baru* (Jakarta: Bale kajian Al-Quran Pase, 2001), xxv.

Mei 1998 ditubuhkan sebuah balai atau kelab pengajian yang dinamakan dengan Bale⁹²
Kajian Tafsir al-Quran Pase.⁹³

Pada dasarnya tafsir ini merupakan kumpulan naskah daripada hasil pembentangan kajian tafsir al-Quran yang diadakan oleh kelab pengajian tafsir al-Quran Pase dan ditulis ulang kembali secara rapi dan tersusun selama kurang lebih dua tahun, dimana kajian tersebut diadakan sebulan sekali secara berpindah-pindah dari satu rumah ke rumah yang lain.⁹⁴

Dari segi penulisan tafsir ini mempunyai perbezaan daripada sejumlah tafsir-tafsir lainnya. Dalam penulisannya tafsir ini menggunakan trigual (tiga bahasa), iaitu; bahasa al-Quran (Arab), bahasa Indonesia, dan bahasa Aceh. Penggabungan ketiga bahasa ini bertujuan agar para pembaca terutama mereka yang mengetahui bahasa Aceh, dapat memahami secara mudah bahasa al-Quran itu sehingga memudahkan para pembaca untuk mendalami makna-maknanya. Bahasa daerah yang digunakan dalam penulisan tafsir ini adalah bahasa Aceh dalam bentuk nazam (secara bersajak). Memandang kepada cara penulisannya tafsir ini cenderung menunjukkan kepada pendekatan kebudayaan.

Penulisan kitab-kitab tafsir al-Quran akhir-akhir ini berkembang dengan pesat. Hal ini menunjukkan bahawa perhatian umat Islam untuk memahami isi kandungan al-Quran semakin bertambah. Sebelum abad ke-20, di Indonesia sangat sulit di temui kitab-kitab tafsir dituliskan dalam bahasa Indonesia; apatahlagi dalam bahasa daerah, kerana majoriti daripada kitab tafsir dituliskan dalam bahasa arab.

Tafsir Pase merupakan tafsir terjemahan dalam bentuk syair atau puisi yang dituliskan dalam bahasa Aceh atau terjemahan bebas dalam bahasa Aceh. Adapun

⁹²Bale ialah tempat mengadakan pengajian pada pondok-pondok yang ada di Aceh. dalam istilah Melayu bale lebih dikenal dengan Balai atau tempat yang digunakan untuk kepentingan majlis, mesyuarat dan lain sebagainya.

⁹³T.H.Thalhas et al., *Tafsir pase: Kajian Surat al-Fātihah dan Surah Surah dalam Juz "Amma, Paradigma Baru* (Jakarta: Bale kajian Al-Quran Pase, 2001), vi

⁹⁴*Ibid.*, vi-vii

tujuan daripada terjemahan bebas ini ialah bagi menterjemahkan setiap ayat dengan cara tidak terikat terhadap setiap mufradat ayat. Walaupun begitu maksud daripada ayat yang diterjemahkan tetap tersampaikan.⁹⁵

Penulisan tafsir ini diawali dengan surah *al-Fātihah*, kemudian diterusi dengan surah-surah terakhir dalam Juz ‘Amma. Penyusunan tafsir dalam surah Juz ‘Amma di mulai daripada surah-surah yang pendek kepada yang panjang bukan dari surah yang panjang kepada yang pendek, sebagai mana lazimnya kitab-kitab tafsir.⁹⁶

Pentafsiran yang dimulai daripada surah-surah yang pendek kepada yang panjang didasarkan kepada pengalaman ahli majelis pengajian yang cenderung lebih suka mengkaji surah surah pendek kerana mengkaji surah-surah pendek lebih mudah untuk memahaminya berbanding mengkaji surah-surah panjang terlebih dahulu.

Dengan demikian penulis menyimpulkan bahawa tafsir ini sangat cocok digunakan oleh masyarakat awam terutama masyarakat yang memiliki kemampuan memahami bahasa Aceh dengan baik. Menurut Prof. Dr. H. Asjmuni A. Rahman *Tafsir Pase* merupakan tafsir yang sesuai terutama bagi kalangan pemuda-pemudi dan boleh dibaca oleh semua khalayak.⁹⁷

Dalam membahas ayat-ayat al-Quran, penyusun menggunakan metode gabungan *tahlilī* dan *mawdu’ī*. Penggabungan kedua metode ini tidak dapat diterapkan secara sempurna dikarenakan pembahasan yang sangat panjang dan masa yang tidak memungkinkan. Namun, walaupun demikian prinsip-prinsip dasar (*mabda’*) kedua metode itu tetap digunakan. Misalnya, dalam membahas sejumlah ayat penyusun selalu memberi perhatian dengan sungguh-sungguh terhadap susunan ayat dan surah, asbab al-nuzul, dan mengambil pendapat-pendapat ulama yang di anggap sesuai serta menambahkan pemikiran-pemikiran penyusun sendiri.

⁹⁵ *Ibid.*, 13

⁹⁶ Pentafsirannya diawali daripada surah al-Nas, al-Falaq, al-Ikhlas sehingga surah al-Naba’.

⁹⁷ Asjmuni A. Rahman, Ketua Majelis Ulama Indonesia, Dalam *Tafsir pase: Kajian Surat al-Fātihah dan Surah Surah dalam Juz “Amma, Paradigma Baru* (Jakarta: Bale kajian Al-Quran Pase, 2001) Xxx

Pada bahagian yang lain, dalam membahas sejumlah ayat-ayat al-Quran, penyusun juga memasukan ayat ayat yang mempunyai hubungan dengan tajuk daripada setiap potongan ayat. Dengan demikian, setiap potongan ayat boleh di pahami maknanya ketika ada ayat-ayat lain yang berkaitan turut menjelaskan ayat kajian tersebut.⁹⁸

Secara umumnya bagi memudahkan pembahasan dalam penafsiran al-Quran, penyusun membuat satu corak penafsiran dengan sistematika sebagai berikut: pada mulanya menuliskan ayat-ayat al-Quran setiap surah secara sempurna, setelah itu menterjemahkan ayat yang ingin ditafsir ke dalam bahasa Indonesia yang diikuti dengan terjemahan dalam bentuk nazam Aceh (sya'ir), kemudian membuat *ikhtisar* kandungan ayat pada setiap surah yang ingin ditafsirkan, setelah itu menuliskan tajuk utama serta membubuhkan tajuk-tajuk kecil terhadap ayat-ayat ingin ditafsirkan pada setiap surah, kemudian diikuti mukaddimah surah berkenaan dan asbab al-nuzul ayat. Pada bahagian terakhir daripada surah yang ditafsirkan penulis menyebutkan munasabah ayat serta memberikan kesimpulan berupa *mau'izah*.⁹⁹

Tajuk utama yang disebutkan pada setiap surah merupakan intipati daripada makna umum surah berkenaan. Tajuk tersebut merupakan makna keseluruhan daripada surah yang ditafsirkan. Misalnya pada surah al-Ikhlâs, makna *harfiyah* daripada surah ini ialah ikhlas, namun demikian surah ini diertikan dengan makna yang lain, iaitu ketauhidan. Maksud daripada terjemahan ini ialah untuk memberikan penekanan makna terhadap surah tersebut. Pada setiap potongan ayat diberikan tajuk tertentu mengikut kepada maksud yang disampaikan oleh ayat tersebut. Ekoran daripada itu dalam satu surah mengandungi beberapa tajuk kecil yang berbeza. Setelah menyebutkan tajuk utama daripada surah penyusun memberikan penjelasan berupa muqaddimah daripada

⁹⁸T.H.Thalhas et al., "Tafsir Pase," 13-14.

⁹⁹*Ibid.*, 14

surah yang ditafsirkan serta asbab al-nuzul surah atau asbab ayat jikat ada.¹⁰⁰ Potongan ayat-ayat al-Quran disertakan dengan tulisan latin, hal ini untuk memudahkan para pembaca yang mengalami kesulitan membaca nash-nash al-Quran. Pada akhir pembahasan surah penyusun memberikan kesimpulan berupa *mau'izah* atau hikmah yang terkandung daripada surah yang dikaji, sekaligus sebagai penutup surah.¹⁰¹

Dalam penyusunan *Tafsir Pase*, tafsir ini merujuk kepada beberapa kitab tafsir terkenal seperti: *Tafsir Ibnu Kahtir*, *Sayyid Qutb*, *Syeikh Muhammad Abduh* dan *Mustafa al-Maraghi*. Penyusun juga menggunakan tafsir-tafsir yang ditulis oleh ulama-ulama Indonesia dan Aceh sebagai tambahan dalam rujukannya. Adapun tafsir tersebut ialah tafsir T.M. Hasbi as-Siddiqi, Buya Hamka, A. Hasan, M.Quraish Shihab dan al-Quran yang diterbitkan oleh Departemen Agama Indonesia (DEPAG). Manakala tafsir rujukan dalam bahasa Aceh penyusun merujuk kepada tafsir terjemahan al-Quran yang dihasilkan oleh Teungku H.Mahjidin Jusuf iaitu *al-Quran al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak dalam Bahasa Aceh*. Dalam kaitannya dengan asbab al-nuzul kitab rujukan yang digunapakai karya Abu Hasan Ali ibn Ahmad al-Wahidi al-Nisaburi dan Jalal al-Din al-Suyuti. Sebagai bahan perbandingan kitab yang digunapakai sebagai rujukan ialah karangan ulama daripada Indonesia tentang asbab al-nuzul iaitu *Latar Belakang Historis Turunnya Ayat-Ayat al-Quran* oleh Qamaruddin Shaleh, HAA Dahlan dan M.D. Dahlan. Manakala kaitannya dengan transliterasi merujuk kepada al-Quran Juz 'Amma yang telah ditashih oleh Departemen Agama.¹⁰²

¹⁰⁰*Ibid.*, 15.

¹⁰¹*Ibid.*, 16.

¹⁰²*Ibid.*, 18-19.

Tafsir ini memiliki beberapa keistimewaan, adapun keistimewaan yang dimiliki *Tafsir Pase* ini ialah;

1. Metode penyusunan dan pembahasannya, tafsir ini menggunakan pendekatan yang sama sekali baru, yaitu dengan meletakkan ikhtisar pada setiap surah sebelum selanjutnya surah tersebut ditafsirkan. Ikhtisar yang disebutkan merupakan intipati tafsir daripada setiap surah.
2. Penulisan potongan ayat al-Quran dengan huruf latin (Rumi) yang digunakan dalam tafsir ini menarik perhatian masyarakat bagaimana cara membaca al-Quran, terutama bagi masyarakat yang belum terbiasa dalam mengenal huruf-huruf Arab dengan baik.
3. Terjemahan yang dilakukan dalam dua bahasa (Aceh dan Indonesia) disertai terjemahan dalam bentuk nazham Aceh (puisi) akan memudahkan masyarakat dalam memahami al-Quran. Terjemahan yang dilakukan dalam bentuk nazham merupakan pendekatan budaya bagi memudahkan masyarakat memahami serta menarik minat dalam mempelajari al-Quran.
4. Disamping keistimewaan diatas, tafsir ini juga mempunyai keistimewaan yang lain seperti, penulisan tajuk utama pada setiap surah, seperti: surah al-Fātihah (essensi al-Quran), Surah al-Nas (Penangkal Kejahatan), Surah al-Falaq (Meminta Perlindungan), Surah al-Ikhlās (Monotheisme Murni), dan Surah Al-Lahab (Akibat menentang Kebenaran). Seterusnya pada setiap potongan ayat diberikan tajuk tertentu sesuai dengan makna (maksud) dalam ayat-ayat tersebut.¹⁰³ Memandang kepada kandungan kalimat dalam *Tafsir Pase* ini, maka tafsir ini patut dibaca oleh semua kalangan dan profesi.

¹⁰³Prof. Dr. KH. Chatibul Umam- Rektor Institut PTIQ Institut Perguruan tinggi Ilmu Alquran, Dalam *Tafsir Pase: Kajian Surat al-Fātihah dan Surah Surah dalam Juz "Amma, Paradigma Baru* (Jakarta: Bale kajian Al-Quran Pase, 2001) Xxvii.

1.4 PENGAJIAN TAFSIR DI LEMBAGA-LEMBAGA PENDIDIKAN ACEH

1.4.1 PENGAJIAN TAFSIR DI MADRASAH ALIYAH¹⁰⁴

Sistem pengajian tafsir yang kini diajarkan di Madrasah Aliyah seluruh Aceh sama dengan sistem pengajian tafsir yang diajarkan di seluruh Aliyah yang ada di Indonesia, di mana semuanya berpandukan kepada buku petunjuk serta kurikulum yang dikeluarkan oleh Departemen Agama Republik Indonesia. Perbedaannya hanya dari segi metode pengajaran yang kebanyakan mengikut kehendak guru yang mengajar.

Madrasah Aliyah di Aceh dan juga di Indonesia dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu negeri (milik kerajaan) dan swasta (non kerajaan). Madrasah Aliyah negeri terbahagi lagi kepada dua iaitu Madrasah Aliyah Negeri dan Madrasah Aliyah Keagamaan (MAK). Perbezaan di antara keduanya nampak daripada sejumlah kursus (mata pelajaran) dan program (takhassus) yang ada pada keduanya.

Adapun Madrasah Aliyah swasta ialah Madrasah Aliyah yang ditubuhkan oleh pihak swasta di mana kurikulum institusi tersebut mengikut kurikulum madrasah Aliyah Negeri, sementara Madrasah Aliyah yang ada di pondok moden biasanya mengambil kurikulum yang dipakai oleh MAK dan ada juga yang diambil dari kurikulum MAN.

1.4.1 (a) Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah Negeri

Secara umumnya pengajian tafsir yang diajarkan kepada pelajar di Madrasah Aliyah Negeri bermula daripada tingkatan satu sehingga tingkatan tiga (akhir). Pengajian tafsir tersebut diajarkan dua jam dalam satu minggu.¹⁰⁵ Adapun buku yang digunakan pada pengajian tafsir di Madrasah Aliyah Negeri ialah karya Muhammad Matsna *Quran Hadith Madrasah Aliyah* dalam bahasa Indonesia.

¹⁰⁴Di Malaysia setingkat dengan tingkatan empat dan lima. Madrasah Aliyah di Indonesia masa belajarnya tiga tahun.

¹⁰⁵Departemen Agama Republik Indonesia, Pedoman Pelaksanaan Kurikulum Madrasah Aliyah (Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, 1997)

Pentafsiran terhadap ayat-ayat dalam kitab ini mendedahkan ayat-ayat secara umum dan disertai dengan menyebutkan hadith-hadith yang berkaitan dengan ayat tersebut. Sebagai contoh pada bab dua dalam kitab ini diajarkan bagaimana membina pribadi dan masyarakat yang dibahagikan kepada kewajipan mencari rezeki untuk memberi nafkah, makanan yang baik dan halal, kesungguhan bekerja dan keseimbangan usaha dunia dan akhirat.¹⁰⁶

Adapun metode yang digunapakai dalam buku ini ialah terdiri daripada beberapa bahagian. Pada peringkat awalnya, menyebutkan ayat terlebih dahulu yang berhubung dengan tajuk yang ingin dikaji. Kemudian ayat tersebut diterjemahkan diikuti dengan penjelasan ayat serta mengaitkan penjelasan terbabit dengan menyebutkan beberapa hadith dan mufradat. Pada bahagian yang terakhir daripada pembahasan, ayat tersebut diakhiri dengan kesimpulan. Dengan yang demikian setiap pengajar (Guru) yang mengajarkan subjek ini berpedomankan kepada metode sebagaimana yang terdapat dalam buku tafsir ini. Pada sisi yang lainnya para pengajar mewajibkan kepada pelajarnya untuk menghafalkan ayat-ayat yang telah dikaji.

1.4.1 (b) Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah Keagamaan (MAK)

Antara tujuan pendidikan yang dilaksanakan di Madrasah Aliyah Keagamaan ialah membekali para pelajar bagi mengetahui pengetahuan khusus mengenai pelbagai disiplin ilmu Islam yang diperlukan untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat pendidikan tinggi (Universiti).

Pengajian di madrasah ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu, program pengajian umum dan khusus. Program pengajian umum diperuntukkan bagi pelajar tingkatan satu dan dua, manakala program khusus untuk tingkatan tiga atau akhir.

¹⁰⁶Muhammad Matsna, *Quran Hadith Madrasah Aliyah 3* (Semarang:PT Karya Toha Putra, 1997), 5-7.

Tujuan daripada penentuan program ini ialah merupakan langkah awal bagi para pelajar untuk memilih program pengajian yang akan ditawarkan pada tingkatan tiga.¹⁰⁷

Pengajian tafsir di Madrasah Aliyah Keagamaan telah diajarkan daripada tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Mengikut kepada jadual yang telah ditentukan oleh bahagian pengajaran jumlah masa pengajian tafsir pada tingkatan satu dan dua ialah enam jam dalam seminggu. Antara subjek tafsir yang diajarkan ialah:

Pelajar tingkatan satu diajarkan mengenai kesempurnaan al-Quran, ketaatan kepada Allah, syukur nikmat dan lain-lain. Tingkatan dua diajarkan mengenai sifat-sifat Allah, balasan amal perbuatan, derjat orang berilmu dan lain-lain. Manakala pelajar tingkatan tiga diajarkan beberapa tajuk mengenai alam semesta, tugas dan tanggung jawab, jihad dan lain-lain.¹⁰⁸

Buku rujukan yang digunapakai oleh pelajar di Madrasah Aliyah Keagamaan dalam mempelajari tafsir ialah buku berbahasa Arab yang diterbitkan oleh Departemen Agama. Metode pengajian yang digunapakai dalam pengajian ini memiliki kesamaan sebagaimana halnya pengajian di Madrasah Aliyah Negeri. Pada peringkat awalnya para mengajar membaca ayat yang dikaji dan menjelaskan ayat tersebut dengan mengaitkan dalil-dalil dari pada hadith. Hanya sahaja, pengajian tafsir pada madrasah ini mendedahkan tajuk-tajuk berkenaan menggunakan bahasa Arab dengan lebih mendalam.

¹⁰⁷Departemen Agama Republik Indonesia, "Kurikulum Madrasah," 3-5.

¹⁰⁸Departemen Agama Republik Indonesia, *Garis-Garis Besar Program Pengajaran Mata Pelajaran Quran Hadith* (Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, 1995), 2-3.

1.4.1 (c) Pengajian Tafsir di Madrasah Aliyah Swasta.

Madrasah Aliyah Swasta terbahagi kepada dua iaitu Madrasah Aliyah Swasta yang mengikut kurikulum Madrasah Aliyah Negeri dan Madrasah Aliyah Swasta yang berada dibawah naungan pondok pesantren moden, di mana madrasah ini mempunyai kurikulum sendiri.

Dalam kajian ini penulis mengambil pondok pesantren Ruhul Islam Anak Bangsa sebagai salah pondok moden swasta yang mengajarkan tafsir. Buku tafsir yang diajarkan di pondok ini dibahagi kepada dua peringkat. Pelajar tingkatan pertama menggunakan buku tafsir berbahasa Arab yang diterbitkan oleh Departemen Agama. Manakala pelajar tingkatan dua dan tiga menggunakan buku *'Ulum al-Tafsir* yang dinukilkan daripada kitab-kitab tafsir muktabar yang dihasilkan oleh beberapa tenaga pengajar pondok pesantren Ruhul Islam Anak Bangsa. Kitab *'Ulum al-Tafsir* ini mengandungi beberapa tajuk pilihan seperti ayat-ayat mengenai sopan santun, adab-adab dalam majlis, permasalahan akidah dan sebagainya.¹⁰⁹

Metode yang digunapakai dalam pengajiannya mengikut kepada metode yang digunapakai di Madrasah Aliyah Keagamaan. Secara umumnya metode pengajian tafsir yang diajarkan di Madrasah Aliyah Keagamaan memiliki kesamaan, iaitu menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi dalam penyampaiannya. Pada mulanya tenaga pengajar memilih tajuk yang akan dibincangkan, kemudian membaca ayat serta mufradat yang terkandung dalam ayat tersebut dengan memberikan penjelasan daripada tajuk yang dipilih. Bagi memberikan kefahaman kepada para pelajar, tenaga pengajar diwajibkan mengajarkan tajuk-tajuk pilihan tersebut dengan mendalam. Kerana mengingat kepada masa diajarkan subjek tafsir ini seminggu tiga kali tidak mencukupi.

¹⁰⁹Hasil observasi penulis, (Pengajian Tafsir, Pondok Ruhul Islam Anak Bangsa), 3 Ogos 2013.

1.5 PENGAJIAN TAFSIR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Pengajian tafsir di IAIN ar-Raniry pada mulanya berada di bawah Fakultas Syariah sebelum kemudian ada jabatan khas iaitu Jabatan Tafsir Hadith di bawah Fakultas Usuluddin pada tahun 1990. Kurikulum pengajian tafsir yang kini diajarkan di IAIN telah mengalami beberapa perubahan di mana kurikulum pengajian tafsir yang kini diajarkan di Jabatan Tafsir Hadith merupakan hasil reka cipta daripada beberapa pensyarah yang mengajar pada Fakultas Usuluddin. Selain itu pengajian tafsir juga diajarkan pada semua jabatan lainnya di IAIN Ar-Raniry.¹¹⁰

1.5.1 Pengajian Tafsir di Semua Jabatan di IAIN Ar-Raniry

Pengajian tafsir pada selain Jabatan Tafsir Hadith hanya sekadar mempelajari beberapa potong ayat pilihan yang berkaitan dengan jabatan masing-masing. Pengajian tafsir di Jabatan Tarbiyah mengajarkan beberapa ayat yang berhubungan dengan tarbiyah. Manakala Jabatan Syariah, pada umumnya mengajarkan ayat-ayat berhubungan dengan hukum, muamalah, siyasah dan lain sebagainya. Tujuan diajarkan tafsir di semua jabatan ini ialah supaya para pelajar mampu menghafal, memahami dan mengamalkan ayat-ayat al-Quran dalam kehidupan sehari-hari. Pada sisi yang lainnya supaya para pelajar mampu berinteraksi dengan al-Quran.

Subjek tafsir yang ditawarkan pada selain Jabatan Tafsir Hadith mengikut kepada kurikulum jabatan masing-masing. Secara umumnya subjek ini hanya diajarkan selama empat jam dalam seminggu.¹¹¹ Buku rujukan wajib yang digunapakai pada subjek tafsir antaranya ialah:¹¹²

¹¹⁰Lukman al-Hakim, (Pensyarah, Jabatan Tafsir Hadith, IAIN ar-Raniry, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Januari 2013.

¹¹¹IAIN ar-Raniry, *Mata Kuliah Tafsir Untuk Semua Jurusan dan Fakultas* (Banda Aceh: Darussalam, t.t.), 46.

¹¹² *Ibid.*, 49.

Jadual 1.1. Subjek Mata Kuliah Tafsir di IAIN

NO	TAFSIR	KARYA
1	Tafsīr al-Fatihah	Prof. Dr. Qurāish Shihāb
2	Tafsīr al-Wāḍih	Maḥmūd Ḥijāzi
3	Tafsīr al-Marāghī	Imam al-Marāghī
4	Tafsīr al-Manār	Muḥammad Rasyīd Riḍā
5	Tafsīr Ibn Kathīr	Ibn Kathīr
6	Tafsīr al-Kasysyāf	Zamakhsyari
7	Tafsīr al-Azhar	Hamka
8	Tafsīr Jāmi` al-Aḥkām	Imam Qurtubī
9	Tafsīr Ṭabari	Imam Ṭabari
10	Tafsīr Rūḥ al-Ma`āni	Alūsi
11	Tafsīr Jawahīr	Ṭanṭāwi Jauhari
12	Tafsīr Fi Zilāl al-Qurān	Sayyid Qutb

Sumber: IAIN Ar-Raniry Banda Aceh

1.5.2 Pengajian Tafsir di Jabatan Tafsir Hadith IAIN

Jabatan Tafsir Hadith merupakan jabatan khusus bagi para pelajar yang mempunyai minat untuk mendalami ilmu al-Quran. Jabatan ini lebih menitikberatkan pengajiannya pada bidang tafsir. Subjek tafsir yang diajarkan pada Jabatan Tafsir Hadith ialah *al-Majāz fi al-Quran* yang mendedahkan mengenai makna majaz dan pembahagiannya, isti`arah dan pembahagiannya. Buku rujukan yang digunapakai dalam subjek ini ialah *Ta`Wīl Musykil al-Qurān* karangan Ibn Qutaibah dan *al-Itqān fi `Ulūm al-Qurān*, kedua buku ini merupakan salah satu rujukan wajib bagi pelajar Jabatan Tafsir Hadith. Selain kedua buku tersebut juga mengambil rujukan daripada beberapa

buku-buku lainnya. Subjek ini diajarkan seminggu sekali dalam masa dua jam kepada para pelajar yang menduduki tingkatan tiga atau semester enam.¹¹³

Selain itu, jabatan ini juga mempelajari subjek *Gharīb al-Qurān* yang menjelaskan makna *Gharīb al-Qurān*, *nuzūluhu wa tartībuhu*, *Gharīb al-Qurān* dan pembahagiannya. Pengajian pada subjek ini mengambil rujukan daripada buku *Ta`Wīl Musykīl al-Qurān* karangan Ibn Qutaibah, kitab *al-Itqān fī `Ulūm al-Qurān* karya imam Suyūṭi dan kitab *Gharīb al-Qur`ān* karya Muḥammad Ibn `Azīz al-Sijistāni, ketiga-tiga buku ini adalah rujukan wajib. Manakala yang menjadi rujukan pilihan antaranya kitab *Gharīb al-Qurān* karya Muḥammad al-Misrī, kitab *Kalimah al-Qurān* karya Ḥusayn Muhammad Makhūf dan kitab *al-Fauz al-Kabīr fī Usūl Tafsīr* karya Aḥmad ibn `Abd al-Rahīm al-Dihlāwi. Maksud diajarkan subjek ini ialah supaya pelajar dapat memahami keindahan dan pemakaian bahasa al-Quran.¹¹⁴

Subjek ini diajarkan selama dua jam dalam seminggu bagi para pelajar yang tahun ajaran tiga dan empat atau pada semester enam dan tujuh. Hanya sahaja kajian yang diajarkan ialah mengenai *khaṣāis al-Qurān min kutūb al-samāwiyyah* dan *gharāib al-Qurān* serta pembahagiannya.¹¹⁵

Selain daripada itu pengajian tafsir di jabatan ini mengkaji tentang kitab tafsir. Tujuan utama dari pembelajaran subjek ini ialah memberikan pengetahuan kepada para pelajar tentang israiliyat dalam kitab-kitab tafsir. Kajian ini membincangkan pengertian israiliyyat, hukum riwayat israiliyyat mengikut pandangan para mufassir, faktor-faktor masuknya riwayat israiliyyat dalam tafsir, pembahagian dan hukum israiliyyat dan lain-lain yang berhubungan dengan israiliyyat. Adapun buku rujukan yang dijadikan sebagai panduan ialah kitab *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* karya Imam al-Dhahabī, kitab *al-Tibyān fī `Ulūm al-Qurān* karya imam Muḥammad `Ali al-Ṣābūni, kitab *Aḍwā` al-Bayān* karya

¹¹³Daniel Juned, *Silabus Jurusan Tafsir dan Hadith Fakultas Usuluddin IAIN Ar-Raniry* (Banda Aceh: Darussalam, 1993), 1-2.

¹¹⁴*Ibid.*, 7-9

¹¹⁵*Ibid.*, 10-12

Muhammad Amin Mukhtār dan kitab *Tarjumān Mustafid* karya Abdurrauf al-Singkili.¹¹⁶

Kajian mengenai kitab-kitab tafsir ini diajarkan dua jam dalam seminggu bagi para pelajar tahun dua atau semester empat. Manakala pelajar pada tahun tiga atau semester lima mempelajari riwayat israiliyyat yang berpandukan pada kitab *Tafsir Ibn Jarir al-Tabari*, *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir Ibn Athiyyah*, *Tafsir al-Khazin*, dan lain sebagainya.¹¹⁷

Pelajar pada tingkatan tiga semester lima dan enam di Jabatan Tafsir dan Hadith mengkaji tentang mazhab-mazhab tafsir dan metode yang digunakan oleh para mufassir dalam mentafsirkan al-Quran, khususnya mazhab *Tafsir bi al-Ma`thur*. Adapun kajian yang dibincangkan pada tingkatan ini ialah pengertian tafsir bi al-ma`thur, sumber-sumber tafsir bi ma`thur, metode pentafsiran tafsir bi ma`thur dan tokoh-tokoh dalam tafsir bi ma`thur.¹¹⁸ subjek ini diajarkan dua jam dalam seminggu.

Metode pengajian tafsir yang digunakan di Jabatan Tafsir Hadith ialah pensyarah memberikan materi pelajaran selama satu jam pelajaran, kemudian para pelajar diberikan kesempatan untuk dialog dan tanya jawab. Pada sisi yang lainnya para pelajar diberikan tugas secara berkumpulan yang akan dibentangkan seminggu selepas tugas diberikan. Setelah tajuk kajian selesai dibincangkan pensyarah akan melanjutkan dengan tajuk yang lain, beberapa minggu setelah pertemuan, pensyarah akan memberikan kuis¹¹⁹ kepada pelajar, kemudian pada pertengahan semester, pensyarah akan memberikan midterm¹²⁰ berkenaan subjek yang diajarkan dan pada akhir semester diadakan final exam.¹²¹

¹¹⁶*Ibid.*, 38-39.

¹¹⁷*Ibid.*, 40-41

¹¹⁸*Ibid.*, 42-43

¹¹⁹Kuis adalah ujian/exam yang diadakan pada awal-awal kuliah secara mendadak.

¹²⁰Midterm adalah ujian/exam pertengahan semester.

¹²¹Zuherni (Pelajar, Jabatan Tafsir Hadith, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh), dalam temu bual dengan penulis 4 Desember 2012.

1.5.3 PENGAJIAN TAFSIR DI MASJID-MASJID

Metode pengajian tafsir yang dilaksanakan di masjid-masjid yang ada di Aceh pada masa sekarang ada beberapa metode diantaranya ialah ceramah yang dibahagikan kepada beberapa cara penyampaian materi pengajaran:

- a. Dengan menentukan satu kitab khusus untuk dibaca, kemudian menjelaskan isi kandungan kitab tersebut dari awal sehingga akhir. Sebagaimana amatan yang penulis di Masjid dayah Ule Titi. Di masjid ini, kitab panduan yang digunakan teungku dalam pengajian ini ialah kitab *Tafsīr Jalālayn*. Tafsir ini diajarkan setelah solat maghrib.
- b. Menjelaskan bab-bab tertentu yang ada hubungannya dengan persekitaran masyarakat dan sesuai dengan isu-isu semasa. Ini di praktikkan di masjid al-Taqwa di Banda Aceh.

Selain metode ceramah, para penceramah juga membahaskan ayat demi ayat secara tahlili di mana seorang pengajar menjelaskan ayat-ayat tersebut yang diambil daripada kitab tafsir tertentu. Pendengar juga diberikan kesempatan untuk bertanya dan memberikan pandangan untuk penafsiran sesuatu ayat ketika pengajian sedang berlangsung.

Pada sisi yang lainnya sebahagian penceramah menggunakan metode muqaranah, sebagaimana metode yang digunakan oleh Akhmad Rizal dalam menjelaskan sesuatu ayat ketika mengajarkan tafsir di Masjid Pagar Air Aceh Besar, beliau menggunakan beberapa kitab tafsir seperti *Tafsīr Rūḥ al-Ma`āni*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr Qurtūbi*, *Tafsīr al- Jalālayn*, *Tafsīr Mafātih al-Gḥaib*.¹²² Metode ini juga dipraktikkan oleh Teungku Abdussalam ketika mengajarkan tafsir di Masjid Raya Banda Aceh.¹²³ Metode yang lainnya ialah dengan menggunakan metod tradisional iaitu

¹²²Akhmad Rizal Lc, (Penceramah/ Da'i, Banda Aceh), dalam temu bual dengan penulis 23 Desember 2012

¹²³Izwar Ibrahim, MA (Salah satu Peserta Pengajian di Mesjid Raya Baiturrahman, Banda Aceh), dalam temu bual dengan penulis 28 Desember 2012

seorang guru membacakan sebuah ayat daripada kitab tafsir yang ditentukan dan kemudian menjelaskan tafsiran ayat tersebut di mana para hadirin hanya mendengar sahaja.

1.6 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian berkenaan dengan pengajian tafsir di Aceh, penulis menyimpulkan bahawa pengajian tafsir di Aceh ini telah lama berkembang. Semenjak masuknya Islam di Aceh sampai sekarang. Metode yang digunakankan mengikut kepada masing-masing institusi. Antara metode tersebut ialah pengajian tafsir dengan talaqi, pengajian tafsir di masjid-masjid, bahkan ianya juga diajarkan mulai dari madrasah Ibtidaiyyah (sekolah rendah) sampai ke universiti.

BAB II

PENGAJIAN TAFSIR AL-JALALAYN DI ACHEH

2.1 Pendahuluan

Proses awal pengajian al-Quran di Indonesia bermula daripada kesungguhan para ulama sama ada Gujarat, Parsia mahupun Arab bagi menyebarkan Islam di daerah ini. Mahmud Yunus dalam bukunya *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* mengatakan bahawa sistem pengajian al-Quran di Indonesia telah diajarkan bagi setiap muslim di surau mahupun masjid semasa mereka masih kecil. Justeru pengajian al-Quran merupakan pengajian yang mula-mula sekali diajarkan bagi anak-anak sebelum diajarkan amalan-amalan ibadah (*Fiqh*).¹²⁴

Berdasarkan kepada sejarah pengajian al-Quran di Indonesia, dalam bab ini penulis cuba menghuraikan sejarah perkembangan pengajian al-Quran di Indonesia dan kitab rujukan apa yang digunapakai dalam sistem pembelajarannya serta bagaimana proses pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Indonesia secara umum dan Aceh khususnya.

2.2. Pengajian Tafsīr al-Jalālayn di Indonesia

Kewujudan pengajian Islam di Indonesia dimulai semenjak Islam masuk ke Aceh tahun 1290 M, Setelah berdirinya kerajaan Pasai ramai ulama-ulama yang mendirikan surau sebagai salah satu lembaga pendidikan bagi mengajarkan al-Quran, seperti Teungku Cot Mamplam, Teungku di Geureudog dan lainnya. Justeru pada abad ke-17 masa kepemimpinan Iskandar Muda Mahkota Alam surau-sarau di Aceh mengalami kemajuan. Ini ditandai dengan munculnya ulama-ulama Aceh seperti Nuruddin ar-Raniry, Ahmad Khatib Langin, Syams al-Din al-Sumatrani, Hamzah Fansuri, Abd al-Rauf al-Singkili dan Burhanuddin.¹²⁵

¹²⁴Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: Hidakarya Agung, 1984), 34.

¹²⁵*Ibid.*, 24.

Pengajian al-Quran juga telah lama wujud di wilayah Jawa, ini ditandai dengan wujudnya sebuah lembaga pendidikan pesantren yang didirikan oleh Raden Rahmat (Sunan Ampel).¹²⁶ Zamakhsyari Dhofier menyimpulkan bahawa pengajian al-Quran di Jawa telah lama wujud semenjak abad ke 16 M, justeru pada abad-abad selanjutnya pengajian al-Quran ini semakin ketara.¹²⁷ Pada tahun 1831, pemerintah Belanda menemukan 1853 *Nggon Ngaji* atau tempat mempelajari al-Quran dengan jumlah pelajar yang mencapai 16.556 pelajar, justeru menurut kajian yang dilakukan oleh Van Den Berg bahawa pada tahun 1855 jumlah *nggon ngaji* mencapai 14.929 dengan jumlah 226.663 pelajar yang tersebar di pelbagai wilayah Jawa.¹²⁸

Pengajian al-Quran di lembaga-lembaga pendidikan¹²⁹ Indonesia mempelajari tentang ilmu al-Quran yang meliputi kaedah ilmu tajwid, selain itu pelajar di lembaga ini juga mengkaji kandungan al-Quran daripada kitab-kitab turath. Adapun kitab yang menjadi panduan pada mula-mulanya ialah *Tafsir al-Jalālayn*.¹³⁰ Dalam dunia pendidikan pesantren, kitab turath merupakan sumber rujukan utama, ini ditandai dengan penggunaan kitab kuning (*turath*) yang ditulis bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadith terus digunapakai daripada dahulu sehingga sekarang di pelbagai lembaga pendidikan pesantren di Indonesia.¹³¹

Bagi mengetahui tradisi pengajian di pesantren secara professional dan objektif, maka pengajian kitab kuning di pesantren dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian kajian. Dalam hal ini penulis hanya menyenaraikan pengajian kitab-kitab turath dalam

¹²⁶Aminuddin Kasdi, *Kepurbukalaan: Sunan Giri Sosok Akulturasi Kebudayaan Pada Abad 15-16* (Surabaya: IAIN Sunan Ampel, 1987), 31.

¹²⁷Zamakhsyari Dhofier, "Sekolah al-Quran dan Pendidikan Islam di Indonesia," *Jurnal Ulumul Quran*, 88.

¹²⁸*Ibid.*

¹²⁹Iaitu Pesantren Tebuireng yang didirikan oleh K.H. Hasyim Asy'ari tahun 1899, Pesantren Rejoso Jombang yang didirikan oleh K.H. Tamin tahun 1919, Pondok Moden Gontor Ponorogo didirikan oleh Imam Zarkasi tahun 1926 dan beberapa pesantren lainnya di Jawa Timur.

¹³⁰Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir di Indonesia dari Hermeneutika hingga Ideologi* (Jakarta: Teraju, 2003), 46

¹³¹Afandi Mochtar, "Tradisi Kitab Kuning: Sebuah Observasi Umum", dalam *Pesantren Masa Depan: Wacana Pemberdayaan dan Transformasi Pesantren*, ed.Marzuki Wahid, (Bandung: Pustaka Hidayah, 1999), 233-234.

bidang kajian tafsir. antara kitab tafsir yang di pelajari di pesantren ialah: *Tafsīr al-Jalālayn*, *Tafsīr al-Marāghī*, *Tafsīr al-Wādīh*, *Shafea al-Tasr*, *al-Asās fi al-Tafsīr*, *Tafsīr Ibnu Kathīr*, *Mu'jizat al-Quran*, *al-Durār al-Manthūr*.¹³²

Kewujudan pesantren yang mempunyai kaitan dengan tradisi pengajian kitab turath sebagai sumber utamanya menjadikan eksistensi pesantren sebagai lembaga pendidikan Islam tradisional di Indonesia tetap terjaga. Tradisi pesantren yang selalu mengkaji dan membahas segala permasalahan kehidupan kemasyarakatan berdasarkan kitab kuning telah menjadikan pesantren mempunyai ciri khas tersendiri. Di dalam menghadapi pelbagai masalah, sama ada yang berkaitan keagamaan mahupun masalah kemasyarakatan, pesantren selalu menggunakan kitab kuning yang ditulis oleh ulama *salaf al-Salih* sebagai rujukannya.¹³³

Sebagaimana lembaga pendidikan di wilayah Sulawesi Selatan, meskipun tidak berdasarkan kepada kesepakatan antara satu kyai dengan kyai yang lainnya, akan tetapi majoriti pesantren disana menggunakan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai kurikulum pengajian mereka.¹³⁴ Justeru *Tafsīr al-Jalālayn* masih digunapakai dalam pengajian *halaqah* di pelbagai pesantren yang didirikan oleh muridnya¹³⁵

Munculnya lembaga-lembaga pendidikan yang mengajarkan kandungan al-Quran menandakan bahawa pentingnya al-Quran untuk difahami oleh setiap muslim. Di Jawa Tengah beberapa madrasah seperti Madrasah Aliyatus Saniyah Mu'awanatul Muslimin Kanepan,¹³⁶ Madrasah Qudsiyah,¹³⁷ Madrasah Tasywiqut Tullab Balai Tengah School¹³⁸ dan Ma'ahidud Diniyah al-Islamiyah al-Jawiyah.¹³⁹ Manakala

¹³²Syamsuddin Arief, "Jaringan Pesantren di Sulawesi Selatan 1928-2005" (Tesis Kedoktoran Falsafah Agama Islam, Universiti Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007), 171.

¹³³Mohamad Kholil, "Menggagas Pesantren sebagai Pusat Peradaban Muslim di Indonesia." dalam *Media Akademika*, 26, No. 3, (Julai 2011), 306.

¹³⁴Syamsuddin Arief, "Jaringan Pesantren", 171.

¹³⁵*Ibid.*, 174.

¹³⁶Didirikan oleh organisasi Serikat Islam pada 7 Julai 1915.

¹³⁷Didirikan oleh K.H. R. Asnawi pada tahun 1318 H.

¹³⁸Didirikan oleh K.H. A. Khalik pada 21 November 1928.

¹³⁹Didirikan pada tahun 1938

wilayah Yogyakarta Pondok Pesantren Krapyak,¹⁴⁰ Madrasah Mu'allimin Muhammadiyah¹⁴¹ dan Madrasah Manba'ul Ulum¹⁴² di Surakarta merupakan lembaga-lembaga pendidikan yang mengajarkan kitab turath *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Baydāwi*.¹⁴³ Beberapa lembaga pendidikan yang didirikan di wilayah Jawa Barat juga menjadikan *Tafsīr al-Jalālayn*¹⁴⁴ sebagai bahan utama dalam memahami kandungan ayat-ayat al-Quran. Diantara lembaga terbabit ialah Madrasah Mu'allimin Majalengka,¹⁴⁵ Pesantren Gunung Puyuh Sukabumi,¹⁴⁶ Pesantren Persis Bandung¹⁴⁷ dan Madrasah Khariyah Banten.¹⁴⁸

Berbeda halnya dengan lembaga-lembaga pendidikan di Jakarta yang mengajarkan beberapa kitab tafsir yang di bagi dalam beberapa tingkatan, seperti halnya di Madrasah al-Irsyad. Untuk tingkatan Tajhiziyah (persedian) dan tingkatan Mu'allimin kajian ayat-ayat al-Quran menggunakan *Tafsīr Juz 'Amma* karya Muḥammad Abduh. Manakala tingkatan khas kitab yang menjadi panduan ialah *Tafsīr Juz 'Amma* karya Muḥammad Abduh, *Tafsīr al-Jalālayn*, dan *I'Jāzul Quran*.¹⁴⁹

Madrasah Sumatra Thawalib Padang Panjang, menggunakan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai bahan pengajian kepada para pelajarnya. Selain *Tafsīr al-Jalālayn* Madrasah Thawalib juga menggunakan kitab-kitab tafsir lainnya yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama *Tafsīr al-Baydāwi* untuk kelas empat dan lima, manakala bahagian kedua, kelas enam dan tujuh menggunakan *Tafsīr al-Manār* dalam sistem pengajiannya.¹⁵⁰

¹⁴⁰Didirikan oleh K.H. Munawwir pada tahun 1911.

¹⁴¹Pada mulanya dinamai madrasah Muhammadiyah, kemudian dirubah menjadi Qismul Arqa sehingga akhirnya menjadi Madrasah Mu'allimin Muhammadiyah.

¹⁴²Didirikan oleh R. Hadipati Sasro Diningrat dan R. penghulu Tafsirul Anam tahun 1905.

¹⁴³Islah Gusmian, "*Khazanah Tafsir*," 46.

¹⁴⁴*Ibid.*

¹⁴⁵Didirikan oleh Persatuan Umat Islam pada tahun 1923.

¹⁴⁶Didirikan oleh K.H A. Sanusi.

¹⁴⁷Didirikan oleh A. Hassan dkk pada tahun 1936.

¹⁴⁸Didirikan 5 Mei 1925.

¹⁴⁹Islah Gusmian, "*Khazanah Tafsir*," 47.

¹⁵⁰Mahmud Yunus, "*Sejarah Pendidikan*," 75.

Pesantren pada umumnya merupakan salah satu institusi pendidikan yang menggabungkan antara sistem pendidikan khas pesantren (pengajian *sorogan* dan *bandongan/wetonan*) dan sistem pendidikan klasikal melalui sistem “madrasah”, termasuk dengan penambahan subjek pelajaran umum (non keagamaan) di dalamnya. Meskipun demikian, pengajian kitab klasik merupakan sesuatu yang tetap dipertahankan oleh lembaga pendidikan pesantren. Justeru, sehingga sekarang masih banyak pesantren yang mengekalkan keaslian sistem pendidikan *salafiyah* nya.¹⁵¹ Sebagaimana Pesantren Tebuireng yang masih mengekalkan sistem pengajian *sorogan* dan *bandongan* dalam pembelajarannya. Subjek pelajarannya pun dihadkan kepada subjek agama Islam dan bahasa Arab.¹⁵²

Sistem pengajian di pesantren-pesantren tradisional¹⁵³ wilayah Banten juga masih mengekalkan metode pembelajaran sorogan, bandungan mahupun wetonan dalam pengajiannya. Kitab-kitab turath yang digunakan pada pesantren ini juga memiliki kesamaan, antra kitab turath yang dikaji pada pesantren ini seperti: *Tafsīr al-Jalālayn*, *Tafsīr Munīr*, *Fath al-Qārib*, *Fath al-Mu’īn*, *Kifāyah al-Akhyār*, *Ta’limul Muta’āllim*, *Ihyā’Ulūm al-Dīn*, *Bulūgh al-Marām*, *Riyād al-Solihīn*, *Alfiyah*, *Jurumiyah*, *Matan Bina*, *Imriti*, *Syarah Ibn Aqīl*, *Mustālah al-Hadīth*, *kitab Dalāil*. *Qawāid al-Lughah*, *Tajwid*.¹⁵⁴

Pada umumnya masa pengajian di pesantren-pesantren Indonesia mengikut kepada jadual sembahyang yang bermula daripada solat subuh sehingga setelah solat isyak. Seperti halnya pesantren salafiyah An-Nahdiyyin yang terletak di kampung Jerangllir. Pesantren yang dipimpin oleh KH. Khaerudin Rais memulai aktiviti pembelajaran setelah solat subuh daripada pukul 5.00 sehingga pukul 7.00 dengan

¹⁵¹Mohamad Kholil, “Menggagas Pesantren,” 311.

¹⁵²*Ibid.*, 309

¹⁵³Pesantren an-Nahdiyyin, Pesantren Ashohabah, Pesantren Bani Latif, Pesantren Bani al-Qamar.

¹⁵⁴Umdatul Hasanah, Pondok Pesantren Tradisional dan Industrialisasi (Eksistensi dan Peran Pondok Pesantren Tradisional dalam Pembangunan Masyarakat Kota Industri Cilegon), (Kajian Penyelidikan Block Grant, Institut Agama Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin, Banten, 2008), 71.

membaca dalail yang dilanjutkan kepada pembelajaran pelbagai kitab turath seperti kitab Jurumiyah, Alfiyah, Sarah Ibnu Aqil, Imriti dan nahu sarf, ilmu alat dan tata bahasa lainnya. Manakala aktiviti setelah solat asar daripada pukul 16.00 sehingga pukul 18.00, para pelajar kembali mengkaji pelbagai kitab turath yang lainnya seperti *Tafsīr al-Jalālayn*, *Riyād al-Solihīn*, *Fiqh Fath al-Qārib*, *Fath al-Mu'īn*, *Kifāyah al-Akhyār*, *Sulam Najah*, *Ta'lim Muta'allim*. Setelah solat maghrib, pengajian diteruskan dengan mempelajari ilmu Qiraat al-Qur'an dan Setelah Solat Isyak, para pelajar meneruskan aktiviti pengajian seperti *muhadarah* dan *taghanni*.¹⁵⁵ Aktiviti-aktiviti pelajar seperti ini juga dapat ditemui di beberapa pesantren lainnya seperti pesantren al-Sahabah yang terletak di Kampung Palas Cilegon¹⁵⁶ dan pesantren al-Masturiyah¹⁵⁷

Mahmud Yunus dalam bukunya *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* mengatakan bahawa majoriti pesantren-pesantren tradisional di Indonesia menggunakan sistem pengajian yang mengajarkan para pelajarnya kitab-kitab turath daripada bab ke bab, menterjemahkan makna kata perkata serta membincangkan kaidah-kaidah ilmu nahu dalam pengajiannya, manakala para pelajar akan mengikuti sebagaimana yang diajarkan oleh tuan guru.¹⁵⁸

Dengan yang demikian dapat disimpulkan bahawa pengajian al-Quran di Indonesia yang dimulai daripada pengenalan terhadap al-Quran yang meliputi membaca huruf-huruf Arab, kaedah ilmu tajwid sehingga kepada mengkaji kitab-kitab turath tafsir telah lama wujud dan telah disebarkan ke pelbagai wilayah sama ada wilayah bahagian Jawa, Jakarta Sumatra, Kalimantan dan Sulawesi.¹⁵⁹ Secara am, pengajian al-Quran di surau-surau wilayah Aceh, Sumatra, Jawa, Jakarta, Kalimantan dan Sulawesi mempunyai kesamaan iatu diajarkan oleh guru lelaki, namun demikian dijumpai juga

¹⁵⁵*Ibid.*, 84.

¹⁵⁶Dipimpin oleh KH. Hidayatullah Humeini.

¹⁵⁷M.Syatibi, "Pesantren Pulo Sari" (Kajian Penyelidikan Garut, Puslitabang, Depag, Jakarta, 1995), 31.

¹⁵⁸ Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: Mutiara, 1979), 56.

¹⁵⁹Antara lembaga pendidikan wilayah Sulawesi ialah Madrasah Amiriah Bone, Madrasah Tarbiyah Islamiyah, Madrasah Nahdlatul Wathan di Nusa Tenggara, Madrasah an-Najah wal Falah, Madrasah Perguruan Islam Assulthaniah, Madrasah al-Raudlatul Islamiyah dan Madrasah Islam di Kalimantan.

tenaga pengajar daripada perempuan, akan tetapi pengajian yang dipimpin oleh guru perempuan khusus mengajarkan anak-anak perempuan sahaja dan anak lelaki yang belum baligh. Setelah mereka menamatkan pengajian al-Quran yang mengajarkan tentang huruf-huruf Arab dan menghafalnya, para pelajar diperbolehkan untuk mengkaji dan mendalami pelbagai disiplin ilmu agama daripada kitab-kitab turath. Selain surau sebagai salah satu tempat pengajian al-Quran bagi para pelajar, pengajian al-Quran juga menggunakan menggunakan rumah tuan guru mahupun masjid sebagai tempat pengajian al-Quran.

2.3 Pengajian Tafsir al-Jalālayn di Dayah Tradisional Aceh

Pondok pesantren merupakan lembaga pendidikan yang telah wujud daripada dulu sehingga sekarang di pelbagai wilayah Nusantara dan Aceh khususnya. Institusi pendidikan pondok pesantren di Aceh di kenal dengan istilah Dayah, merupakan bahagian diantara lembaga formal daripada sebuah institusi pendidikan Islam tradisional di Aceh yang majoritinya mengajarkan ilmu-ilmu agama. Di Indonesia (jawa) institusi pendidikan ini lebih popular dengan Pesantren yang di ambil daripada bahasa sanskerta iaitu Pesantrian, di Sumatra Barat institusi pendidikan ini dinamai dengan Surau, adapun di wilayah Malaysia dan Pattani lembaga pendidikan ini dikenal dengan istilah Pondok. Meskipun dayah dianggap sama dengan pesantren dan surau, namun ketiga lembaga ini memiliki perbezaan dari segi sejarah.¹⁶⁰

Bentuk ataupun model pendidikan pesantren ini beraneka ragam. Saat ini ada empat model lembaga pendidikan yang terdapat di Aceh. Pertama pendidikan sekolah di bawah koordinasi Dinas Pendidikan. Kedua madrasah di bawah koordinasi Departemen Agama. Tiga dan empat adalah dayah (Pesantren) di bawah koordinasi Badan

¹⁶⁰M. Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh* (Banda Aceh:Yayasan Pena, 2008), 43.

Pemberdayaan Dayah Pemerintah Aceh dan Departemen Agama.¹⁶¹ Dayah di Aceh terdiri daripada dayah tradisional (salafi) dan dayah moden (pesantren) mengenai kewujudan dayah-dayah ini pun sangat berbeza. Keberadaan dayah sebagai Institusi Pendidikan Islam tradisional di Aceh telah lama wujud sehingga hari ini.

Pesantren tradisional iaitu pesantren yang masih mengekalkan nilai-nilai tradisional (cara-cara lama) dalam sistem pengajian. Sistem pengajian di pesantren ini mengikut kepada sistem yang digunakan oleh ulama timur tengah yang datang ke Aceh. Manakala pesantren moden, iaitu pesantren yang telah mengalami transformasi (perubahan) yang sangat signifikan samada dalam sistem pengajian mahupun institusinya. subjek dan metode pengajiannya sudah sepenuhnya mengikut sistem moden. Pengajian ilmu-ilmu agama dan umum dilaksanakan secara berimbang, penguasaan bahasa asing (Arab-English) sangat digalakan.

Secara amnya penubuhan dayah di Aceh bertujuan untuk mendidik para pelajar belajar pelbagai disiplin ilmu agama dan menjadikan mereka sebagai generasi Islami yang berguna bagi bangsa dan negara serta agama. Dayah tradisional di Aceh ditubuhkan atas dasar kepercayaan masyarakat untuk membina akhlak dan budi bahasa yang baik. Sebagai lembaga pendidikan Islam tradisional dayah di Aceh juga berperan sebagai pusat atau tempat mengembangkan dakwah ke seluruh masyarakat bagi melahirkan ulama-ulama dan cendekiawan-cendekiawan muslim yang berpotensi. Oleh kerana itu, bukanlah sesuatu yang mengherankan apabila seorang ulama dengan segala sumbangannya menjadi penasihat bahagi para pemimpin kerajaan pada masa kekuasaannya. Menurut A. Hasjmy tujuan dari lembaga pendidikan untuk menghasilkan orang yang mampu menjadi sultan, menteri, qadi atau bahagian pentadbiran di pejabat.

¹⁶¹*Ibid.*,15.

Hal ini menunjukkan bahawa dayah-dayah berperanan menjadikan seseorang mentadbir negara dalam pelbagai bidang.¹⁶²

Kewujudan dayah dalam masyarakat Aceh sangat bererti, hal ini dikeranakan peranan multifungsi yang dipunyai oleh lembaga pendidikan ini sangat berperan aktif dalam membina jati diri yang mandiri (independen) dan peribadi yang kukuh bagi setiap individu. Manakala dalam bidang sosial dayah juga telah mengajarkan para pelajar untuk berpatisipasi atau bergerak aktif dalam menyebarkan tujuan utama daripada penubuhan dayah iaitu menyampaikan pengetahuan dan pengajian ilmu-ilmu agama bahagi masyarakat serta membina masyarakat tempatan menjadi masyarakat yang berpengetahuan luas khususnya dalam bidang agama sama ada melalui pengajian di dalam lingkungan dayah mahupun melalui ceramah-ceramah agama yang disampaikan pada setiap peringatan hari-hari besar Islam. Dayah juga mempunyai peranan sebagai tempat menjaga dan melindungi manuskrip serta kitab-kitab klasik yang langka sebagaimana peranan yang dimiliki dayah Tanoh Abee di Aceh Besar.

2.4 Sejarah Perkembangan Dayah Tradisional di Aceh

Pendidikan dayah tradisional di Aceh merupakan lembaga pendidikan tertua dalam masyarakat Aceh. Perkataan dayah berasal dari istilah bahasa Arab zawiyah yang secara literal bererti pojok, sudut, bagian dari satu tempat/ bangunan, kata dayah juga sering diucapkan deyah oleh masyarakat Aceh Besar¹⁶³. Sebagai suatu lembaga pendidikan, pengajian di dayah juga dilakukan di sudut-sudut masjid sehingga muncul institusi yang disebut dengan zawiyah. Dalam bahasa Aceh istilah zawiyah ini berubah

¹⁶²A.Hasjmy, "Pendidikan Islam di Aceh dalam Perjalanan Sejarah," *Sinar Darusaalam*, No.63 (1975), 7-9.

¹⁶³Hasbi Amiruddin, "Menatap Masa Depan," 41.

menjadi dayah, hal ini disebabkan adanya pengaruh bahasa Aceh yang pada dasarnya tidak memiliki bunyi Z dan cenderung lebih memendekkan.¹⁶⁴

Istilah zawiyah dalam sejarah awal perkembangan lembaga-lembaga pendidikan Islam digunapakai untuk sejenis lembaga pendidikan yang selanjutnya berkembang menjadi madrasah. Mula-mula istilah zawiyah dikembangkan oleh para ulama-ulama Timur Tengah seperti; Arab, Mesir, Persia, Gujarat dan Malabar yang berdatangan ke Aceh Sejak masa pemerintahan kerajaan Pasai dan mengembangkan pendidikan dayah di Aceh serta menggunakan istilah zawiyah ini pada lembaga-lembaga pendidikan di Aceh sebagaimana pengajian-pengajian yang ada di Timur Tengah pada masa itu.

Sejarah kemunculan dayah di Aceh belum ditemukan secara pasti, disebabkan belum ada yang mengkaji secara mendalam, sulit menemukan sejarah perkembangan lembaga tersebut. Anthony Reid dalam bukunya *The Rope of God* meneliti secara singkat mengenai dayah pada akhir abad dan sehingga pertengahan abad ke 20. C.Snouck Hurgronje juga tidak menyebutkannya secara komprehensif mengenai lembaga tersebut meskipun ia menyatakan beberapa kali dayah dan rangkang dalam *The Atjehness*-nya. Beberapa penelitian juga telah dilakukan pada tahun 1970-an oleh para peneliti dari Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial (PLPIIS) di Aceh tetapi pembahasannya tidak didedahkan secara mendalam.¹⁶⁵ Mungkin hal ini disebabkan belum adanya peneliti-peneliti yang mengkaji secara mendalam mengenai awal kemunculan dayah di Aceh.

Kewujudan lembaga pendidikan dayah di Aceh juga dapat ditemui daripada pelbagai peninggalan bersejarah. Sebahagian peninggalan dayah tersebut masih utuh dan terawat dengan baik seperti halnya makam Tgk.Syiah Kuala, di kuala (muara) Krueng Aceh, dayah Teungku Awee Geutah di Peusangan Aceh Utara, Dayah Tgk.

¹⁶⁴Safwan Idris, "Perkembangan Pendidikan Pesantren/Dayah (Antara Tradisi dan Pembaharuan," dalam *Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh*, ed. Badruzzaman Ismail (Banda Aceh: Majelis Pendidikan Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh, 1995), 61.

¹⁶⁵Hasbi Amiruddin, "Menatap Masa Depan," 45.

Syik Tanoh Abee di Seulimun Aceh Besar , Dayah Tgk. Di Anjong, Pelanggahan Banda Aceh, dan lain sebagainya.¹⁶⁶ Meskipun banyak juga ditemui peninggalan sejarah yang terbengkalai atau tidak terurus dengan baik, seperti peninggalan dayah di wilayah kabupaten Aceh Besar, Dayah Tanoh Mirah di kemukiman Bung Cala Kecamatan Kutabaro, di Kuta Karang Kecamatan Darul Imarah, di Krueng Kalee, Kecamatan Darussalam, di Jeureula Kecamatan Suka Makmur, justeru pada sebahagian dayah tersebut dapat dijumpai peninggalan-peninggalan sejarah yang telah berumur ratusan tahun.¹⁶⁷

Dayah Tanoh Abee di Seulimun, Aceh Besar dan Dayah Tgk Awee Geutah, di peusangan Aceh Utara saat ini masih menjadi dayah popular dan banyak di didatangi oleh pelbagai jenis kalangan masyarakat samada daripada Aceh mahupun dari luar Aceh. Hal ini disebabkan kedua dayah ini masih menyimpan banyak sekali naskah kitab-kitab ulama Aceh. Adapun dayah Tgk Di Awee Geutah juga dapat ditemui naskah-naskah lama itu, namun dalam jumlah yang lebih sedikit dan kurang terurus.¹⁶⁸ Oleh karena naskah itulah dayah-dayah tersebut dijadikan begitu penting dalam sejarah pendidikan di Aceh terutama dayah Tanoh Abee sehingga sekarang ini

Dayah-dayah di Aceh telah memberikan pengaruh yang sangat besar dalam mendidik anak bangsa sebelum diperangi oleh Belanda pada tahun 1873, pada masa kesultanan Aceh dayah mencapai puncak kecemerlangannya, hal ini ditandai dengan terus berkembangnya jumlah dayah di Aceh dan jumlah ulama-ulama yang mengajarkan samada ulama tempatan mahupun ulama daripada luar negara.¹⁶⁹ Pada abad 16-17 ramai ulama-ulama Aceh yang telah menuliskan karya-karya ilmiah yang bertaraf dunia

¹⁶⁶Safwan Idris, “*Perkembangan Pendidikan,*” 73.

¹⁶⁷*Ibid.*, 74.

¹⁶⁸A.Hasjmy, *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah* (Beuna: Jakarta, 1983), 242.

¹⁶⁹Hasbi Amiruddin, “*Menatap Masa Depan,*” 38.

seperti Hamzah al-Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Nur al-Din al-Raniry dan Abd al-Rauf al-Singkili.¹⁷⁰

Snouck Hurgronje menyebutkan beberapa nama dayah sebelum kedatangan Belanda, akan tetapi ia tidak menyebutkan mengenai kemunculan dayah-dayah tersebut, diantara dayah-dayah tersebut seperti Dayah Ie Leubeue dan Dayah Tiro keduanya di Kabupaten Pidie, sementara wilayah Aceh Besar seperti Dayah Lamnyong, Dayah Krueng Kalee, Dayah Lamseunog, Dayah Tanoh Abee.

Mengenai Dayah yang paling awal sekali muncul dan terkenal dalam sejarah pendidikan dayah di Aceh adalah Dayah Cot Kala. Disini, pelbagai pelajaran umum dan agama diajarkan secara bersamaan, kerana pada masa itu Dayah Cot Kala merupakan institusi yang pertama sekali wujud dalam masyarakat Aceh. Menurut A.Hasjmy Dayah Cot Kala merupakan dayah yang pertama di Aceh yang didirikan oleh Teungku Syik Muhammad Amin yang terkenal dengan Tgk. Cot Kala yang kemudian menjadi Raja Peureulak dengan gelar Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (310-334 H, atau 922-964 M).¹⁷¹ Ali Hasjmy mengatakan dayah yang pertama muncul di Indonesia dan Asia Tenggara adalah Dayah Cot Kala di Aceh Timur.

Dayah Cot Kala yang didirikan oleh Kerajaan Peureulak pada akhir abad ke-3H merupakan pusat pendidikan pertama di Asia Tenggara yang tenaga pengajarnya di datangkan dari Arab, Persia dan India.¹⁷² Institusi ini telah banyak berjasa dalam perkembangan Islam di kepulauan Nusantara ini dengan menghasilkan para ulama-ulama dan sarjana-sarjana Islam, dari sinilah munculah dayah-dayah lainnya yang ditubuhkan oleh para murid-murid Dayah Cot Kala samada pada masa kerajaan Islam Perlak, kerajaan Islam Samudra Pasai, kerajaan Islam Banua, kerajaan Islam Linga, kerajaan Islam Indra Jaya maupun di kerajaan Islam Aceh Darussalam.

¹⁷⁰*Ibid.*

¹⁷¹A.Hasjmy, "Kebudayaan Aceh," 255.

¹⁷²Harun Nasution, *Ensiklopedi Islam*, ed. (Jakarta:Cv Anda Utama, 1993), 3:740.

Dengan demikian pengajian Islam di Aceh menunjukkan telah lama wujud dan masih bertahan sehingga sekarang, justeru pendidikan tinggi Dayah Cot Kala pernah menjadi pusat pendidikan Islam di Asia Tenggara.

Selain itu pula, A.Hasjmy mengatakan dalam bukunya *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah* bahawa Dayah Rumpet dapat dikategorikan sebagai dayah yang paling awal di bahagian Barat Aceh yang didirikan oleh Teungku Muhammad Yusuf atau yang digelar dengan Teugku Syik di Rumpet, sekitar tahun 1016 H atau 1607 M.¹⁷³ Hal senada juga di katakan oleh Harun Nasution, menurut beliau ada beberapa dayah di Aceh yang terkenal, di antaranya: Dayah Cot Kala, Dayah Kan'an (didirikan oleh Syekh Abdullah Kan'an pada awal abad 7 H), Dayah Manyang (didirikan pada masa pemerintahan Iskandar Muda dan berpusat di Mesjid Baiturahman), Dayah Pantee Geulima (didirikan oleh Teugku Chik Pantee Geulima pada masa Kerajaan Aceh Darussalam).

Pada masa pemerintahan Kerajaan Aceh Darussalam yang dipimpin oleh Sultan Iskandar Muda dayah-dayah di Aceh mencapai puncak keemasannya, pada saat itu sistem pendidikan di Aceh telah tersusun dengan rapi. Kecintaan beliau terhadap ilmu pengetahuan telah memberikan pengaruh yang besar bahagi pendidikan di Aceh, hal ini ditandai dengan jumlah dayah di Aceh yang terus berkembang, serta para pengajar (ulama) yang semakin bertambah samada ulama tempatan mahupun ulama-ulama yang di jemput dari luar Negara.

Dayah Manyang merupakan salah satu institusi pendidikan yang setara dengan tingkatan universiti yang didirikan di pusat Bandar kerajaan Aceh Darussalam iatu Banda Aceh. Jami'ah Baiturrahman ini memiliki pelbagai macam *daar* (fakulti) seperti *Daar al-Tafsir wa al-Hadith* (Fakulti Tafsir dan Hadith), *Daar al-Thib wa al-Kimiya* (Fakulti Perubatan dan Kimia) dan lain sebagainya. Sementara guru-guru yang mengajar di Jami'ah Baiturrahman di datangkan daripada Arab, Turki, Persia dan India.

¹⁷³A.Hasjmy, "Kebudayaan Aceh," 225.

Sebelum terjadinya perang Belanda-Aceh, sistem pembelajaran di dayah tidak hanya terfokus kepada pelajaran agama sahaja, pengetahuan umum juga ikut diajarkan. Sebagaimana yang diutarakan oleh Baihaqi bahawa pelbagai bidang ilmu pengetahuan samada ilmu agama mahupun umum telah di ajarkan di dayah-dayah, seperti astronomi, kesihatan, dan pertanian, hal ini bersesuaian dengan wujudnya kitab Taj al-Mulk karya Tgk.Chik Kuta Karang yang berkaitan dengan astronomi dan pertanian.¹⁷⁴

Kedatangan Belanda ke Aceh telah menjadikan lembaga pendidikan dayah-dayah di Aceh mulai menurun, hal ini disebabkan ramai ulama-ulama dayah bahkan para pelajar yang menjadi korban dan berguguran dalam peperangan melawan kolonial Belanda. Mereka juga telah merosakkan bangunan dayah beserta perpustakaanannya sehingga banyak buku-buku yang ditulis oleh ulama-ulama daripada Aceh dan Timur Tengah hilang tanpa jejak. Meskipun para ulama bersungguh-sungguh membangun kembali dayah-dayah di masa penjajahan Belanda, tetapi aktiviti pengajian ilmu-ilmu agama dihadkan secara paksa oleh kolonial Belanda. Apabila dibandingkan dengan perkembangan masa lalu dalam aspek kualiti, ilmu dayah pada masa ini dianggap menurun dimana pengajiannya tidak sama sebagaimana sediakala, subjek-subjek yang diajarkan hanya kepada beberapa pelajaran agama sahaja.¹⁷⁵

Perang Belanda-Aceh telah membawa petaka buruk bahagi sebahagian dayah. Pada masa itu dayah tidak mempunyai fungsi seperti pada masa kejayaannya dahulu. Para kolonial Belanda telah mengubah sistem pembelajaran dan kurikulum dayah yang dihadkan kepada beberapa pelajaran agama seperti hukum-hukum fiqh dan tasawuf sahaja, sementara pelajaran yang dapat membangkitkan semangat jihad melawan Belanda seperti fiqh, tafsir, hadith dan tauhid dihilangkan sepenuhnya sehingga dayah pada masa itu hanya sebatas kumpulan orang-orang sufi yang hilang semangat jihad.

¹⁷⁴Hasbi Amiruddin, "Menatap Masa Depan," 49.

¹⁷⁵*Ibid.*, 49.

Sebagaimana dimaklumi dayah memiliki peranan dan pengaruh yang besar dalam melawan kolonial Belanda dan dayah dijadikan sebagai pusat untuk mengatur strategi perlawanan semasa peperangan di Aceh. Kuntowijoyo menuturkan bahawa dayah sebagai dasar pertahanan negara dan bangsa untuk melawan Belanda.¹⁷⁶ Sejarah pendidikan di Aceh telah menunjukkan bahawa dayah merupakan lembaga pendidikan tertua. Lembaga ini telah banyak memberikan sumbangan dalam mengembangkan ilmu-ilmu agama serta mendidik anak-anak bangsa diseluruh Nusantara bahkan juga Asia Tenggara.

2.5 Sistem Pengajian Dayah Tradisional

Dayah adalah lembaga pendidikan Islam tradisional yang telah berjasa dalam mendidik anak-anak bangsa. Lembaga ini telah mengajarkan ilmu dan nilai-nilai agama kepada para pelajar. Pada awal mulanya pendidikan di dayah hanya terhad mengajarkan ilmu-ilmu agama sahaja melalui kitab-kitab klasik atau kitab kuning.

Sistem pengajian yang digunapakai dalam pengembangan lembaga pendidikan dayah mengikut sistem yang dikembangkan pada masa awal Islam iatu menjadikan Masjid sebagai tempat atau sarana belajar. Pendidikan dayah di Aceh mewarisi sistem ulama Timur Tengah yang menjadikan Masjid sebagai Pusat lembaga pendidikan, tradisi ini terus diterapkan sehingga sekarang. Meskipun majoriti pengajian di dayah tersebut dilaksanakan di masjid-masjid, namun didapati pula pengajian dayah yang menggunakan tempat proses belajarnya yang memiliki fungsi yang sama dengan masjid, dengan kata lain pengajian ini juga dilakukan terpisah dengan bangunan masjid.

Pada tahun 1960-an sebahagian dari mereka menggunakan ruang kelas seperti sekolah umum, dimana guru menerangkan huraian teks-teks agama kepada pelajar-pelajarnya dan terkadang para pelajar mengulangi apa yang telah diajarkan oleh

¹⁷⁶Muhammad A.R, *Alkulturasi Nilai-Nilai Persaudaraan Islam Model Dayah Aceh* (Jakarta :Puslitbang Lektur Keagamaan Kementerian Agama RI, 2010), 8.

gurunya.¹⁷⁷ Hal ini dilakukan dengan tujuan mereka mampu memahami pelajaran dengan benar. Pada mulanya sistem pendidikan di dayah berbentuk nonformal, tidak dalam bentuk klasikal, serta masa belajar para pelajar di dayah tidak ditentukan oleh tahun, tetapi melalui kitab yang dibaca.¹⁷⁸

Majoriti dayah-dayah tradisional di Aceh menggunakan *Tafsir al-Jalālayn* sebagai panduan dalam pengajian. Tafsir ini dipelajari pada tingkat lima dan enam. Pelajar pada tingkatan lima mempelajari tafsir jilid satu dan dua, manakala pelajar pada tingkatan enam mempelajari jilid selanjutnya sehingga khatam. Mengikut kepada jadual ataupun kurikulum dayah-dayah tradisional *Tafsir al-Jalālayn* diajarkan seminggu tiga kali. Pengajian tafsir ini pada kebiasaanya dilakukan setelah solat fardu dan mengambil masa dua jam setiap kali pertemuan.¹⁷⁹

Pelajar tingkatan lima dan enam yang mengikuti pengajian ini akan dibimbing oleh teugku yang telah diiktirafkan oleh teungku chik atau pimpinan dayah. Manakala pelajar senior yang berminat mendalami *Tafsir al-Jalālayn* akan dibimbing langsung oleh pimpinan dayah sendiri. Adapun kitab rujukan yang digunakan sebagai rujukan dalam pengajian ialah *Hāshiyah al-Sāwī 'ala Tafsir al-Jalālayn* karya Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al-Khalwah al-Mālikī.¹⁸⁰

2.6 Metode Pengajian Dayah Tradisional

Dalam sebuah lembaga pendidikan metode mempunyai peranan yang sangat besar. Penggunaan metode yang benar dalam pendidikan, maka akan menghasilkan kecemerlangan bagi lembaga tersebut. Oleh kerana itu lembaga pendidikan perlu kepada perencanaan yang sistematis dan tersusun untuk mencapai puncak

¹⁷⁷Hasbi Amiruddin, "Menatap Masa Depan," 50.

¹⁷⁸Haidar Putra Daulay, *Pendidikan Islam Dalam Sistem Pendidikan Nasional di Indonesia* (Jakarta: Prenada Media, 2004), 25.

¹⁷⁹Kurikulum Dayah-Dayah Tradisional di Aceh Besar tahun 2008.

¹⁸⁰*Ibid.*

kecemerlangan dalam bidang pendidikan. Antara metode pengajian yang digunakan lembaga pendidikan Islam tradisional ialah :

1. Wetonan (bandongan).

Metode ini merupakan sistem pengajian secara kolektif yang dilakukan di pesantren.¹⁸¹ Hasbullah mendefinisikan metode wetonan sebagai metode yang didalamnya terdapat seorang guru yang membaca kitab dalam waktu tertentu, sementara para pelajar membawa kitab yang sama, kemudian para pelajar mendengarkan dan memperhatikan bacaan guru tersebut. Metode ini dapat dikatakan sebagai proses pengajian secara kolektif.¹⁸²

Metode ini dalam kalangan dayah dikenal dengan istilah “surah” iaitu pengajian yang disampaikan oleh seorang guru kepada para pelajarnya secara kelompok atau pengajian secara halaqah dimana seorang guru memberikan pengajian kepada para pelajar yang mengelilinginya, menjelaskan makna secara harfiah dan mengambil kesimpulan daripada pengertian umum, manakala para pelajar memperhatikan dan mendengarkan penjelasan yang disampaikan oleh gurunya.

Pengajian di Aceh dengan menggunakan metode ini berbeza dengan pengajian di daerah lainnya seperti di Jawa. Di Jawa pengajian metode seperti ini hanya mengharapkan penyertaan para pelajar tanpa memperhatikan apa yang sedang dilakukan oleh mereka semasa pengajian, manakala di Aceh pengajian dengan metode ini lebih spesifik dan banyak pertemuan-pertemuan selanjutnya, dimana para pelajar dibolehkan untuk bertanya secara lebih mendalam apabila ditemui masalah yang belum difahami dalam pengajiannya.

Setelah guru menjelaskan (*geusurah*) pelajaran yang telah disampaikan pada pertemuan pertama, dalam pertemuan seterusnya guru meminta beberapa pelajar untuk

¹⁸¹Imron Arifin, *Kepemimpinan Kyai, Kasus Pondok Pesantren Tebuireng* (Malang: Kalimasyahada Press, 1993), 39.

¹⁸²Hasbullah, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1995), 26.

mengulang kembali penjelasan pelajaran yang telah disampaikan pada pertemuan sebelumnya. Hal ini dilakukan bagi mengetahui kemampuan para pelajarnya dalam memahami dan menguasai pelajaran, dan apabila masih ada pelajar yang belum faham maka pelajaran tersebut akan kembali di ulang sehingga para pelajar dapat memahami dengan benar.

2. Sorogan

Metode ini merupakan sistem pengajian secara individual yang mana para pelajar mendatangi gurunya secara perorangan dan membacakan kitab di depan gurunya, menurut Zamakhsyari Dhofier metode sorogan adalah sistem pengajian yang disampaikan kepada para pelajarnya secara individual.¹⁸³

Pengajian ini pada umumnya berdasarkan inisiatif daripada pelajar yang mempunyai hasrat dan keinginan bahagi mempelajari kitab-kitab tertentu secara khas kepada gurunya. Tujuan daripada metode pengajian seperti ini adalah untuk memperoleh pengetahuan secara lebih mendalam lagi mengenai permasalahan-permasalahan tertentu daripada kitab yang dikaji.

Pengajian dengan menggunakan metode ini terlihat lebih efektif, kerana para pelajar boleh berhadapan secara langsung dengan gurunya. Sistem pengajiannya memiliki kesamaan dengan metode wetonan (badongan) iatu dengan memberikan syarahan kepada pelajar secara mendalam berkenaan dengan permasalahan yang dikaji.

¹⁸³Zamachsari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai* (Jakarta: LP3ES, 1983), 28.

3. Hafazan

Dalam metode ini para pelajar diberikan kewajiban untuk menghafal pelajaran dalam masa tertentu. Seterusnya para pelajar dimintakan untuk menghafalkan pelajaran tersebut dihadapan gurunya. Metode ini bertujuan memberikan motivasi kepada para pelajarnya untuk menguasai ilmu-ilmu yang telah dipelajarinya. Kaedah ini sangat menentukan kemampuan mereka dalam memahami pelajaran yang telah diberikan pada pertemuan-pertemuan sebelumnya. Pada umumnya subjek yang diuji hafalkan berkaitan dengan al-Quran, fiqh, nahu sarf dan lain sebagainya.

4. Musyawarah (muzakarah).

Muzakarah adalah pengajian yang membahaskan permasalahan-permasalahan diniyah samada secara rinci mahupun secara global. Metode ini dapat dikelompokkan dalam dua kategori iaitu pengajian yang dipimpin antara sesama para pelajar dan pengajian yang dipimpin langsung oleh para pengajar.

Pengajian yang dilakukan antara sesama para pelajar pada umumnya bertujuan mendidik mereka untuk menjawab persoalan-persoalan keagamaan dengan merujuk kepada kitab-kitab turath yang tersedia. Sementara pengajian yang dipimpin oleh guru bertujuan untuk menyampaikan maklumat-maklumat terbaru yang berkenaan dalam muzakarah tersebut. Umumnya pengajian yang dipimpin oleh seorang guru pada metode ini menggunakan sistem tanya jawab.

2.7 Tingkatan Pengajian di Dayah Tradisional

Pada masa kesultanan, tingkatan dayah dibahagikan kepada tiga bahagian, tingkatan pertama di kenal dengan istilah rangkang (junior), tingkatan menengah dikenali dengan bale (senior) dan tingkatan terakhir dinamai dengan dayah manyang

(universiti). Pada sebahagian tempat ditemui tingkatan rangkang dan bale dan pada sebahagian tempat yang lainnya ditemui tingkatan dayah manyang (univesiti).¹⁸⁴

Pendidikan dayah tingkat menengah disebut rangkang dan pendidikan tingkat tinggi disebut bale.¹⁸⁵ Rangkang merupakan lembaga pendidikan lanjutan menengah yang mengajarkan ilmu-ilmu mengenai fiqh, tauhid, akhlak dan bahasa Arab. Adapun buku yang digunapakai dalam lembaga pendidikan ini majoritinya berbahasa melayu dan sebahagiannya buku berbahasa Arab. Umumnya pelajar pada lembaga ini terdiri daripada murid-murid yang telah belajar di meunasah dan tidak ada persyaratan khusus bagi siapa yang berkeinginan belajar serta tidak dibatasi oleh masa dalam sistem pembelajarannya. Pelajar yang mampu menyelesaikan pelajarannya dibolehkan mengikuti tahapan pendidikan selanjutnya ke dayah tingkat tinggi.

Pendidikan dayah tingkat tinggi dinamai juga pendidikan bale, pelajar pada tingkatan ini adalah mereka-mereka yang telah menyelesaikan belajarnya di rangkang. Tingkatan pelajaran yang mereka pelajari lebih mendalam secara khusus bidang-bidang keagamaan seperti ilmu fiqh, tafsir serta ilmu hadith dengan menggunakan metode ceramah dan diskusi, hal ini berbeza dengan pembelajaran di rangkang yang mengajarkan secara umum. Dengan demikian setiap pelajar boleh berpindah-pindah dan memilih bidang-bidang mana sahaja yang diminati untuk dipelajari daripada tengku¹⁸⁶ di bale (guru yang mengajar di dayah tingkatan tinggi) sehingga melahirkan tengku-tengku yang ahli dalam bidangnya. Pelajar pada tingkatan tinggi ini diperbolehkan menjadi guru di meunasah dan pada masa-masa tertentu bagi mereka yang mempunyai kemahiran yang mendalam dijadikan sebagai tenaga pengajar untuk menggantikan gurunya.

¹⁸⁴Hasbi Amiruddin, "Menatap Masa Depan," 47.

¹⁸⁵Abuddin Nata, ed., *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: PT.Grasindo 2001), 46.

¹⁸⁶Teungku adalah panggilan kehormatan bagi guru-guru di dayah tradisional wilayah Aceh.

Kegiatan pengajian dalam pesantren (Dayah) tidak hadkan seperti dalam lembaga pendidikan yang menggunakan sistem klasikal. Umumnya, kenaikan tingkat seorang pelajar ditandai dengan tamat dan bergantinya kitab yang dipelajari. Dengan demikian, tingkatan pengajian tidak ditandai dengan naiknya ke darajah selanjutnya sebagaimana dalam pendidikan formal, tetapi pada penguasaan kitab-kitab yang telah ditetapkan dari yang paling rendah sampai yang paling tinggi.

2.8 Peranan Dayah di Aceh

Dayah mempunyai peranan penting dalam proses pertumbuhan dan berkembangnya pendidikan di Nusantara secara umum dan dalam kalangan masyarakat Aceh secara khusus. Sebagai lembaga pendidikan, pesantren (dayah) merupakan lembaga bagi pendidikan formal seperti, madrasah, sekolah umum, perguruan tinggi, dari segi lainnya dayah juga berfungsi sebagai lembaga pendidikan dan nonformal iaitu tempat bagi masyarakat untuk mendalami ilmu agama.

1. Lembaga pendidikan

Dayah memiliki peranan yang sangat besar dalam memajukan pendidikan di Aceh. Dayah juga merupakan lembaga pendidikan asli produk masyarakat Aceh sendiri, meskipun pada awalnya bersumber daripada sistem pengajian Nabi Muhammad S.A.W. sebagai lembaga pendidikan formal, dayah merupakan tempat masyarakat Aceh menuntut ilmu agama, tempat mendidik calon-calon pemimpin umat dan masyarakat pada umumnya. Menurut Dr. Muhammad Hisyam dayah dengan Teungku Cik-nya¹⁸⁷ bukan sahaja lembaga pendidikan agama bahkan ia juga merupakan *agen* perubahan serta pentadbiran sosial.¹⁸⁸

¹⁸⁷Teungku Cik istilah atau sebutan bagi Pemimpin Dayah.

¹⁸⁸Muhammad Hisyam, “*Dayah di Tengah Perubahan Sosial*” dalam *Akulturasikan Nilai-Nilai Persaudaraan Islam Model Dayah Aceh* (Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan), vii.

Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda dayah di Aceh mencapai puncak kegermilangan, perhatian besarnya terhadap agama Islam dapat kita lihat dengan penubuhan dayah Manyang (universiti) yang dipusatkan di Masjid Raya Baiturrahman Banda Aceh.¹⁸⁹ Lembaga pendidikan dayah telah menghasilkan ulama-ulama dari pelbagai bidang ilmu, iaitu pakar pertanian, pakar kelautan, pakar ilmu falak, pakar ketenteraan dan juga telah menghasilkan panglima perang yang tangguh, pakar dalam bidang pentadbiran negara bahkan juga raja-raja Kerajaan Islam Aceh sendiri adalah keluaran lembaga pendidikan ini.¹⁹⁰

2. Lembaga kemasyarakatan

Sebagai lembaga pendidikan Islam tradisional yang telah lama wujud dayah termasuk dalam upaya akulturasi (penyebaran) nilai-nilai persaudaraan Islam terhadap pelajar-pelajar yang belajar di dayah tersebut.¹⁹¹ Dalam kesehariannya penyebaran nilai-nilai kemasyarakatan itu terjadi melalui interaksi antara sesama pelajar dan teungku rangkang (dayah), sehingga akulturasi nilai-nilai persaudaraan dapat terbentuk secara bertahap di dalam lingkungan dayah dengan baik.

Akulturasi nilai persaudaraan Islami itu juga terbentuk di dalam lingkungan masyarakat melalui aktivi-aktivi keagamaan yang terdapat di perkampungan mereka seperti memberikan pengajian-pengajian di meunasah-meunasah (surau), memimpin acara tahlilan dan berdo'a. memandangkan kepada realiti-realiti tersebut, dayah telah memberikan kontribusi yang bermanfaat kepada masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa lembaga pendidikan dayah memiliki peranan dalam kehidupan bermasyarakat.

Sebagai lembaga sosial, pesantren (dayah) juga menerima anak-anak dari segala golongan masyarakat muslim untuk menuntut ilmu agama tanpa membeza-bezakan

¹⁸⁹A.Hasjmy, "*Kebudayaan Aceh*," 157.

¹⁹⁰T.Iskandar, *De Hikayat Atjeh*, (S. Gravenhage: NV. De Nederlands Bokk-En Steendrukkerj, V.H.L. Smith, tt), 153.

¹⁹¹Muhammad A.R, "*Akulturasi Nilai-Nilai*," 1.

status sosial mereka, serta menerima pelawat yang datang dari masyarakat samada dari wilayah tempatan mahupun antarabangsa dengan pelbagai maksud dan tujuan.

2.9 Unsur-unsur dalam lembaga pendidikan Dayah Tradisional

Sebagai lembaga pendidikan Islam, setiap pondok pesantren mempunyai lima elemen dasar, iaitu: masjid atau surau, teungku, kyai atau pengasuh pesantren, pelajar atau santri, pondok atau asrama, dan pengajaran kitab-kitab (kitab kuning).¹⁹²

Antara unsur-unsur dalam lembaga pendidikan dayah tradisional ialah:

1. Teungku

Teungku adalah gelaran kehormatan yang diberikan kepada seseorang yang mengerti atau faham tentang masalah agama.¹⁹³ Di Aceh, Proses penubuhan dayah bermula daripada teungku-teungku. Dalam sebuah lembaga pendidikan Islam tradisional teungku merupakan unsur paling utama dalam mengembangkan dan mengurus sebuah dayah. Keberhasilan sebuah dayah banyak bergantung kepada keahlian dan kedalaman ilmu teungku. Dengan erti kata teungku mempunyai peranan penting dalam memajukan sebuah dayah.

Kemampuan seorang teungku di Aceh diukur berdasarkan pengetahuan yang dipelajarinya, semakin banyak kitab yang difahaminya, maka dayah yang dipimpinnya akan mendapatkan perhatian daripada masyarakat untuk mendalami ilmu agama serta kepopularannya semakin meningkat. Oleh kerana itu teungku merupakan elemen penting dalam sebuah lembaga pendidikan Islam tradisional (dayah).

¹⁹²Mohamad Kholil, "Menggagas Pesantren sebagai Pusat Peradaban Muslim di Indonesia." dalam *Media Akademika*, Vol. 26, No. 3, Juli 2011. 303

¹⁹³Hakim Nyak Pha, *Adat dan Budaya Aceh* (Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, 2000), 6.

2. Masjid

Masjid merupakan salah satu pusat utama dalam pengembangan pendidikan di Islam daripada masa lalu sehingga sekarang. Fungsi masjid selain sebagai tempat melaksanakan ibadah sehari-hari, masjid juga berfungsi sebagai institusi pendidikan Islam iaitu tempat memberikan pelajaran serta mendidik mental para pelajar. Dalam sistem pendidikan dayah, masjid merupakan tempat utama dalam melaksanakan segala aktiviti pembelajaran, kerana masjid dianggap sebagai tempat yang tepat untuk mendidik para pelajar, terutama dalam aktiviti salat lima waktu, khutbah dan pengajaran kitab-kitab klasik.¹⁹⁴

3. Pelajar

Diantara tujuan ditubuhkan dayah-dayah tradisional di Aceh untuk mencerdaskan anak bangsa. Dayah tradisional merupakan dayah yang ditubuhkan berdasarkan inisiatif atau perencanaan daripada teungku chik (ulama) itu sendiri kerana ingin mengajar agama kepada masyarakat.

Dayah yang ditubuhkan oleh para ulama ini menerima para pelajar secara tradisional. Dengan erti kata para pelajar yang hendak menuntut ilmu agama dibolehkan datang kapan sahaja tanpa harus mengikuti proses kemasukan sebagaimana pada institusi-institusi rasmi lainnya.

Dalam penerimaan pelajar baru di dayah-dayah tradisional berbeza dengan sistem penerimaan pelajar di pesantren (Jawa). Pesantren menerima pelajar daripada anak-anak yang belajar mengaji dasar al-Quran, *Alif, Ba, Ta*, sementara dayah hanya menerima pelajar dewasa sahaja. Syarat minimum yang boleh diterima dayah adalah menyelesaikan sekolah rendah, mampu membaca al-Quran dan boleh menulis tulisan Arab.¹⁹⁵

¹⁹⁴Zamachsari Dhofier, “Tradisi Pesantren,” 49

¹⁹⁵Muhammad Hakim Nyak Pha, “Appresiasi Terhadap Tradisi Dayah: Suatu Tujuan Tatakrama Kehidupan Dayah,” dalam *Makalah, Seminar Appresiasi Dayah Persatuan Dayah Inshafuddin di Banda Aceh*. 1987), 8.

Pelajar pada lembaga pendidikan tradisional terdiri dari dua jenis, pelajar dayah yang menetap tinggal di asrama dan masyarakat tempatan yang berada di sekitar lingkungan dayah. Pelajar yang tinggal menetap di dalam dayah biasanya mereka berasal daripada daerah yang berjauhan dengan lokasi dayah tempat mereka mendalami ilmu agama, sementara pelajar tempatan (mukim) merupakan bahagian pelajar yang tidak menetap dalam dayah tetapi pulang ke rumah masing-masing setelah selesai mengikuti suatu pelajaran.

4. Asrama

Asrama atau yang dikenal *funduk* dalam bahasa Arab merupakan tempat tinggal bagi para pelajar yang sedang belajar di dayah. Pada amnya pelajar yang tinggal di asrama adalah pelajar yang berasal daripada kampung yang berjauhan daripada lokasi dayah. Dalam istilah orang Aceh bahagi sesiapa yang belajar guna mendalami ilmu agama secara mendalam di dayah dan tinggal di asrama disebut dengan *ureung meudagang*.¹⁹⁶

5. Pengajian kitab-kitab klasik

Salah satu keistimewaan pondok pesantren pada umumnya ialah adanya pengajaran yang sering disebut pengajian kitab klasik, yang dikenal dengan sebutan “kitab kuning”.¹⁹⁷ Kitab-kitab klasik yang diajarkan di dayah-dayah tradisional merupakan kitab-kitab turath karangan ulama-ulama terdahulu yang mencakupi dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti kitab fiqh, tasawuf, akhlak tafsir dan lainnya. Kitab klasik ini dikenal dalam kalangan dayah sebagai kitab kuning, hal ini dikeranakan lembaran kitab ini secara amnya berwarna kuning. Menurut Zamakhsyari Dhofier,

¹⁹⁶Ureung Meudagang adalah orang yang datang untuk belajar di dayah dan tinggal di asrama dayah, dan ini cara hidup para pelajar iaitu mereka meninggalkan kampung halaman dan pergi merantau bagi mendapatkan ilmu agama di dayah. Mereka tinggal di bilik-bilik kecil yang sudah di bangun dalam lokasi dayah tersebut, disinilah mereka mulai hidup berdikari dengan mengurus diri mereka sendiri, membasuh pakaian sendiri, dan lainnya. Lihat Prof. Ibrahim Husen, “Persepsi Kalangan Dayah Terhadap Pendidikan Tinggi di Aceh,” (Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry, 1983), 51.

¹⁹⁷ Bahaking Rama, *Jejak Pembaharuan: Pendidikan Pesantren: Kajian Pesantren As'adiyah Seng-kang Sulawesi Selatan*, (Jakarta: Parodatama, 2003), 38.

kitab-kitab turath yang dipelajari di pesantren secara umumnya dapat dibahagikan kedalam beberapa kajian, iaitu nahu dan *sarf*, fiqh, usul fiqh, hadith, tafsir, tauhid, tasawuf, etika, tarikh dan balaghah.¹⁹⁸

Pembelajaran kitab-kitab klasik ini mempunyai beberapa tingkatan. Pada peringkat awal para pelajar mempelajari kitab-kitab yang sederhana dan mudah difahami, kemudian dilanjutkan dengan kitab-kitab yang lebih mendalam daripada tingkatan sebelumnya. Hal ini dilakukan agar para pelajar dapat menguasai dan memahami kitab-kitab klasik dengan baik dan benar. Kitab-kitab klasik merupakan rujukan utama dalam sistem pendidikan dayah tradisional yang diajarkan oleh teungku-teungku dayah.

Zarkashiy menyebutkan jenis-jenis kitab yang diajarkan di dayah-dayah tradisional berdasarkan kepada tingkatan/level pendidikan. Pada tingkatan dasar para pelajar mempelajari beberapa kitab seperti: *al-Jawāhir al-Kalāmiyah (Tauhid)*, *Safīnah al-Najāh (Fiqh)*, *al-Wasāya al-Abnā (Akhlak)*, *al-Nahu al-Wadīh (Nahu)*, *al-Amthīlah al-Tasrifīyah (Sarf)*. Pada tingkatan menengah pertama, kitab-kitab yang digunakan diantaranya: *Tuhfah al-Atfāl (Tajwid)*, *Aqidah al-Awam (Tauhid)*, *Fath al-Qārib (Fiqh)*, *Ta'lim al-Muta'allim (Akhlak)*, *Nur al-Yaqīn (Tarikh)*. Manakala pada tingkatan menengah atas, kitab-kitab yang digunakan seperti: *Tafsīr al-Jalālayn (Tafsir)*, *al-Arbāin al-Nawāwī (Hadith)*, *Minhah al-Mugīth (Mustālah al-Hadith)*, *Tuhfah al-Murīd (Akhlak)*, *al-Waraqāt (Usul Fiqh)*, *al-Jawhar al-Maknūn (Balaghah)*. Pada tingkatan akhir, kitab yang digunakan, antara lain: *Fath al-Wahab (Fiqh)*, *al-Itqān fi Ulūm al-Qur'an (Tafsir)*, *Jāmi' al-Jawāmi' (Usul Fiqh)*, dan lain-lain.¹⁹⁹

¹⁹⁸Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren: Studi Pandangan Hidup Kiai dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, (Jakarta: LP3ES, 2011), 87.

¹⁹⁹Ahmad Hidayatullah Zarkashiy, *al-Lughah al'Arabiyyah fi Indunisiya Dirāsatan wa Tārikhan*, (Universiti Punjab, Lahor-Pakistan, 1991), 84.

BAB III

PENGAJIAN TAFSIR AL-JALALAYN DI DAYAH-DAYAH TRADISIONAL KABUPATEN ACHEH BESAR

3.1 Pendahuluan

Dayah merupakan lembaga pendidikan Islam tradisional yang tumbuh di tengah-tengah masyarakat. Secara amnya lembaga pendidikan tradisional ini telah wujud di seluruh bahagian Aceh,²⁰⁰ menurut Ir. Rusmiady, pada tahun 2012 jumlah dayah dan balai pengajian yang terdaftar pada Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD) di Aceh mencapai 4.048.²⁰¹ Manakala jumlah dayah di Aceh Besar yang telah diiktirafkan secara rasmi oleh Bupati Aceh Besar dengan penilaian berperingkat A, B, C, dan D mencapai 112 institusi.²⁰²

Dalam hal ini penulis akan menumpukan kajian khusus kepada dayah-dayah tradisional yang telah diiktirafkan secara rasmi sebagai dayah yang mempunyai standard penilaian peringkat A. Antara dayah-dayah tersebut ialah: Dayah Ulee Titi, Dayah Raudhah al-Thalibah (perempuan) dan dayah Thalibul Huda. Tiga dayah ini merupakan diantara dayah-dayah di Aceh Besar yang masih berjaya meneruskan sistemnya serta giat mengendalikan kelas-kelas ilmu.

²⁰⁰Aceh merupakan salah satu provinsi di Indonesia yang mempunyai 23 Kabupaten di setiap daerahnya.

²⁰¹Ir. Rusmiady beliau merupakan Ketua Badan Pembinaan Pendidikan Dayah di Aceh.

²⁰²Instruksi Gabenor dalam surat No: 195 tahun 2012 kepada Bupati Aceh Besar Zulkifli Ahmad Mengenai Penetapan Penilaian Peringkat dayah-dayah di Aceh Besar, 24 April 2012.

3.2 DAYAH ULEE TITI

3.2.1 Sejarah Penubuhan Dayah Ulee Titi

Ulee Titi merupakan satu dayah yang ditubuhkan di perkampungan Siron,²⁰³ letaknya berhampiran dengan lebuhraya menuju ke Blang Bintang.²⁰⁴ Dayah Ulee Titi merupakan salah satu lembaga pendidikan Islam tertua dan popular di Kabupaten Aceh Besar dan tergolong dayah salafiyah yang mempunyai standard dengan penilaian berperingkat A.²⁰⁵

Proses penubuhan dayah ini memiliki unsur kesamaan dengan dayah-dayah salafiyah lainnya. Pada awal berdirinya, proses belajar di dayah ini dimulai daripada sekelompok remaja yang berdatangan kepada Abu Ishak al-Amiry untuk memperoleh ilmu agama. Seiring dengan berjalannya masa, para pelajar yang berdatangan ke rumah beliau semakin ramai. Ekoran daripada itu, Abu Ishaq al-Amiry menubuhkan sebuah lembaga pendidikan Islam (dayah).

Dalam memimpin dayah ini beliau mempunyai cogan kata yang selalu dijadikan sebagai panduan. Beliau berpandangan bahawa pembelajaran sepanjang hayat di dayah merupakan cogan kata yang selalu dijunjung tinggi.²⁰⁶ Hal ini ditandai dengan tidak pernah mengabaikan para pelajar yang datang kepada beliau untuk menuntut ilmu agama. Sikap konsisten dan kesabaran inilah yang menyebabkan para pelajar silih berganti berdatangan untuk memperoleh ilmu pengetahuan daripada beliau.

²⁰³Kampung Siron merupakan salah satu wilayah yang termasuk dalam Kecamatan Ingin Jaya, Kabupaten Aceh Besar

²⁰⁴Blang Bintang: Nama wilayah perkampungan di Aceh Besar. Wilayah ini dikenal dengan adanya Air Port/ Bandara Internasional Sultan Iskandar Muda yang berdekatan dengan Dayah Ulee Titi.

²⁰⁵No: 195 Tahun 2012: Keputusan Bupati Aceh Besar tentang Penetapan Type Dayah/ Pesantren dalam Kabupaten Aceh Besar Tahun 2012, 24 April 2012.

²⁰⁶Athailah Ishaq al-Amiry (Anak daripada Teungku Ishak al-Amiry dan Pimpinan Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2013.

Menurut kepada catatan sejarah dayah ini ditubuhkan sejak 85 tahun yang silam bertepatan dengan tahun 1927 M, iaitu pada masa bergejolaknya pergerakan kebangsaan Indonesia, gerakan nasionalisme dan anti diskriminasi iaitu pada awal abad ke 20.²⁰⁷

Lembaga pendidikan Islam ini ditubuhkan oleh teungku Hj. Ishaq al-Amiry. Beliau merupakan tokoh ulama karismatik yang sangat konsisten, dicintai dan disukai oleh masyarakat.²⁰⁸ Kesungguhan dan kesabarannya dalam memimpin dayah ini mampu melewati pelbagai cabaran dan ancaman yang datang.

Oleh kerana kewujudan dayah ini berada bersesuaian dengan hujung jambatan yang menghubungkan Lambaro dengan Bandara Internasional Sultan Iskandar Muda, maka penamaan pondok pesantren tradisional ini dinamai dengan Dayah Ulee Titi. Penamaannya tidak terlepas daripada tempat dan lokasi dayah. Ulee dalam bahasa Aceh diertikan dengan hujung, manakala Titi diertikan dengan jambatan. Dengan yang demikian dayah Ulee Titi diertikan sebagai dayah yang berada di hujung jambatan.²⁰⁹

Sebuah institusi sangat erat kaitannya dengan apa yang dinamai dengan prasarana, kerana ia merupakan bahagian penyokong yang sangat penting dan efektif. Pada awal mulanya tanah ini merupakan wakaf daripada Teuku Mahmud, beliau juga dikenal dengan sebutan Teuku Mud. Tanahnya tidak begitu luas, fasiliti yang dimiliki terhad daripada satu balai pengajian (balee beut) dan satu surau.²¹⁰

Saat ini keluasan lembaga pendidikan Islam yayasan dayah Ulee Titi mencapai tujuh ekar dengan luas bangunan 60 peratus dari luas tanah, disinilah para pelajar berkumpul dan belajar meninggalkan kampung halamannya demi memperoleh pelbagai macam ilmu pengetahuan agama.

²⁰⁷Tgk. Maidi Asra, S.Pdi (salah Satu Tenaga pengajar dan Sekretaris Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 20 Ogos 2013.

²⁰⁸Tgk. Mawardi, Lc (salah satu pelajar di Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

²⁰⁹Tgk. Hermansyah (Timbalan Ketua Umum dan Salah Satu Tenaga pengajar Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2013.

²¹⁰Athailah Ishaq al-Amiry (Anak daripada Teungku Ishak al-Amiry dan Pimpinan Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2013.

3.2.2 Tujuan Penubuhan Dayah Ulee Titi

Dayah merupakan pusat pendidikan Islam bagi melahirkan muslimin yang berpotensi. Hal ini bersesuaian dengan tujuan ditubuhkannya dayah Ulee Titi sebagai salah satu pusat lembaga pendidikan Islam, iaitu antaranya; Melahirkan manusia-manusia dan masyarakat muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, melahirkan ulama-ulama yang mampu menghayati isi kandungan kitab-kitab Islam (kuning) di dalam pelbagai ilmu keagamaan, serta melahirkan bakal-bakal penyambung tugas-tugas ulama yang terdahulu.²¹¹

3.2.3 Kepemimpinan Dayah Ulee Titi

Dayah Ulee Titi dipimpin oleh Tgk. Abu Ishak al-Amiry. Beliau dilahirkan di desa Lamreung pada tahun 1906. Dalam kalangan masyarakat Aceh beliau lebih dikenal dengan gelar Abu Chiek Ulee Titi. Setelah sekian lama mengembangkan dakwah, Abu Chik meninggal dunia tepatnya pada hari Isnin tanggal 14 Julai tahun 1997 bersamaan sembilan Rabi' al-Awal 1418 H.²¹²

Setelah Abu Ishak al-Amiry meninggal dunia, kepemimpinan Dayah Ulee Titi sepenuhnya dipimpin oleh anak lelakinya Tgk.Hj.Athaillah Ishak al-Amiry yang lahir pada tahun 1955. Perlu dimaklumkan Pada tahun 1995 M, iaitu dua tahun sebelum ayahnya meninggal, Abu Ishak al-Amiry mempercayakan kepemimpinan dan segala pentadbiran dayah kepada anaknya Tgk. Hj. Athaillah Ishak al-Amiry.

Tgk.Hj. Athaillah Ishak al-Amiry semasa kecilnya telah menerima ilmu daripada orang tuanya, bahkan pada usianya 10 tahun yang terbilang masih sangat muda, beliau telah menghafal *Alfiah* yang sangat jarang dilakukan oleh anak-anak lain pada usianya. Setelah memasuki usianya yang ke 17 tahun, beliau melanjutkan studinya bagi memperoleh dan mendalami ilmu-ilmu agama di pelbagai dayah-dayah salafiyah di

²¹¹*Ibid.*

²¹²*Ibid.*

Aceh. Adapun dayah-dayah yang menjadi tempat beliau memperoleh pelbagai disiplin ilmu ialah dayah Budi Lamno di Aceh Barat. Pada masa beliau mendalami ilmu agama di dayah Budi, beliau juga mendapati kepercayaan oleh pimpinan pondok pesantren untuk menjadi Ketua Umum di dalam lembaga pendidikan Islam Budi Lamno, hal ini dikeranakan keilmuan yang dimiliki oleh Tgk. Hj. Athaillah Ishak al-Amiry sangat luas. Setelah enam tahun lamanya menuntut ilmu agama di dayah Budi Lamno, Abu Athaillah melanjutkan studinya bagi mendalami lagi ilmu agama pada salah satu dayah terkenal di Aceh Utara, iaitu Dayah Dar ‘Ulum Tanoh Mirah. Selama tujuh tahun disana, beliau dimintakan oleh sang ayah Abu Ishak al-Amiry bagi mengajarkan ilmu-ilmunya kepada para pelajar dayah Ulee Titi serta mengabdikan ilmunya juga kepada masyarakat.²¹³

Beliau memegang teguh amanah yang telah dipercayakan oleh sang ayah. Sebelum ayahnya meninggal dunia, beliau berwasiat kepada sang anak Tgk Hj. Athaillah al-Amiry “wahai anakku, engkau telah melihat bagaimana kehidupanku, selama kamu mengikutiku tidak pernah meninggalkan para pelajar walau satu hari bagi mencari kesibukan di luar sana, oleh kerana itu janganlah kamu meninggalkan mereka dan Allah akan senantiasa selalu memberkahi setiap pelayanan atau pengabdian yang kita lakukan.”²¹⁴ Dasar wasiat inilah yang menjadikan Tgk.Hj. Athaillah Ishak al-Amiry lebih termotivasi bagi melanjutkan perjuangan sang ayah dalam memimpin dayah Ulee Titi.

Memandang kepada pengalaman sang ayah, Tgk.Hj. Athaillah telah mencalon anak lelakinya bagi menjadi tokoh dan penurus dalam kepemimpinan dayah Ulee Titi dengan memberikan bekal pelbagai macam ilmu agama dan pengalaman-pengalam sang datuk dan ayahnya. Hal ini dikeranakan banyaknya pondok-pondok pesantren di Nusantara sama ada salafiyah dan pesantren moden tidak mempunyai tokoh penerus

²¹³*Ibid.*

²¹⁴*Ibid.*

boleh mengembangkan dan memajukan peranan sebagaimana para tokoh perintis dan pimpinan pondok sebelumnya, dan ini merupakan punca awal daripada kemunduran sebuah lembaga pendidikan, sehingga tidak sedikit pondok-pondok pesantren di nusantara mengalami kemunduran bahkan kehancuran seiring dengan meninggalnya sang pendiri dan tengku yang berkarisma. Tgk. H. Ishaq al-Amiry berkeyakinan dengan pandangan masyarakat bahawa apabila seorang teungku telah memasuki dalam dunia politik sekecil apapun akan dapat menurunkan dan bahkan menghilangkan karismanya.²¹⁵

3.2.4 Struktur Organisasi Dayah Ulee Titi

Pentadbiran dayah Ulee Titi sama halnya dengan dayah-dayah tradisional di Aceh lainnya iaitu berpusat kepada Teungku chik²¹⁶. Beliau merupakan bahagian terpenting dalam sebuah institusi dayah, selain jawatannya daripada pimpinan dayah (mudir), beliau juga pengajar utama, guru teladan dan sebagai guru kaunseling.

Namun, di dalam mewujudkan sistem pentadbiran yang teratur dengan baik perlu adanya suatu organisasi yang sepenuhnya menyokong bagi mewujudkan lembaga pendidikan yang kuat dari sudut pentadbiran. Dengan ini, Dayah Ulee Titi telah melantik beberapa individu bagi mengurus segala pentadbiran di dalam menentukan polisi dan hala tuju dayah Ulee Titi. Di samping itu juga, mengurus sukatan pelajaran dayah serta hal-hal yang berkaitan dengan aspek dayah seperti kedudukan tenaga pengajar dan kakitangan, kemudahan asas pondok seperti asrama bagi pelajar. Disamping itu juga organisasi dayah Ulee Titi mempunyai kakitangan sokongan lain yang terdiri daripada pembantu bahagian hubungan kemasyarakatan, pembantu bahagian keamanan.

²¹⁵Pandangan Abu Ishak al-Amiry dalam temubual penulis dengan Abu Hj. Athaillah Ishaq al-Amiry (Pimpinan Dayah Ulee Titi, Aceh Besar dan anak lelaki daripada Abu Ishak), 15 Ogos 2013.

²¹⁶Teungku Chik adalah Pimpinan Dayah.

3.2.5 Tenaga Pengajar

Salah satu elemen penting dalam sebuah lembaga pendidikan Islam ialah tenaga pengajar. Dalam istilah Aceh, tenaga pengajar dikenal juga dengan sebutan teungku. Proses pembelajaran kitab-kitab Islam di balai-balai pengajian di Dayah Ulee Titi sama ada tafsir, hadith, fiqh dan lain sebagainya di pimpin oleh masing-masing seorang teungku yang telah ditentukan oleh pimpinan dayah. Oleh yang demikian teungku mempunyai peranan yang sangat penting dalam sistem pendidikan dayah serta dalam melahirkan ulama-ulama yang berkualiti untuk agama dan negara.

Lembaga pendidikan Islam Dayah Ulee Titi saat ini memiliki 150 tenaga pengajar, dengan rincian 100 pengajar daripada lelaki dan 50 pengajar daripada perempuan.²¹⁷ Tradisi pengajian di Dayah Ulee Titi tidak berbeza di antara satu pondok dengan pondok yang lain iaitu mengikut kepada jadual sembahyang. Secara umum, waktu pengajiannya terbahagi kepada empat sesi, iaitu sesi pagi, sesi petang dan sesi malam. Sesi pagi bermula selepas Subuh hingga pukul 11.00 pagi, sesi petangnya bermula pukul 14.00 tengah hari hingga ke waktu 'Asar, sesi malam bermula selepas salat Maghrib hingga ke waktu Isyak, manakala sesi akhir bermula selepas salat Isyak hingga pukul 23.00 malam. kadang-kadang terdapat juga kelas yang dijalankan oleh beberapa pelajar sahaja bagi mendalami mata pelajaran sebelumnya.

Kelas pengajian ini dibahagi kepada dua bahagian, iaitu kelas bahagian umum dan kelas bahagian khusus. Kelas pengajian umum ialah kelas yang diikuti oleh masyarakat sekitar. Pengajian *Tafsir al-Jalālayn* bagi khalayak umum dipimpin langsung oleh Abu Athaillah. Meskipun kepakaran beliau dalam bidang ilmu *Usul Fiqh* akan tetapi kemahiran beliau dalam mengajarkan tafsir ini sangat diminati oleh pelbagai kalangan masyarakat yang hadir pada pengajian tersebut.²¹⁸ Manakala pengajian khusus

²¹⁷Susunan Guru/Pengajar Lembaga Pendidikan Islam Yayasan Dayah Ulee Titi Gampong Siron Lamgarot Kec. Ingin Jaya Aceh Besar, Tahun Ajaran 2013 M/ 1434 H

²¹⁸Tgk. Maidi Asra, S.Pdi (salah Satu Tenaga pengajar dan Sekretaris Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 20 Ogos 2013.

iaitu tafsir yang diajarkan kepada para pelajarnya. Masa yang digunakan beliau pada pengajian ini mengikut kepada jadual yang telah ditentukan oleh bahagian pengajaran Dayah Ulee Titi iaitu selepas solat Maghrib di Balee Ijoe (Balai Hijau).²¹⁹ Selain itu pengajian tafsir ini juga dipimpin oleh Waled yang diajarkan selepas solat Subuh di Balee Ijoe (Balai Hijau).²²⁰

Pada kelas *Tafsīr al-Jalālayn* yang lainnya, pengajian tafsir ini diajarkan oleh teungku ataupun para senior yang telah diiktirafkan Abu Athaillah sebagai pengajar. Majoriti para tenaga pengajar di dayah ini adalah keluaran daripada dayah-dayah tradisional di seluruh Aceh, sebahagian lainnya, mereka adalah teungku-teungku yang telah lulus sarjana di pelbagai institusi, seperti teungku Maidi Asra S.Pdi yang lulus di Institut Agama Islam al-Akidah Jakarta. Walau pun majoriti teungku-teungku di Dayah Ulee Titi tidak ditonjolkan keserjanaannya atau memiliki kelulusan yang diiktirafkan secara akademik, namun mereka diyakini mempunyai ilmu Islam yang mendalam dalam pelbagai bidang. Secara umumnya tenaga pengajar yang telah diiktirafkan oleh Abu Athaillah memiliki keahlian dalam bidang ilmu *Fiqh*. Hal ini dikeranakan kepada kriteria Dayah Ulee Titi sebagai dayah yang lebih banyak mempelajari kitab-kitab fiqh berbanding kitab tafsir, sehingga para teungku di Dayah Ulee Titi mahupun dayah tradisional lainnya memiliki tenaga pengajar yang ahli dalam bidang ilmu *Fiqh*. Setiap teungku yang telah diiktirafkan bagi membimbing para pelajar berkewajipan mengikut jadual yang telah di susun secara kemas dan teratur oleh jabatan pendidikan.²²¹

²¹⁹Susunan Guru/Pengajar Lembaga Pendidikan Islam Yayasan Dayah Ulee Titi Gampong Siron Lamgarot Kec. Ingin Jaya Aceh Besar, Tahun Ajaran 2013 M/ 1434 H

²²⁰ Beliau adalah Pimpinan Dayah Raudhah Al-Thalibah dan Ahli dalam bidang fiqh.

²²¹Teungku Mawardi Bahar (Beliau adalah Ketua Jabatan Pendidikan di Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 29 Ogos 2013.

3.2.6 Pelajar

Pelajar adalah para santri atau murid yang belajar di pondok pesantren. Pelajar mempunyai kaitan yang kuat dengan teungku atau pun Abu dalam lembaga pendidikan Islam seperti dayah. Sama halnya dengan teungku, seorang teungku boleh disebut sebagai Abu apabila mempunyai pondok pesantren dan santri yang tinggal menetap dalam pondok.

Dayah Ulee Titi tidak mempunyai perbezaan dengan pelbagai lembaga pendidikan Islam lain, iaitu mempunyai Abu sebagai pimpinan dan pelajar yang sentiasa konsisten menuntut ilmu. Lembaga pendidikan Dayah Ulee Titi tergolong salah satu diantara dayah-dayah di Aceh yang mempunyai pelajar dalam jumlah yang ramai sehingga kini. Dayah Ulee Titi mempunyai pelajar dengan jumlah lebih daripada seribu dengan perinciannya iaitu para pelajar lelaki yang bermukim atau menetap di Dayah Ulee titi terdiri daripada 775 pelajar dan 150 orang dari pelajar yang tidak menetap di dayah. Manakala jumlah pelajar perempuan di dayah Ulee Titi terdiri dari 850 pelajar²²² Secara am'nya para pelajar berasal daripada Aceh, walaupun demikian didapati pula pelajar-pelajar daripada luar Aceh, bahkan sebahagian kecil pelajar di Dayah Ulee Titi daripada pelajar antarabangsa, seperti Malaysia dan Thailand.

Diantara sebab ataupun faktor pendukung seorang pelajar menetap tinggal di dayah antara lain: Pertama, hasrat yang tinggi daripada pelajar mendalami kitab-kitab turath Islami kepada teungku secara langsung. Kedua, menerokai kehidupan di pondok pesantren, samada dalam bidang pengajian, keorganisasian mahupun hubungan dengan pesantren lain. Ketiga, memusatkan perhatian sepenuhnya pada pengajian-pengajian di dayah.

Bagi pelajar yang menaruh minat belajar di dayah ini boleh mendatangi jabatan pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baru. Kemasukan pelajar di Dayah Ulee Titi

²²²Tgk Maudi Asra, S.pdi (Sekretaris dan tenaga pengajar di dayah Ulee titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 20 Ogos 2013.

tidak dihadkan kepada umur tertentu. Menurut data yang penulis peroleh, umur terendah bagi pelajar yang ingin belajar di dayah Ulee Titi ialah 12 tahun atau setara dengan lulusan sekolah rendah.²²³ Sebagaimana umur yang tidak dihadkan untuk belajar di yayasan dayah Ulee Titi, begitu pula dengan jangka masa belajar. Pelajar mempunyai kebebasan dalam memilih masa belajar, penentuan lama dan singkat masa belajar sangat terpulang kepada kesanggupan para pelajar itu sendiri. Biasanya mereka mengambil masa dua hingga lima tahun, sebahagian mereka ada pula yang mengambil masa lima bahkan sampai lapan tahun, Ada pula yang menamatkan pengajiannya sehingga akhir, walau pun sebahagian kecil dari mereka.

Lembaga pendidikan ini tidak meminta bayaran kepada para pelajarnya. Setiap pelajar yang ingin memasuki ataupun mempelajari ilmu di dayah Ulee Titi dibebaskan daripada yuran masuk. Berdasarkan kepada pengamatan penulis, para pelajar sama ada pelajar tingkat sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah atas boleh memasuki lembaga pendidikan Islam seperti Dayah Ulee Titi dan dayah-dayah lainnya di Aceh tanpa membayar yuran pengajian. Hal ini dikeranakan beberapa faktor diantaranya; wasiat daripada para pendiri dayah-dayah tradisional di Aceh dahulu kala yang mengajarkan ilmu-ilmunya secara ikhlas tanpa mengharapkan kepada bayaran, tradisi dayah-dayah tradisional di Aceh daripada dahulu sehingga sekarang yang tidak meminta yuran pengajian kepada para pelajar, menarik minat daripada masyarakat yang terkendala dalam permasalahan ekonomi bagi menuntut ilmu di dayah-dayah tradisional terutama para pelajar yang tercatat sebagai fakir dan miskin. Walaupun demikian, para pelajar perlu menyediakan keperluan peribadi mereka sehari-hari, seperti pembelian buku-buku pelajaran dan keperluan makan masing-masing pelajar. Biaya ini bergantung kepada keperluan masing-masing pelajar.²²⁴

²²³Tgk Maida Asra, S.pdi (Sekretaris dan tenaga pengajar di dayah Ulee titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 20 Ogos 2013.

²²⁴*Ibid.*

3.2.7 Kurikulum

Kurikulum merupakan rancangan dan pentadbiran mengenai tujuan, kandungan dan bahan pelajaran serta cara yang digunakan sebagai panduan kegiatan pembelajaran bagi mencapai tujuan pendidikan. Dayah Salafiyah, seperti Dayah Ulee Titi sehingga sekarang menggunakan kurikulum yang digunakan oleh dayah salafiyah lainnya, iaitu mempelajari kitab kuning (klasik) sebagai kurikulum dan bahan pelajaran. Dalam tradisi pesantren, kitab kuning merupakan ciri khas dan identiti daripada pondok pesantren salafiyah. Kitab kuning yang dipelajari di dayah Ulee Titi adalah kitab-kitab yang menganuti mazhab Syafi'iyah. Adapun kitab kuning dalam pengajian tafsir yang digunakan Dayah Ulee Titi dalam sistem pengajiannya ialah *Tafsīr al-Jalālayn* atau yang lebih dikenal lagi dengan sebutan “*Hāshiyah al-Sāwī ‘ala Tafsīr al-Jalālayn oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al-Khalwah al-Mālikī*”. Kitab ini diajarkan kepada para pelajar yang menduduki peringkat kelas lima dan enam.²²⁵ Sebagaimana yang terdapat dalam jadual di bawah ini:

²²⁵ Kurikulum Lembaga Pendidikan Yayasan Dayah Ulee Titi Aceh Besar.

Jadual 3.1 Kurikulum Dayah Ulee Titi

**KURIKULUM LEMBAGA PENDIDIKAN
YAYASAN DAYAH ULEE TITI
ACEH BESAR**

NO	SUBJEK	NAMA-NAMA KITAB MATA PELAJARAN MENGIKUT KELAS MASING-MASING						
		TAJHIZI (Persediaan)	SATU	DUA	TIGA	EMPAT	LIMA	ENAM
1	Fiqh	Safīnah al-Najā	Matan Taqrib	Bajuri I,II	I'ānah I,II	I'ānah III,IV	Mahallī I,II	Mahallī III,IV
2	Tauhid	Kifāyah al-Mubtadiin	Aqidah Islāmiah	Tijan Dararī	Kifāyah al-'Awam	Kifāyah al-'Awam	Hudhudi	Dāsuqī
3	Tasawuf	Pelajaran Ahlak	Taisīr Ahklak	Ta'lim Muta'allim	Ta'lim Muta'allim	Muraqi	Tanbīh	Tanbīh
4	Nahu	'Awāmil	Matan Ajrumiah	Kawākib	Kawākib	Ibnu 'Aqīl	Ibnu 'Aqīl	Ibnu 'Aqīl
5	Sarf	Dammun	Matan Bina	Kailāni	Kailāni	Sals al-Madkhal	Matlub	Matlub
6	Tarikh	Riwayat Nabi	Khulāsah I	Khulāsah II	Khulāsah III	Nur al-Yakīn	Nur al-Yakīn	Nurul al-Yakīn
7	Tajwid	Tajwid	Tajwid	Hidāyah al-Mustafīd	Hidāyah al-Mustafīd			
8	Tasrif	Risalah Tasrif Abu	Risalah Tasrif Abu	Risalah Tasrif Abu				
9	Hadith			Matan Arbain	Majlis Saniah	Majlis Saniah	Majlis Saniah	Majlis Saniah
10	Mantiq				Idāh al-Mubham	Idāh al-Mubham	Sabban	Sabban
11	Usul Fiqh				Warakāt	Latāif	Latāif	Ghāyah Usul
12	Bayan				Majmu' Khamsin	Ahmad Sawī	Jauhar	Jauhar
13	Musthalah al-Hadith					Minha al-Mughīth	Minha al-Mughīth	Baikūni
14	Tafsir						Tafsir Sawi I,II	Tafsir Sawi III,IV

Sumber: Dayah Ulee Titi

3.2.8 Sistem Pengajian Tafsīr al-Jalālayn di Dayah Ulee Titi

Pada awal mulanya, sistem pengajian di dayah Ulee Titi sama ada pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* atau pengajian kitab-kitab klasik lainnya menggunakan rumah teungku sebagai tempat pengajian. Seiring dengan perjalanan masa pengajian dan disebabkan ramainya para pelajar, akhirnya bangunan sederhana didirikan bagi menerima pelajar-pelajar yang ingin mengaji.²²⁶

Dayah Ulee Titi juga menjadikan masjid dan balai-balai pengajian sebagai tempat pembelajaran, sistem ini bersesuaian dengan sistem pengajian yang digunapakai yang dikembangkan pada masa awal Islam iatu menjadikan Masjid sebagai tempat atau sarana belajar dan sebagai pusat lembaga pendidikan, tradisi ini terus diterapkan sehingga sekarang.

Mengikut kepada jadual kurikulum, pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Ulee Titi dipelajari pada tingkat atau kelas lima dan enam. Pada peringkat lima para pelajar mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* jilid satu dan dua, manakala pada peringkat enam para pelajar mempelajari jilid tiga dan empat. Pengajian tafsir ini dipelajari tiga kali dalam seminggu pada setiap peringkatnya. Diantara sebab diajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* pada peringkat ini adalah kerana pelajar telah mempunyai asas-asas pengetahuan yang lebih berbanding pelajar-pelajar yang duduk pada peringkat awal.²²⁷

Kelas-kelas pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dikendalikan oleh Teungku Hj. Athaillah Ishak al-Amiry dan para pembantunya yang telah di iktirafkan bagi membimbing para pelajar bawahan. Menurut Tgk. Maudi, kitab tafsir yang digunapakai dalam sistem pengajian dayah Ulee Titi ialah *Tafsīr al-Jalālayn* karya Ahmad al-Mālikī

²²⁶Athaillah Ishaq al-Amiry Pimpinan Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2013.

²²⁷Kurikulum Lembaga Pendidikan Yayasan Dayah Ulee Titi Aceh Besar.

atau yang lebih dikenal lagi dengan sebutan “*Hāshiyah al-Sāwī ala Tafsīr al-Jalālayn oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al- Khalwah al-Maliki*”.²²⁸

Dalam huraiananya, Beliau berpandangan bahawa dayah-dayah tradisional di Aceh masih sangat canggung dalam memahami teori atau nama yang digunakan zaman moden sekarang dalam metode pengajian, walau bagaimanapun secara ‘amnya dayah-dayah tradisional di Aceh dan khasnya dayah Ulee Titi dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan metode yang banyak dipraktikkan oleh para pendidik Islam lainnya, sehingga sistem pengajian tafsir di dayah Ulee Titi masih menerapkan sistem yang digunakan oleh ulama-ulama terdahulu dan menggunakan kaedah yang sama sebagaimana mempelajari kitab-kitab yang lain, iaitu dengan membentuk halaqah dimana para pelajar mengelilingi teungku. Dalam kaitannya dengan pengajian yang diadakan di luar daripada Aceh, seperti daerah Jawa dan sebagainya, metode pengajian seperti yang diterapkan oleh dayah Ulee Titi di kenal dengan sebutan badongan atau wetonan.

3.2.9 Metode Pengajian Tafsīr al-Jalālayn di Dayah Ulee Titi

Metode merupakan cara seorang teungku mahupun guru menyampaikan bahan-bahan pelajaran kepada para pelajarnya. Dalam sebuah lembaga pendidikan metode mempunyai pengaruh yang sangat besar. Penggunaan metode yang benar dalam pendidikan, maka akan menghasilkan kecemerlangan bagi lembaga tersebut. Oleh kerana itu lembaga pendidikan perlu kepada perencanaan yang sistematis dan tersusun untuk mencapai puncak kecemerlangan dalam bidang pendidikan. Dalam hal ini dayah Ulee Titi telah menerapkan metode pengajian yang boleh dimengerti dan mudah difahami oleh para pelajar, adapun metode yang digunakan dalam sistem pengajian dayah Ulee titi ialah:

²²⁸Athailah Ishaq al-Amiry (Pimpinan Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2013.

3.1.5.1 Halaqah (Badongan atau Wetonan)

Metode ini merupakan sistem pengajian secara gabungan ataupun kolektif, dimana di dalamnya terdapat seorang teungku yang membaca kitab, sementara para pelajar mendengar serta memperhatikan bacaan teungku tersebut. Biasanya, teungku duduk bersandar pada tiang bahagian depan, manakala para pelajar, duduk mengelilingi teungku dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan untuk mendengar kuliahnya.

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang diajarkan kepada para pelajarnya mengikut kepada jadual yang telah ditentukan oleh bahagian kurikulum dayah Ulee Titi. Manakala pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* umum di Dayah Ulee Titi diadakan sebanyak empat kali sebulan, iaitu setiap hari isnin malam selepas solat maghrib, ianya berpusat di balai pengajian khusus, iaitu tempat Abu Athaillah memberikan pengajiannya. Manakala yang dimaksudkan dengan pengajian umum ialah kuliah terbuka kepada orang ramai, selain daripada pelajar tempatan atau penghuni dayah, pengajian ini juga diikuti oleh orang-orang luar yang bukan penghuni dayah yang lazimnya terdiri daripada penduduk sekitar.²²⁹

Pada kebiasannya pengajian tafsir ini mengambil masa lebih daripada satu jam. Balai pengajian yang biasanya digunakan untuk mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* pada malam itu bersesak-sesak bahkan sebahagian daripada mereka sama ada pelajar dan pelawat terpaksa menduduki bahagian luar daripada balai pengajian. Hal ini menandakan kesungguhan masyarakat mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* yang di sampaikan langsung oleh pimpinan dayah, iaitu Tgk. Hj. Athaillah Ishak al-Amiry.²³⁰

²²⁹*Ibid.*

²³⁰Hasil observasi penulis, (Pengajian *Tafsir al-Jalalayn*, Dayah Ulee Titi), Senin malam, 26 ogos 2013.

3.1.5.2 Metode *Geusurah* (Syarahan)

Metode ini masih berhubung kait dengan metode halaqah. Syarahan merupakan suatu aktiviti yang melibatkan seorang teungku lebih aktif berbicara dalam halaqah pengajian. Metode ini di kalangan Dayah Ulee Titi dikenal dengan istilah surah, iaitu pengajian yang disampaikan oleh seorang teungku secara kelompok atau halaqah, dimana para pelajar duduk mengelilingi teungku bagi mendengarkan bacaan matan tafsir yang mengikut kepada kaedah nahu dan sarf.

Kaedah yang digunapakai teungku dalam pembelajaran *Tafsīr al-Jalālayn* ialah mendahuluinya dengan membaca ayat-ayat yang dikaji daripada awal sehingga akhir. Selepas itu beliau memberikan terjemahan secara *harfiah* disertai dengan penjelasan, sama ada pemahaman terhadap tafsir ayat mahupun kaedah nahu dan *sarf*.²³¹ Setelah teungku menjelaskan (*geusurah*) pelajaran yang telah disampaikan pada pertemuan pertama, dalam pertemuan seterusnya guru meminta beberapa pelajar untuk mengulang kembali penjelasan pelajaran yang telah disampaikan pada pertemuan sebelumnya. Hal ini dilakukan bagi mengetahui kemampuan para pelajarnya dalam memahami dan menguasai subjek, dan apabila masih ada pelajar yang belum faham maka pelajaran tersebut akan kembali di ulang sehingga para pelajar dapat memahami dengan benar.

3.1.5.3 Metode Dialog, Soal Jawab dan Perbincangan

Metode dialog adalah metode yang berdasarkan kepada perbincangan melalui soalan-soalan yang muncul pada saat proses pengajian berlangsung. Soalan-soalan ini akan menghasilkan kepada jawapan dan informasi yang sesuai dengan fakta dan realiti.

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang dipimpin oleh Tgk Athaillah dibaca beberapa kali dengan tujuan para pelajar dapat memahami setiap kalimat yang terdapat dalam kitab. Para pelajar dibolehkan untuk bertanya secara lebih mendalam apabila ditemui

²³¹*Ibid.*

masalah yang belum di pahami sama ada berkaitan dengan makna kata, kandungan ayat, pemahaman, serta nahu dan *sarf*.²³² Pada biasanya dialog ataupun perbincangan ini tidak mengambil masa yang lama, setelah perbincangan selesai, maka teungku kembali mengulang kandungan ayat sebelumnya, kemudian melanjutkan membaca kandungan ayat selanjutnya.

Selain itu, metode yang digunakan pada pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* adalah membincangkan maksud ayat-ayat yang telah dibaca oleh setiap pelajar secara dialog. Para pelajar diberikan kebebasan bertanya dan memberikan syarahan terpisah menurut kefahaman mereka terhadap apapun yang terkandung dalam teks. Pada proses ini, tidak jarang terjadi perbezaan pandangan antara pelajar dan teungku. Perbezaan ini tidak menyebabkan perselisihan antara satu dengan yang lainnya, justeru perbezaan yang terjadi boleh menambah khazanah mengenai maksud yang dibincangkan.

3.1.5.4 Metode Sorogan

Sorogan bermakna menyorongkan kitabnya kepada teungku. Sistem sorongan ini tergolong sistem belajar secara individu. Pembelajaran seperti ini melibatkan terjadinya interaksi antara pelajar dan teungku. Metode seperti ini juga diterapkan pada pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah Ulee Titi yang mana seorang pelajar mengunjungi teungku dengan membawa kitab yang telah dipersiapkan bagi mendalami dan mengulangi kajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang telah dipelajari di bilik-bilik pengajian.

Metode ini memberikan kesempatan bagi setiap pelajar untuk belajar secara langsung daripada teungku. Dengan yang demikian tuan guru boleh mengenali kemampuan para pelajar secara mendalam serta membimbingnya mendalami subjek berkenaan.

²³²Hasil observasi Penulis, (Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn*, Dayah Ulee Titi), Senin Malam, 26 Ogos 2013.

Pengajian dengan menggunakan metode sorogan ini dikhususkan kepada para pelajar yang telah mampu menguasai subjek sebelumnya dengan baik. Setelah menguasai subjek dengan baik, para pelajar dibolehkan melanjutkan pembahasan berikutnya. Pembelajaran seperti ini diharapkan para pelajar boleh menguasai subjek secara mendalam. Adapun soalan-soalan yang dibincangkan dalam sistem pembelajaran ini adalah:

1. Mendalami ilmu nahwu dan *sarf*, atau yang lebih dikenal dengan ilmu alat.
2. Mengetahui terjemahan dan memahami kandungan ayat-ayat secara benar.
3. Berupaya memberikan syarahan dan menghuraikan makna tersembunyi daripada matan.

3.3. DAYAH RAUDHAH AL-THALIBAH

3.3.1 Sejarah Penubuhan Dayah Raudhah al-Thalibah

Raudhah al-Thalibah merupakan salah satu dayah perempuan yang di asaskan oleh Allahyarham Ishak al-Amiry. Lokasi dayah ini tidak berjauhan dengan dayah Ulee Titi, dayah ini dikelilingi oleh perumahan dan sawah warga di kampung Siron. Dayah yang ditubuhkan pada tahun 1990 ini terletak di Jalan Bandara Internasional Sultan Iskandar Muda kampung Siron lamgarot, dalam jajahan Ingin Jaya Kabupaten Aceh Besar.

Pada mulanya, Dayah Raudhah al-Thalibah merupakan bahagian daripada dayah Ulee Titi. Namun seiring dengan perkembangan masa dayah ini menjadi bahagian tersendiri, hal ini disebabkan minat yang besar daripada pelajar perempuan untuk mendalami ilmu agama di dayah ini. Oleh yang demikian Teungku Ishak al-Amiry sebagai pengasas utama mendirikan dayah khusus bagi pelajar perempuan. Walau pun ianya merupakan bahagian daripada dayah Ulee Titi, akan tetapi dayah ini mempunyai lembaga atau pun institusi yang terpisah dengan Dayah Ulee Titi.

Dayah yang ditubuhkan pada tanggal 25 Jun 1990 M atau bertepatan dengan 20 Zulhijjah 1410 H dipimpin oleh Waled²³³, nama sebenar beliau adalah Teungku Ibrahim Usman. Raudhah al-Thalibah merupakan salah satu dayah yang berkembang dalam jajahan Aceh Besar. Keputusan Bupati Aceh Besar yang telah disahkan oleh Zulkifli Ahmad²³⁴ tentang penetapan type dayah / pesantren dalam kabupaten Aceh Besar telah mengiktirafkan Dayah Raudhah al-Thalibah sebagai salah satu dayah tradisional yang diberikan penilaian berperingkat A.²³⁵ Menurut Ir. Rusmiady²³⁶, Dayah Raudhah al-Thalibah merupakan salah satu diantara dayah-dayah tradisional di Aceh Besar yang memperoleh pengiktirafan (A) daripada balai pengajian pada Badan Pembinaan Pendidikan Dayah dalam provinsi Aceh tahun 2012.²³⁷

Proses ditubuhkan Dayah Raudhah al-Thalibah ini melalui permusyawaratan yang diadakan oleh Tgk. Ishak bersama para lulusan Dayah Ulee Titi serta masyarakat sekitar. Musyawarat ini melahirkan kesepakatan untuk mendirikan satu lembaga pendidikan Islam khusus bagi perempuan. Natijah lain daripada musyawarat ini juga melahirkan nama institusi pengajian ini dengan sebutan Lembaga Pendidikan Islam Dayah Raudhah al-Thalibah.

Secara keseluruhan dayah ini memiliki tapak seluas lebih kurang lima ekar. Di dalamnya tampak beberapa asas sebagai penyokong kegiatan dan proses pembelajaran. Adapun asas yang dimiliki dayah ini antara lain: bilik pentadbiran, bilik informasi, bilik perpustakaan, bilik perubatan, bilik kemahiran, surau, bilik pimpinan, 10 balai pengajian, enam bilik belajar, 14 bilik tenaga pengajar. Pada tahun 2004 selepas

²³³Waled Merupakan Panggilan Bagi Pimpinan Dayah Raudhath al-Thalibah

²³⁴Beliau adalah Penanggung Jawab Sementara Bupati Aceh Besar tahun 2012.

²³⁵No: 195/ 2012: Surat Keputusan Bupati Aceh Besar Tentang Penetapan Type Dayah/Pesantren Dalam Kabupaten Aceh Besar tahun anggaran 2012, 24 April 2012 Bersesuaian 2 Jumadi al-Akhir 1433 H.

²³⁶Beliau Adalah Ketua Badan Pembinaan Pendidikan Dayah Aceh

²³⁷BPBD adalah satu institui yang mengurus dayah-dayah di Provinsi Aceh sama ada dayah salafiyah, terpadu mahupun moden. institusi ini ditubuhkan pada tahun 2008, berdasarkan kepada undang-undang pemerintahan aceh (uupa), no 11 tahun 2006, qanun no. 5 tahun 2007 tentang susunan organisasi dan tatakerja dinas, lembaga teknis daerah dan lembaga daerah provinsi naggroe aceh darussalam, serta qanun no.5 tahun 2008 tentang penyelenggaraan pendidikan aceh.

tsunami Dayah Raudhah al-Thalibah mendapatkan bantuan daripada Turki berupa beberapa bilik belajar, asrama bagi perempuan, serta beberapa unit bilik teungku²³⁸.

3.3.2 Tujuan Penubuhan Dayah Raudhah al-Thalibah

Visi dan misi suatu lembaga pendidikan Islam adalah melahirkan ulama-ulama yang berguna bagi agama dan negara serta memahami kitab-kitab Islam warisan ulama. Dayah Raudhah al-Thalibah yang terdiri daripada pelajar perempuan sahaja mempunyai visi dan misi yang sama dengan institusi-institusi Islam lainnya, diantara program atau pun rancangan utama ditubuhkannya dayah Raudhah al-Thalibah ini adalah melahirkan ulama-ulama perempuan yang cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu agama guna menyebarkan dakwah Islam dan menjadikan mereka faham terhadap hukum-hukum Allah.²³⁹

3.3.3 Kepemimpinan Dayah Raudhah al-Thalibah

Berdasarkan kepada proses ditubuhkan Dayah Raudhah al-Thalibah, dayah yang mulanya dicetuskan oleh Allahyarham Tgk. Ishak al-Amiry pada tahun 1990 M dipimpin oleh Tgk. Ibrahim Usman (Waled). Beliau lahir pada tanggal 12 Disember 1963 di kampung Empee Tanong, salah satu perkampungan jajahan Montasik Kabupaten Aceh Besar.

Waled telah banyak mempelajari ilmu-ilmu agama daripada sekolah-sekolah formal kerajaan. Pada umurnya yang enam tahun beliau mempelajari ilmu agama pada sekolah rendah di Pantee Karueng Montasik, setelah menamatkan belajar di sekolah rendah beliau melanjutkan pendidikannya pada sekolah MTsN²⁴⁰ di Montasik. Setelah

²³⁸Tgk. Ibrahim Usman (Pimpinan Dayah Raudhatu al-Thalibah), dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013

²³⁹*Ibid.*

²⁴⁰MTsN ialah Madrasah Thanawiyah Negeri.

tiga tahun menuntut ilmu agama di MTsN, Waled melanjutkan pendidikannya di sekolah Menengah Aliyah di Montasik.

Pendidikan Tgk. Ibrahim Usman tidak berhenti pada tingkatan itu sahaja, guna mempelajari ilmu agama lagi beliau melanjutkan pendidikannya pada tingkatan yang lebih tinggi, iaitu IAIN ar-Raniry Darussalam Banda Aceh. Merasa tidak cukup dalam mempelajari ilmu agamanya sama ada di sekolah-sekolah formal mahupun di Universiti IAIN, beliau mendalami ilmu agamanya pada salah satu lembaga pendidikan Islam yang popular pada Yayasan Dayah Ulee Titi di kabupaten Aceh Besar. Pada dayah ini beliau banyak mempelajari ilmu-ilmu agama serta mendalami pelbagai macam kitab-kitab kuning, sehingga pada akhirnya beliau dipercayai oleh Abu Athaillah untuk memimpin Dayah Raudhah al-Thalibah sehingga sekarang.²⁴¹

3.3.4 Struktur Organisasi Dayah Raudhah al-Thalibah

Pentadbiran sebuah institusi pendidikan tidak pernah terlepas daripada cabaran dan tantangan, sebagaimana yang dihadapi lembaga pendidikan tradisional Dayah Raudhah al-Thalibah. Menurut Tgk. Nelly Roswita, Dayah Raudhah al-Thalibah pada pertengahan pentdabirannya mengalami kemunduran dari sudut pengiktirafan dayah daripada A menjadi B. Namun, seiring dengan berjalannya masa, dayah ini mampu memperoleh puncak kejayaannya kembali. Hal ini ditandai dengan pengiktirafan Dayah Raudah al-Thalibah sebagai salah satu lembaga pendidikan Islam perempuan yang memiliki standard akreditasi A di Kabupaten Aceh Besar. Kemajuan yang dicapai oleh lembaga pendidikan Islam Dayah Raudhah al-Thalibah ini dikeranakan pentadbiran baik oleh individu-individu dalam struktur organisasi dayah ini.²⁴²

²⁴¹Ibrahim Usman (Pimpinan Dayah Raudhatu al-Thalibah), dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013.

²⁴²Nelly Roswita, Beliau adalah (Timbalan Ketua Dayah Raudhah al-Thalibah), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

Bagi mempertahankan kecemerlangan lembaga pendidikan tradisional ini, dalam hal ini Dayah Raudhah al-Thalibah telah menubuhkan struktur organisasi bahagi membantu mengurus sukatan pelajaran dayah serta hal-hal yang berkaitan dengan aspek dayah seperti kedudukan tenaga pengajar dan kakitangan, kemudahan asas pondok seperti asrama bagi pelajar.

3.3.5 Tenaga Pengajar

Berdasarkan kepada susunan tenaga pengajar di dayah Raudhah al-Thalibah, proses pembelajarannya dilakukan di pelbagai bilik-bilik, sama ada di balai-balai pengajian, di surau-surau, dewan mahupun di bilik-bilik teungku.²⁴³ Manakala waktu pengajiannya mengikut kepada jadual sembahyang lima waktu, bermula daripada selepas salat subuh, sehingga selepas solat Isyak.²⁴⁴

Teungku ataupun guru yang mengajar di Dayah Raudhah al-Thalibah, sebahagiannya adalah teungku laki-laki yang mengajar di Dayah Ulee Titi, manakala sebahagian lainnya, mereka adalah teungku-teungku perempuan keluaran daripada dayah Raudhah al-Thalibah dan dayah-dayah tradisional lainnya di Aceh. Secara kualiti, kemahiran para tengku di dayah ini di dalam mengajar diyakini mampu memberikan keilmuan yang mendalam bagi para pelajarnya, dikeranakan tenaga pengajar yang jumlahnya mencapai 70 orang ini menerapkan sistem dan metode yang digunapakai oleh Teungku Chik dalam proses pembelajarannya.

²⁴³Susunan Guru/Pengajar Lembaga Pendidikan Islam Yayasan Dayah Raudhah al-Thalibah Gampong Siron Lamgarot Kec. Ingin Jaya Aceh Besar, Tahun Ajaran 2013 M/ 1434 H

²⁴⁴Ibrahim Usman, (Mudir dayah Raudhah al-Thalibah, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

Teungku Fauziah sebagai salah seorang tenaga pengajar yang mengajarkan *Tafsir al-Jalālayn* kepada para pelajarnya mempunyai kemahiran dalam mengajarkan tafsir ini. Meskipun keahlian beliau bukan dalam bidang tafsir namun kemampuan teungku Fauziah dalam mengajarkan tafsir ini sangat ramai diminati oleh pelajarnya.²⁴⁵

Dari kajian ini penulis menyimpulkan bahawa secara umumnya majoriti dayah-dayah tradisional di Aceh dalam sistem pengajiannya lebih cenderung kepada subjek fiqh berbanding subjek tafsir, hal ini menyebabkan tenaga-tenaga pengajar di dayah-dayah tradisional di Aceh tidak memiliki teungku-teungku yang ahli dalam bidang tafsir, sehingga para teungku yang mampu menguasai subjek dalam bidang ilmu nahu dan *sarf* diberikan pengiktirafan oleh Abu bagi mengajarkan pelbagai disiplin ilmu agama kepada para pelajarnya.

3.3.6 Pelajar

Dayah Raudhah al-Thalibah merupakan dayah khusus bahagi pelajar perempuan sahaja. Para pelajar di dayah ini dikelompokan sebagai salah satu dayah di Aceh yang memiliki jumlah pelajar terbanyak. Dalam hal ini, penulis berkeyakinan bahawa Dayah Raudhah al-Thalibah memiliki jumlah pelajar perempuan paling banyak di Aceh Besar berbanding dengan dayah-dayah tradisional perempuan lainnya. Salah satu faktor ramainya minat para pelajar perempuan belajar di dayah ini kerana karismatik seorang Teungku Ishak al-Amiry sebagai pendiri utama Dayah Raudhah al-Thalibah dan keilmuan mendalam yang dimilikinya. Sehingga sekarang jumlah pelajar dayah ini mencapai 880 orang.²⁴⁶

²⁴⁵Sumayya (Pelajar Dayah Raudah al-Talibah, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013. Teungku Fauziah merupakan salah satu alumni Dayah Ruhul Fata Seulimum Aceh Besar, keahlian beliau adalah dalam mengajarkan ilmu bidang Fiqh.

²⁴⁶Berdasarkan Kepada Amatan Penulis Terhadap Dayah-Dayah Tradisional Perempuan di Aceh Besar.

Pada umumnya lembaga pendidikan ini membuka peluang kepada semua pelajar yang berminat untuk meneruskan pengajian di Dayah Raudhah al-Thalibah, sama ada daripada pelbagai wilayah Nanggroe Aceh Darussalam mahupun dari luar Aceh. Walaupun demikian majoriti pelajar di dayah Raudhah al-Thalibah ini berasal daripada wilayah sekeliling Aceh Besar.

Dari sudut yuran pengajian, dayah tradisional di Aceh mempunyai perbezaan dengan dayah moden. Lembaga ini tidak meminta bayaran kepada para pelajarnya. Setiap pelajar yang ingin memasuki ataupun mempelajari ilmu di Dayah Raudhah al-Thalibah dibebaskan daripada yuran masuk.²⁴⁷

3.3.7 Kurikulum

Sebagai sebuah institusi pendidikan tradisional yang mempunyai misi untuk melahirkan ulama yang mampu menghayati isi kandungan kitab-kitab *turath* dalam pelbagai ilmu pengetahuan, pihak pengurusan dayah Raudah al-Thalibah telah merangka satu kurikulum pengajian yang teratur. Begitu juga dengan dalam bidang pengajian tafsir. Pusat pengajian ini, membahagikan sistem pengajian tafsir kepada dua peringkat. Peringkat pertama, pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di pelajari pada kelas lima jilid satu dan dua. Manakala peringkat kedua, *Tafsīr al-Jalālayn* jilid tiga dan empat di pelajari pada kelas enam. Berdasarkan kurikulum yang telah dirangka secara teratur, lembaga pendidikan Islam ini hanya mempelajari satu kitab tafsir, iaitu *Tafsīr al-Jalālayn*. Manakala kitab-kitab tafsir yang lainnya tidak dipelajari.²⁴⁸ Penulis berpandangan pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan ciri khas dan identiti daripada dayah salafiyah yang telah diwariskan oleh ulama-ulama terdahulu. Hal ini berdasarkan kepada kurikulum yang ditetapkan oleh Dayah Raudhah al-Thalibah sebagaimana dalam jadual di bawah ini:

²⁴⁷Dewi Hasrati (Pegurus Jabatan Pendidikan Dayah Raudah al-Talibah), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

²⁴⁸Kurikulum Pengajian Dayah Raudhah al-Thalibah Aceh Besar.

Jadual 3.2. Kurikulum Dayah Raudhah al-Thalibah

KURIKULUM DAYAH RAUDHAH AL-THALIBAH							
N O	KELAS/ PERINGKAT						
	TAJHIZI (Persedian)	SATU	DUA	TIGA	EMPAT	LIMA	ENAM
1	Awāmil (Nahu)	Ajrumiah (Nahu)	Mukhtasar	Kawākib (Nahu)	Kawākib (Nahu)	Kawākib (Nahu)	Kawākib (Nahu)
2	Bidāyah (Tarikh)	Aqidah Islāmiah	Akhlaq Wasāyā	Daqāiq al- Akhbār	Daqāiq al- Akhbār	Nur al- Yakīn (Tarikh)	Nur al- Yakīn (Tarikh)
3	Dammun (Sarf)	Bidāyah (Tarikh)	Bajūri 1-2 (Fiqh)	I'ānah 1-2 (Fiqh)	I'ānah 3-4 (Fiqh)	Mahallī 1-2 (Fiqh)	Mahallī 3-4 (Fiqh)
4	Juz 'Amma	Khulāsah 1 (Tarikh)	Daqaiq al- Akhbār	Warakāt (Usul Fiqh)	Idāh al- Mubham (Mantiq)	Majālis Saniah (Hadith)	Majālis Saniah (Hadith)
5	Masāila (Fiqh)	Lughah (Nahu)	Kailāni (Sarf)	Kailāni (Sarf)	Khulāsah 3 (Tarikh)	Kifāyah al- 'Awam (Tauhid)	Kifāyah 'Awam (Tauhid)
6	Pelajaran Akhlaq	Matan Bina (Sarf)	Khamsatun (Bayan)	Tijan Darari	Majālis Saniah (Hadith)	Warakāt (Usul Fiqh)	Warakāt (Usul Fiqh)
7	Safinah al- Naja (Fiqh)	Matan Taqrib (Fiqh)	Khulāsah 2 (Tarikh)	Majmūk (Fiqh)	Majmūk (Fiqh)	Sirāj al- Tālibīn	Sirāj al- Tālibīn
8	Tajwid	Taisīr al- Akhlāk (Tasawuf)	Majmūk (Fiqh)	Akhlaq Wasāyā	Muraqi 'Ubudiah	Sals al- Madkhal (Sarf)	Sals al- Madkhal (Sarf)
9	Tanbīh (Tasawuf)	Tajwid	Uqd al- Lijain	Ta'lim	Sals al- Madkhal (Sarf)	Sirajuth 1	Sirajuth 2
10	Tasrif	Tanbīh (Tasawuf)		Khulāsah 3 (Tarikh)	Tijan al- Darari	Muraqi 'Ubudiah	Muraqi 'Ubudiah
11		Tasrif		Uqd al- Lijain	Warakāt (Usul Fiqh)	Tafsīr al- Jalālayn 1-2	Tafsīr al- Jalālayn 3-4
12		Yawakit				Idāh al- Mubham (Mantiq)	Idāh al- Mubham (Mantiq)

Sumber: Dayah Raudhatut Thalibah

3.3.8 Sistem Pengajian Tafsir al-Jalālayn di Dayah Raudhah al-Thalibah

Pengajian *Tafsir al-Jalālayn* di Dayah Raudhah al-Thalibah menggunakan sistem pengajian di dayah tradisional yang lainnya, iaitu rumah tengku, surau serta balai-balai pengajian dijadikan sebagai tempat pembelajaran. Sistem pembelajaran seperti ini sudah menjadi tradisi di dalam kalangan dayah-dayah tradisional, bahkan sehingga sekarang sistem ini masih digunapakai.

Mengikut kepada jadual kurikulum, pengajian *Tafsir al-Jalālayn* di Dayah Raudhah al-Thalibah mempunyai kesamaan dengan Dayah Ulee Titi, iaitu mempelajari *Tafsir al-Jalālayn* pada tingkat atau kelas lima dan enam, dimana tingkat ini merupakan tingkatan akhir bagi pelajar perempuan di Dayah Raudhah al-Thalibah. Hal ini berbeza dengan dayah Ulee Titi, dimana tingkatan lima dan enam bukanlah tingkatan terakhir. Pada peringkat lima para pelajar mempelajari *Tafsir al-Jalālayn* jilid satu dan dua, manakala pada peringkat enam para pelajar mempelajari jilid tiga dan empat. Pengajian tafsir ini dipelajari tiga kali dalam seminggu pada setiap peringkatnya.²⁴⁹

Kelas-kelas pengajian *Tafsir al-Jalālayn* di Dayah Raudhah al-Thalibah dikendalikan oleh Teungku Ibrahim Usman dan para senior-senior yang telah diiktirafkan bagi membimbing para pelajar bawahan sama ada teungku lelaki mahupun teungku perempuan. Adapun kitab tafsir yang digunapakai dalam sistem pengajian Dayah Raudhah al-Thalibah ialah menggunakan tafsir yang digunapakai oleh dayah-dayah tradisional lainnya, iaitu *Tafsir al-Jalālayn* karya Ahmad al-Maliki atau yang lebih dikenal lagi dengan sebutan “*Hāshiyah al-Sāwī ala Tafsir al-Jalālayn oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al-Khalwah al-Māliki*”.²⁵⁰

²⁴⁹Kurikulum Pengajian Dayah Raudhah al-Thalibah dan Dayah Ulee Titi Aceh Besar.

²⁵⁰Jamiah Binti Jalaluddin Bin Ishaq (Penasihat Dan Tenaga Pengajar di Dayah Raudhah al-Thalibah, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013.

3.3.9. Metode Pengajian Tafsīr al-Jalālayn di Dayah Raudhah al-Thalibah

Proses pembelajaran *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah Raudhah al-Thalibah mengikut kepada metode pembelajaran di Dayah Ulee Titi. Hal ini berdasarkan kepada kajian penulis dalam suatu pengajian yang dipimpin oleh Tgk. Fauziah di balai pengajiannya.²⁵¹ Akan tetapi, sistem pembelajaran *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Raudhah al-Thalibah agak sedikit berbeza dengan pembelajaran di dayah Ulee Titi. Pengajian tafsir yang diterapkan di Dayah Raudhah al-Thalibah hanya terbatas kepada pembelajaran, serta pemahaman terhadap kitab yang dipelajari tanpa mempelajari ilmu alat atau nahu dan *sarf*, manakala pengajian yang diterapkan di dayah Ulee Titi sangat menitikberatkan kepada ilmu nahu dan *sarf* disamping mempelajari dan mendalami *Tafsīr al-Jalālayn*. Hal ini bersesuaian sebagaimana yang dinyatakan oleh Tgk. Millata Amalia²⁵² dalam temubual dengan penulis di jabatan beliau.

Secara umumnya metode yang digunapakai dalam sistem pembelajaran dayah Raudhah al-Thalibah dapat dikelompokkan kedalam beberapa bahagian:

1. *Wetonan*, istilah ini berasal daripada Jawa iaitu: Metode Kuliah, dimana para murid duduk mengelilingi Teungku. Manakala para murid memperhatikan kitab masing – masing dan membuat kesimpulan daripada syarahan teungku.
2. *Paduan atau sorongan*, iaitu, setiap murid menyodorkan kitabnya dihadapan teungku. Pengajian menggunakan metode ini sangat efektif, kerana memungkinkan seorang teungku mengawasi, menilai dan membimbing secara maksimal kemampuan seorang murid serta mengetahui kesanggupan dan keupayaan pelajar dalam memahami kitab.
3. *Halaqah*, yang dimaksudkan dengan halaqah disini adalah sekumpulan murid yang belajar dibawah bimbingan seorang teungku atau belajar

²⁵¹Observasi penulis pada pengajian *Tafsir al-Jalalayn* di Dayah Raudhah al-Thalibah, 1 September 2013.

²⁵²Beliau ialah Sekretaris Lembaga Pendidikan Islam Dayah Raudah al-Thalibah.

bersama dalam suatu tempat bagi membincangkan pemahaman terhadap suatu masalah.

4. *Hafalan*, secara umumnya metode hafalan adalah metode untuk menghafal kitab-kitab tertentu. Sebagai sebuah metodologi, hafalan pada umumnya diterapkan pada mata pelajaran yang bersifat *Nadham* (syair).

Selain daripada metode di atas, dayah Raudhah al-Thalibah juga menggunakan metode pembelajaran seperti, dialog, ceramah, dan soal jawab, *bahth al-masa'il* (muzakarah), *fathul kutub* atau latihan membaca kitab-kitab klasik sesuai dengan kaedah-kaedah nahu dan *sarf*. Diantara beberapa metode yang digunakan dayah Raudhah al-Thalibah dalam sistem pengajian *Tafsir al-Jalālayn* adalah metode wetonan atau metode geusurah (istilah Aceh), metode sorongan atau paduan, metode halaqah serta metode dialog dan soal jawab. Manakala pengajian dengan menggunakan metode hafalan, ceramah, *bahth al-masa'il*, *fath al- kutub* dilakukan secara khas pada masa-masa tertentu.²⁵³

3.4 DAYAH THALIBUL HUDA

3.4.1 Sejarah Penubuhan Dayah Thalibul Huda

Dayah-dayah tradisional merupakan institusi yang telah berakar umbi dalam keagamaan masyarakat Aceh. Gelombang tsunami pada tahun 2004 telah merosakkan sebahagian lembaga pendidikan Islam di Aceh. Namun, semangat teungku-teungku dalam mengajarkan ilmu agama telah melahirkan institusi-institusi baru bagi menyebarkan ilmu pengetahuan, mengembangkan dakwah Islamiyah yang mengajak kepada amar ma'ruf nahi mungkar serta mencetak ulama-ulama yang mampu menghayati kandungan kitab-kitab klasik.²⁵⁴

²⁵³Millata Amalia (Sekretaris Lembaga Pendidikan Islam Dayah Raudhah al-Thalibah), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

²⁵⁴Hasbi al-Bayuni (Pimpinan Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

Pada peringkat awalnya dayah ini merupakan pejabat daripada organisasi Himpunan Ulama Dayah Aceh, organisasi ini dalam dalam masyarakat Aceh dikenali dengan sebutan HUDA. Lembaga pendidikan Islam (LPI) dayah Thalibul Huda ditubuhkan pada hari minggu tarikh 26 Desember 2004, bertepatan dengan peristiwa dahsyat dalam sejarah masyarakat Aceh, iaitu tragedi gempa dan tsunami. Musibah gempa bumi dan tsunami telah menewaskan ratusan ribu jiwa masyarakat Aceh, menghancurkan pelbagai sudut-sudut kehidupan, meluluhkan seluruh bangunan yang ada, institusi-institusi pendidikan menjadi runtuh, khususnya pusat-pusat pengajian Islam.²⁵⁵

Ekoran daripada peristiwa tersebut, sebahagian lembaga pendidikan Islam tradisional di Aceh Besar mengalami kehancuran yang sangat dahsyat, para pelajar yang tengah menuntut ilmu pengetahuan agama mengungsi ke lokasi-lokasi yang lebih aman, dan salah satu lokasi yang mereka kunjungi adalah kampung Bayu-Lamcot Kecamatan Darul Imarah Kabupaten Aceh Besar. Bermula dari ramainya para pelajar yang mengungsi di kampung ini, lahirlah satu kesepakatan daripada teungku-teungku dan para pelajar untuk menubuhkan lembaga pendidikan Islam atau dayah tradisional.²⁵⁶

Dayah yang ditubuhkan oleh Teungku Hasbi al-Bayuni ini telah diiktirafkan sebagai salah satu dayah tradisional di Aceh Besar yang digolongkan kedalam dayah yang mendapatkan penilaian berperingkat A. Pernyataan ini telah disahkan oleh Zulkifli Ahmad dalam sijilnya No: 013-Type /KPPD-Ab/2012.²⁵⁷

3.4.2 Tujuan Penubuhan Dayah Thalibul Huda

Bagi masyarakat Aceh, dayah merupakan pusat pengajian Islam yang telah berakar umbi. Dayah Thalibul Huda ditubuhkan bagi menerusi pengajian para pelajar yang rosak, hancur dikeranakan peristiwa tsunami yang melanda Nanggroe Aceh

²⁵⁵*Ibid.*

²⁵⁶*Ibid.*

²⁵⁷No: 013-Type /KPPD-Ab/2012 : Zulkifli Ahmad Kepada Tgk. Hasbi al-Bayuni 12 April 2012.

Darussalam. Dayah ini mempunyai visi, misi dan cogan dalam proses pembelajarannya.

Adapun visi, misi dan cogan dayah Thalibul Huda ialah:²⁵⁸

Visi lembaga pendidikan Islam dayah Thalibul Huda

- Membimbing serta menjadikan ummah yang sesuai dengan ajaran Islam melalui pendidikan dan kegiatan-kegiatan Islami bahagi mencapai Reda Allah.

Misi lembaga pendidikan Islam dayah Thalibul Huda

- Mencerdaskan kehidupan ummah
- Menyebarkan ilmu pengetahuan keislaman
- Mengembangkan dakwah Islamiyah yang menyeru kepada amar ma'ruf nahi mungkar
- Mengembangkan akitivi-aktiviti sosial kemasyarakatan dan kebudayaan yang Islami
- Melakukan kerjasama yang baik dan saling menguntungkan dengan lembaga lain.

Cogan lembaga pendidikan Islam dayah Thalibul Huda

المحافظة على القديم الصالح والأخذ بالجديد الأصح

Mengekalkan nilai-nilai lama yang relevan dan menerima pakai metode baru yang lebih relevan

3.4.3 Kepemimpinan Dayah Thalibul Huda

Dayah Thalibul Huda merupakan salah satu dayah tradisional di Aceh Besar yang digolongkan baru ditubuhkan, pada peringkat awalnya ditubuhkan dayah ini ekoran daripada mesyuarat para pelajar dan teungku pada tahun 2004. Sebagaimana

²⁵⁸Hasbi al-Bayuni (Pimpinan Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

hasil mesyuarat, dayah ini dipimpin oleh Teungku Hasbi al-Bayuni. Beliau dilahirkan di Bayu pada tarikh 20 Desember 1970. Semenjak ditubuhkan, Dayah ini terus mencapai kejayaan terutama dari sudut para pelajar.²⁵⁹ Hal ini menunjukkan bahawa Dayah Thalibul Huda digolongkan sebagai salah satu dayah yang digemari oleh pelajar untuk mempelajari pelbagai macam ilmu agama. Justeru dayah ini merupakan diantara dayah di Aceh Besar yang ramai dikunjungi oleh masyarakat bagi mempeloreh ilmu pengetahuan daripada teungku Hasbi al-Bayuni terutama pada pengajian yang tafsir yang diadakan seminggu sekali di surau pengajian Dayah Thalibul Huda.

Sebagai salah seorang ulama muda yang mengurus lembaga pendidikan Islam tradisional, beliau juga dipercayai untuk mengerusi pelbagai macam organisasi ternama di Aceh.²⁶⁰ Teungku Hasbi al-Bayuni merupakan keluaran daripada dayah-dayah tradisional di Aceh. Selama sembilan tahun beliau telah mendalami pelbagai macam disiplin ilmu agama dengan beberapa orang teungku terkenal di Aceh diantaranya ialah teungku Hj. Hasanul Basri atau yang lebih dikenal dengan gelaran Abu Mudi Mesra.²⁶¹ Selain itu beliau juga telah menghasilkan beberapa karya dalam bahasa Arab-Jawi dan karya yang telah diterjemahkan kedalam bahasa Aceh.²⁶²

3.4.4 Struktur Organisasi Dayah THALIBUL HUDA

Dayah Thalibul Huda dipimpin oleh Tgk. Hasbi al-Bayuni. Beliau merupakan bahagian terpenting dalam struktur dayah Thalibul Huda, selain jawatannya sebagai Teungku Chik, beliau juga sebagai ketua Rabithah Thaliban Aceh (RTA) yang

²⁵⁹*Ibid.*

²⁶⁰Teuku Zulkhairi (Pelajar Doktor IAIN ar-Raniry Banda Aceh, Ketua Riset Jabatan Rabithah Thaliban Aceh (RTA) dan Alumni Lembaga Pendidikan Dayah Tradisional), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2013.

²⁶¹Teungku Hj. Hasanul Basri: Beliau adalah Ketua Umum HUDA (Himpunan Ulama Dayah Aceh dan Pimpinan dayah tradisional Samalaga Kabupaten Bireun)

²⁶²Hasbi al-Bayuni (Pimpinan Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

merupakan salah satu organisasi terbesar di Aceh, anggota Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh perwakilan ulama dayah seluruh Aceh.²⁶³

Dayah Thalibul Huda telah melantik beberapa individu bagi mengurus segala pentadbiran di dalam menentukan polisi dan hala tuju dayah Thalibul Huda. Di samping itu juga, mengurus sukatan pelajaran dayah serta hal-hal yang berkaitan dengan aspek dayah seperti kedudukan tenaga pengajar dan kakitangan, kemudahan asas pondok seperti asrama bagi pelajar. Disamping itu juga organisasi dayah Thalibul Huda mempunyai kakitangan sokongan lain yang terdiri daripada pembantu bahagian hubungan kemasyarakatan, pembantu bahagian keamanan.

3.4.5 Tenaga Pengajar

Majoriti tenaga pengajar di dayah Thalibul Huda merupakan keluaran daripada dayah-dayah tradisional seluruh Aceh. Pada peringkat awalnya, Tgk. Hasbi al-Bayuni mengajukan permohonan kepada dayah-dayah tradisional untuk mengirinkan tenaga pengajar bagi membantu proses pembelajaran di dayah Thalibul Huda, natijahnya, sehingga sekarang dayah ini mempunyai 50 orang tenaga pengajar lelaki dan perempuan. Dayah ini juga mempunyai tenaga pengajar keluaran daripada timur tengah iaitu Mesir.²⁶⁴

Setiap tenaga pengajar mempunyai kewajiban terhadap para pelajarnya bagi mengajarkan pelbagai disiplin ilmu agama. Pengajian *Tafsir al-Jalālayn* di Dayah Thalibul Huda dikendalikan oleh beberapa teungku seperti: Waled Rusli, Abon Azmanuddin, Abi Yusnardi, Abah M. Yahya, Tgk. Syeikh Almunadi, dan Tu.H.M. Jalaluddin. Teungku Jalaludin merupakan alumni daripada salah satu dayah tradisional

²⁶³Teuku Zulkhairi (Pelajar Doktor IAIN ar-Raniry Banda Aceh, Ketua Riset Jabatan Rabithah Thaliban Aceh (RTA) dan Alumni Lembaga Pendidikan Dayah Tradisional), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2013.

²⁶⁴Muhammad Jalaluddin, Lc. (BIMPEN: Bimbingan Pendidikan dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

di Aceh dan Universiti al-Azhar Mesir,²⁶⁵ kemahirannya dalam mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* sangat diminati oleh para pelajarnya dikeranakan beliau banyak menguasai pelbagai disiplin ilmu agama dan mampu memberikan kefahaman bagi para pelajarnya dengan mendalam.²⁶⁶

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* juga diajarkan bagi khalayak ramai, pengajian ini dikendalikan oleh pimpinan dayah. Walaupun keahlian beliau dalam bidang ilmu tauhid akan tetapi masyarakat yang datang mengikuti pengajian ini memberikan perhatian penuh kepada syarahan beliau. Abi (Teungku Hasbi al-Bayuni) telah menghasilkan beberapa karya, adapun karya yang telah dihasilkan oleh beliau ialah:²⁶⁷

Jadual 3.3. Karya Teungku Hasbi al-Bayuni

No	Kitab/ Karya Yang Dihasilkan	Bahasa
1	Kitab Tauhid Terjemahan ‘Akidah al-‘Awam	Bahasa Aceh
2	Kitab Pelajaran Sholat	Bahasa Aceh
3	Kitab Pelajaran Tauhid	Bahasa Aceh
4	Syarah Matan Safīnah al-Najā	Arab Jawi
5	al-Akhlāk al-Mardiyah fi Wasāya Asātiz litalāmizihi	Arab Jawi
6	Aturan Ibadah Malam Nisf al-Sya’ban	Arab Jawi

Sumber: Teungku Hasbi al-Bayuni

²⁶⁵*Ibid.*

²⁶⁶Zainuddin (Pelajar Dayah Talibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 7 September 2013.

²⁶⁷Hasbi al-Bayuni (Pimpinan Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013. Dalam hasil karya yang telah dihasilkan oleh beliau.

3.4.6 Pelajar

Dayah Thalibul Huda adalah merupakan salah satu dayah yang ramai di kunjungi oleh masyarakat sekeliling dan diminati oleh para pelajar. Meskipun usianya yang baru, akan tetapi para pelajar yang menuntut ilmu di dayah ini sama ada pelajar yang mukim (menetap tinggal di pondok) atau tidak menetap mencapai 804 orang.²⁶⁸

Berdasarkan kepada kajian yang penulis lakukan, Dayah Thalibul Huda selalu di kunjungi oleh masyarakat sekeliling sama ada lelaki, perempuan, orang tua mahupun kanak-kanak bagi mempelajari ilmu-ilmu agama.²⁶⁹

Pusat-pusat pengajian Islam tradisional di Aceh memberi peluang kepada setiap pelajar yang menaruh minat belajar agama di lembaga tersebut tanpa meminta yuran sama ada yuran masuk pengajian bulanan mahupun tahunan. Sistem pengajian seperti ini merupakan kelaziman di dayah-dayah tradisional di Aceh. Hanya sahaja terdapat perbezaan-perbezaan dari sudut yang lainnya, seperti Dayah Thalibul Huda yang meminta bayaran bulanan Rp. 200.000 (*dua ratus ribu rupiah*)²⁷⁰ kepada setiap pelajar bagi bayaran makan. Hal ini dilakukan untuk memudahkan dan mengatur makan para pelajar secara teratur. Manakala sebahagian dayah tradisional lainnya memberi kebebasan bagi individu-individu untuk keperluan makan sehari-hari.

3.4.7 Kurikulum

Berdasarkan kurikulum yang telah dirangka oleh lembaga pendidikan Islam Dayah Talibul Huda, pengajian *Tafsir al-Jalalayn* mengikut kepada masa solat lima waktu, sebagaimana dalam jadual dibawah ini:²⁷¹

²⁶⁸Yusri (Teungku Dayah Talibul Huda dan Pegawai di Jabatan pendataran pelajar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

²⁶⁹Berdasarkan kepada Observasi Penulis di Dayah Talibul Huda, Aceh Besar, Sabtu, 7 September 2013.

²⁷⁰Rp.200.000 sama dengan RM.65

²⁷¹Kurikulum Lembaga Pendidikan Islam Dayah Talibul Huda.

Jadual 3.4 Kurikulum Dayah Thalibul Huda

**PEMBAHAGIAN KITAB KURIKULUM DAYAH THALIBUL HUDA TAHUN
AJARAN 2012 / 2013**

KELAS	MASA PENGAJIAN				
	MAGHRIB	ISYA	SUBUH	DHUHA	DHUHUR
SATU	1. Safīna al-Naja (Fiqh) 2. Hidāyah al-Mustafīd (Tajwid) 3. Matan Sanūsī	1. Ajrumiyah (Nahu) 2. Matan Bina (Sarf) 3. 'Awāmil (Nahu)	1. al-Quran 2. Dammun (Sarf) 3. Pelajaran Solat	1. Akhlak 2. Matan Arba'in (Hadith) 3. Khulāsah I (Tarikh)	1. Matan Taqrīb (Fiqh) 2. Tuhfah al-Atfāl 3. Nahju al-Salāmah
DUA	1. Fath al-Qarīb I (Fiqh) 2. Kawākib I (Nahu)	1. Minha al-Mugīth (Mustalah al-Hadith) 2. Khulāshah II (Tarikh) 3. Abi Jamrah	1. al-Quran 2. Siraj al-Qāri 3. Kailāni (Sarf)	1. Tijan al-Darari 2. Ta'lim al-Muta'allim 3. Kawākib I (Nahu)	1. Fath al-Qarīb II (Fiqh) 2. Ta'lim al-Muta'allim
TIGA	1. I'ānah al-Tālibin I (Fiqh) 2. Azhari 3. Waraqāt (Usul Fiqh)	1. Matn al-Sulām Munawwaraq 2. Qawāid al-I'lal	1. al - Quran 2. Taqrīr al-Sunniyah 3. Kifāyah al-'Awām (Tauhid)	1. I'ānah al-Tālibin II (Fiqh) 2. Khulāsah II (Tarikh)	1. Riyād al-Sālihīn (Hadith) 2. Siraj al-Tālibīn
EMPAT	1. I'ānah al-Tālibin III (Fiqh) 2. Latāif al-Isyarah (Fiqh) 3. Riyād al-Sālihīn (Hadith)	1. Ahmad Sāwī (Bayan) 2. Idāh al-Mubham (Mantiq) 3. Hudhudi (Tauhid) 4. Nur al-Yakīn (Tarikh)	1. al -Quran 2. Siraj al-Qāri 3. Matan Alfīyah (Nahu)	1. I'ānah Tālibin IV (Fiqh) 2. Tafsīr al-Jalālayn I 3. Siraj al-Tālibin	1. Tafsīr al-Jalālayn II 2. Syarah Baikūnī (Mustalah al-Hadith) 3. Sals al-Madkhal (Sarf)
LIMA	1. al-Mahallī I (Fiqh) 2. Jauhar Maknun (Bayan) 3. Tafsīr al-Jalālayn IV	1. Sabban Malwi (Mantiq) 2. Latāif al-Isyarah (Usul Fiqh) 3. Syarah Baiqūnī (Mustalah al-Hadith)	1. Syarah Ibnu 'Aqīl (Nahu) 2. Siraj al-Tālibin II 3. Nur al-Yakīn (Tarikh)	1. al-Mahallī II (Fiqh) 2. Asybāh Wa al-Nadāir 3. Tafsīr al-Jalālayn III	1. Hudhudi (Tauhid) 2. al-Matlub (Sarf) 3. Riyād al-Sālihīn (Hadith)

Sumber: Dayah Thalibul Huda

3.4.8 Sistem Pengajian Tafsīr al-Jalālayn di Dayah Thalibul Huda

Sistem pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah tradisional mengikut kepada kurikulum yang telah disusun secara rapi oleh jabatan pengajaran. Hal ini dilakukan bagi memudahkan para teungku dalam mengajarkan subjek terbabit. Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Thalibul Huda dipelajari pada tingkatan empat dan lima. Pembelajaran tafsir ini berpedomankan kepada waktu solat sama ada solat wajib mahupun solat sunah. Berdasarkan kepada kajian yang telah penulis lakukan, pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dibahagikan kepada dua tingkatan. Tingkatan pertama dipelajari pada waktu solat duha dan zuhur, manakala tingkatan kedua mengikut kepada waktu solat duha dan maghrib. Para pelajar pada tingkatan pertama mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* jilid satu dan dua, sedangkan para pelajar pada tingkatan kedua mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* jilid tiga dan empat.²⁷² Menurut pandangan Tgk. Muhammad Jalaluddin,²⁷³ antara faktor di ajarkannya *Tafsīr al-Jalālayn* pada peringkat ini, kerana memandang kepada kelayakan serta kesanggupan para pelajar dalam memahami kitab ini. beliau juga berpandangan kitab *Tafsīr al-Jalālayn* diajarkan beriringan dengan kitab *mahalli*. Adapun kitab tafsir yang digunapakai dalam sistem pengajian dayah Thalibul Huda ialah *Tafsīr al-Jalālayn* karya Ahmad al-Maliki atau yang lebih dikenal lagi dengan sebutan “*Hāshiyah al-Sāwī ala Tafsīr al-Jalālayn oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al-Khalwah al-Māliki*”.²⁷⁴

²⁷²Kurikulum Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar.

²⁷³Tgk. Muhammad Jalaluddin, Lc. (BIMPEN: Bimbingan Pendidikan dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

²⁷⁴*Ibid.*

3.4.9 Metode Pengajian Tafsīr al-Jalālayn di Dayah Thalibul Huda

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Thalibul Huda menggunakan metode pembelajaran yang digunakan oleh ulama-ulama terdahulu. Menurut pandangan Muhammad Jalaluddin²⁷⁵, metode pembelajaran ulama-ulama yang digunakan oleh ulama-ulama terdahulu lebih efektif bagi memberikan kefahaman para pelajar berbanding dengan metode yang digunakan sekolah moden. Adapun metode yang digunakan oleh dayah Thalibul Huda dalam pembelajaran secara umumnya ialah:

- Metode halaqah
- Metode geusurah (syarahan)
- Metode dialog, soal jawab perbincangan
- Metode sorongan

3.4.9.1 Halaqah

Metode halaqah ialah metode pembelajaran yang dilakukan oleh teungku di hadapan para pelajarnya secara bersama di balai pengajian atau di surau. Halaqah pada umumnya seorang teungku duduk di bahagian depan manakala para pelajar mendengarkan dan mencatat apa yang dibaca dan dijelaskan oleh para teungku.

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Dayah Thalibul Huda dengan menggunakan metode halaqah dibahagi kepada dua bahagian. Pertama pengajian halaqah yang dibuka untuk umum, manakala bahagian kedua pengajian khusus bagi para pelajar. Adapun yang dimaksud dengan pengajian umum ialah pengajian yang dihadiri oleh masyarakat sekeliling kampung dan kampung lainnya. Metode yang digunakan dalam pengajian yang dihadiri oleh masyarakat umum ialah dengan menterjemahkan naskhah Arab kedalam bahasa yang mudah dimengerti oleh pendengar tanpa membaca matannya.²⁷⁶ Manakala pengajian yang dikhususkan kepada para pelajar, dimulai daripada membaca

²⁷⁵ Beliau adalah Tenaga Pengajar di Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar.

²⁷⁶ Berdasarkan kepada Observasi Penulis di Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar, Sabtu, 7 September 2013.

matan dan menterjemahkannya. Berdasarkan kepada kurikulum para pelajar yang mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* dengan menggunakan metode ini mampu menamatkan pengajiannya sehingga akhir, sekurang-kurangnya para pelajar yang menyelesaikan belajarnya di dayah Thalibul Huda mampu menamatkan pengajian tafsir ini satu kali. Dengan yang demikian para pelajar mampu memahami kandungan ayat-ayat al-Quran dengan baik, sehingga ilmu yang diperoleh dapat diajarkan atupun disampaikan kepada masyarakat Aceh lainnya. Selain itu pengajian tafsir ini juga memberikan khazanah mengenai pentafsiran al-Quran kepada para pelajar.²⁷⁷

3.4.9.2 Metode *Geusurah* (Syarahan)

Metode geusurah merupakan syarahan terhadap naskhah Arab yang telah baca dan diterjemahkan. Metode ini masih mempunyai hubungan kait dengan metode halaqah. Namun metode geusurah iatu menggunakan penjelasan tafsiran ayat secara mendalam. Syarahan yang disampaikan meliputi tafsiran daripada isi kandungan ayat, mufradat dan kaedah nahu dan *Sarf*. Para teungku yang mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* dengan menggunakan metode ini ialah mereka yang telah diiktirafkan oleh teungku chik bagi membimbing dan mengajari para pelajar dengan lebih luas²⁷⁸

Metode seperti ini dalam masyarakat Aceh dikenal dengan istilah surah. Pembelajaran menggunakan metode ini menambah pelbagai disiplin ilmu pengetahuan bagi para pelajar, hal ini dikeranakan pembahasan yang dibincangkan meliputi pelbagai ilmu, seperti ilmu nahu, *sarf* dan sejarah.

²⁷⁷Tgk. Muhammad Jalaluddin, Lc. (BIMPEN: Bimbingan Pendidikan dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

²⁷⁸Hasbi al-Bayuni (Pimpinan Dayah Talibul Huda Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

3.4.9.3 Metode Sorogan

Sorongan merupakan sistem pembelajaran secara individu. Pembelajaran seperti ini melibatkan interaksi antara murid dan teungku. Peranan pelajar dengan menggunakan metode ini lebih aktif berbanding teungku. Kerana sorongan bererti menyodorkan kitab murid kepada teungku. Pada umumnya metode ini hanya digunapakai oleh pelajar-pelajar yang mahu mendalami pelajaran secara mendalam sahaja.²⁷⁹ Sistem pembelajaran seperti dinamai ini juga dengan *talaqi*, iatu seorang pelajar menjumpai guru/ teungku secara bersemuka dengan teungku yang mengajar dan bertemu lutut ke lutut dengan teungku. Tujuan daripada *talaqi* ini ialah untuk mengkhatamkan seluruh isi kitab dari awal sehingga akhir. Metode *talaqi* ini merupakan warisan dari masa Rasulullah S.A.W dan masih digunapakai secara umum oleh dayah-dayah tradisional di Aceh khususnya dayah Thalibul Huda.

²⁷⁹*Ibid.*

BAB IV
PENGARUH PENGAJIAN TAFSĪR AL-JALĀLAYN
DI KABUPATEN ACHEH BESAR

4.1 PENDAHULUAN

Peranan teungku dan pelajar lepasan dayah-dayah tradisional di Aceh umumnya dan Aceh Besar khususnya melalui pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* memberikan pengaruh kepada masyarakat Islam di Aceh. Di dalam dunia pendidikan dayah *Tafsīr al-Jalālayn* dijadikan sebagai kurikulum pelajaran, khususnya dayah tradisional. Selain itu *Tafsīr al-Jalālayn* juga merupakan bahagian dalam pendidikan masyarakat. *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan tafsir yang sangat diminati oleh masyarakat Aceh dikeranakan tafsir ini tergolong diantara tafsir yang ringkas dan mudah dipahami oleh setiap orang, samaada para penuntut ilmu (pelajar) di dayah-dayah tradisional mahupun masyarakat yang menghadiri pengajian kuliah agama di masjid atau surau.

Tafsīr al-Jalālayn merupakan salah satu kitab tafsir yang terkenal di dunia, ini ditandai dengan dijadikannya *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai salah satu kitab rujukan diantara pelbagai kitab tafsir. Di Aceh, *Tafsīr al-Jalālayn* telah bersatupadu dalam jiwa masyarakat. Penjelasan ayat-ayat al-Quran yang sangat ringkas menjadi salah satu alasan utama tafsir ini digunapakai di lembaga-lembaga pendidikan di Indonesia. Hal ini senada sebagaimana pendapat Haji Khalifaf dalam kitabnya *Kasf al-Zunūn*, sebahagian ulama daripada Yaman menyimpulkan bahawa jumlah huruf yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dengan tafsirannya sehingga surah al-Muzzammil adalah sama, manakala daripada surah al-Muddathir dan seterusnya tafsirannya melebihi al-Quran.²⁸⁰

Bagi mengetahui pengaruh *Tafsīr al-Jalālayn* di Indonesia dan di Aceh khususnya, dalam hal ini penulis menfokuskan kajian kepada penggunaan *Tafsīr al-*

²⁸⁰Haji Khalifah, *Kasf al-Zunūn* (Bairut: Mauqī al-Muhaddith al-Majani, t.t.), 1: 445.

Jalālayn dalam kalangan dayah-dayah tradisional dan masyarakat di Aceh. Berdasarkan kepada kajian yang penulis jalani, sehingga hari ini *Tafsīr al-Jalālayn* menempati urutan pertama sama ada di dayah-dayah tradisional di Aceh mahupun pesantren-pesantren salafiyah di Indonesia dalam pengajiannya. Justeru tafsir ini juga merupakan panduan dalam setiap pengajian sama ada di masjid, surau mahupun institusi-institusi pendidikan lainnya. Selain itu, penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* dalam kalangan masyarakat juga telah memberikan pengaruh terhadap ilmu dan khazanah mereka dalam memahami al-Quran. Justeru tafsir ini juga dijadikan oleh ahli-ahli ilmu di Nusantara sebagai salah satu sumber rujukan dalam penulisan mereka. Ini ditandai dengan lahirnya karya-karya ulama Nusantara di tengah-tengah masyarakat dalam bidang penulisan khususnya di Aceh.

Martin Van Bruinessen dalam karyanya, *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia* menyebutkan bahawa *Tafsīr al-Jalālayn* dapat dijumpai dimana-mana sahaja. Justeru dalam rajahnya, ia menempatkan *Tafsīr al-Jalālayn* dalam urutan pertama sebagai kitab tafsir terbanyak yang dikaji oleh pesantren-pesantren di Nusantara.²⁸¹

Memandangkan kepada *Tafsīr al-Jalālayn* yang dikarang oleh dua orang ulama Jalal ini terus digunapakai oleh lembaga-lembaga pendidikan Islam tradisional di Indonesia khususnya di Aceh, maka dalam bab ini, penulis mengkaji pengaruh pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dari sudut penggunaannya, fokus utama dalam kajian ini antaranya ialah:

1. Penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* oleh masyarakat Aceh Besar.
2. Penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai bahan pengajian di kuliah-kuliah agama.
3. Penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai sumber penulisan.

²⁸¹Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia* (Bandung: Mizan, 1999), 158-160.

4.2 Penggunaan Tafsir al-Jalālayn oleh Masyarakat Aceh Besar

Pengajian *Tafsir al-Jalālayn* di dayah-dayah tradisional Aceh telah memberikan pengaruh kepada para pelajarnya. Tujuan daripada diajarkan tafsir ini supaya setiap pelajar mampu memahami kandungan ayat-ayat al-Quran secara benar dan mampu mengajarkan kembali tafsir ini kepada masyarakat di kampung mereka sama ada dengan mendirikan balai-balai pengajian mahupun melalui aktiviti dakwah di masjid-masjid.

Para pelajar yang menyelesaikan pendidikannya di dayah-dayah tradisional, khususnya para pelajar yang mendalami *Tafsir al-Jalālayn* secara kelompok²⁸² mampu memahami kitab tafsir ini secara mendalam. Hal ini dikeranakan mereka telah menamatkan pengajian kitab tafsir ini secara berulang-ulang. Dengan yang demikian para pelajar dayah tradisional mampu memahami makna kandungan ayat- ayat al-Quran secara menyeluruh. Ekoran daripada itu bagi mengembangkan peranannya sebagai orang yang menguasai pelbagai disiplin ilmu dalam lingkungan masyarakat para pelajar dayah-dayah tradisional di Aceh telah meluaskan pengajian tafsir ini di merata tempat bagi menyampaikan dakwah dan kajian-kajian agama yang pernah mereka pelajari dan dalami ketika belajar di dayah. Kitab tafsir yang digunapakai para teungku (guru) dalam menyampaikan pengajiannya menggunakan *Tafsir al-Jalālayn* sebagai bahan rujukan. Meskipun perbincangan dalam tafsir ini dibincangkan secara ringkas, akan tetapi informasi-informasi yang dikandung dalam *Tafsir al-Jalālayn* boleh menambah khazanah masyarakat dalam memahami kandungan ayat-ayat al-Quran.

Keistimewaan yang dimiliki oleh *Tafsir al-Jalālayn* merupakan salah satu faktor utama para teungku (pengajar) mengajarkan tafsir ini kepada masyarakat Aceh di balai-balai pengajian khususnya di Aceh Besar dan tafsir ini juga merupakan diantara salah

²⁸²Pelajar yang mempelajari *Tafsir al-Jalālayn* secara mendalam bersama beberapa pelajar lainnya secara khusus dan pada masa yang khusus.

satu tafsir yang paling ramai diminati oleh masyarakat untuk mempelajarinya.²⁸³ Keistimewaan yang dimiliki tafsir ini telah menjadikan *Tafsir al-Jalalayn* bersatupadu dalam jiwa masyarakat Aceh, sehingga majoriti masyarakat di Aceh memiliki koleksi *Tafsir al-Jalalayn* sama ada naskhah arab mahupun *Tafsir al-Jalalayn* yang sudah diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia sebagai bahan bacaan di rumah dan sebagai kitab panduan bagi khalayak ramai apabila mengikuti pengajian.

Adapun faktor-faktor yang melatarbelakangi dayah tradisional, para teungku dan masyarakat di Aceh menggunakan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai salah satu kitab tafsir utama dalam pengajiannya ialah:²⁸⁴

- Syarahan tafsir yang lebih mudah difahami dari sudut bahasa.
- Kecenderungan *Tafsir al-Jalalayn* kepada mazhab Imam al-Syāfi'ī.
- Sedikitnya tenaga pengajar yang ahli dalam bidang tafsir.
- Sokongan pemerintah Aceh
- Kemudahan masyarakat dalam memperoleh *Tafsir al-Jalalayn*.

1. Syarahan Tafsir Yang Lebih Mudah Difahami Dari Sudut Bahasa.

Penjelasan tafsir yang cenderung lebih mudah difahami secara bahasa merupakan salah satu faktor banyaknya penggunaan tafsir ini di kalangan masyarakat. makna yang terkandung di dalam *Tafsir al-Jalalayn* seperti kata-kata mufradat Arab, sehingga apabila tafsir ini diajarkan untuk masyarakat maka ia boleh difahami dengan cepat dan mudah. Bagi meluaskan khazanah keilmuan masyarakat Aceh tentang al-Qur'an maka tafsir dan syarahan yang terkandung dalam *Tafsir al-Jalalayn* ini sangat sesuai diajarkan di lembaga-lembaga pendidikan Islam sebagaimana yang diutarakan

²⁸³ Arifin (Pengajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2013.

²⁸⁴ Hasil dapatan dan kajian penulis terhadap dayah-dayah tradisional di Aceh Besar, Jun-September 2013.

oleh Teungku Muhammad Zubair.²⁸⁵ Tafsir ini juga boleh difahami dengan mudah oleh pelbagai tingkatan masyarakat, sama ada masyarakat yang memiliki khazanah Islam tingkat atas, masyarakat tingkat menengah mahupun masyarakat tingkat rendah. Selain itu, masyarakat kalangan intelektual juga menggunakan *Tafsir al-Jalālayn* untuk dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan dalam dunia pendidikan.

Faktor ini sangat selari sebagaimana yang dikatakan oleh Dr. Yunus Hasan Abidu dalam kitabnya *Dirasāt wa Mabāhith fi Tārikh al-Tafsīr wa Manāhij al-Mufasssirīn* bahawa *Tafsir al-Jalālayn* merupakan satu-satunya kitab tafsir yang menghindari berpanjang madah, meninggalkan pendapat-pendapat yang lemah, bebas dari ragam segi I'rab, balaghah, masalah akidah dan fiqh yang dikemukakan secara panjang lebar oleh kitab-kitab tafsir yang lain.²⁸⁶

Tafsir al-Jalālayn atau al-Jalilain adalah kitab tafsir yang berharga, mudah bahasanya dan singkat, meskipun tafsir ini digolongkan sebagai salah satu tafsir yang ringkas, namun demikian tafsir ini termasuk sebagai salah satu kitab tafsir yang paling banyak tersebar dan paling banyak manfaatnya serta banyak dikaji oleh para ahli ilmu, sama ada masjid-masjid, surau dan sekolah agama sebagai bahan pengajian.²⁸⁷

Ulama menyebutkan bahawa *Tafsir al-Jalālayn* jumlah hurufnya tidak lebih daripada jumlah huruf al-Quran kecuali sedikit sahaja, keduanya berpadanan daripada awal surah al-Baqarah sehingga akhir surah al-Muzzammil, dan dari surah al-Muzzammil, jumlah huruf dan tafsir lebih banyak berbanding al-Qur'an.²⁸⁸

Berdasarkan kepada faktor diatas, penulis menyimpulkan bahawa penggunaan *Tafsir al-Jalālayn* dalam kalangan masyarakat Aceh Besar disebabkan kandungan

²⁸⁵Muhammad Zubair (Pengajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2013. Lembaga pendidikan Islam yang dimaksud seperti: surau dan balai-balai pengajian dan yang lazimnya diikuti oleh masyarakat Aceh.

²⁸⁶Yunus Hasan Abidu, *Dirasāt wa Mabāhith fi Tārikh al-Tafsīr wa Manāhij al-Mufasssirīn: Tafsir al-Qur'an Sejarah Tafsir dan Metode Para Mufasssir*, terj. Qodirun Nur dan Ahmad Musyafiq (Jakarta: Gaya Media Pratama, 2007), 120.

²⁸⁷*Ibid.*, 122.

²⁸⁸*Ibid.*

makna dan syarahan dalam tafsir ini sangat mudah dan cepat difahami oleh pelbagai tingkatan masyarakat terutama masyarakat awam, apatah lagi kemampuan masyarakat khususnya masyarakat awam dalam menerima pelbagai ilmu tidak sama dengan tingkatan masyarakat yang mempunyai kadar intelek. Kesederhanaan penjelasan yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālayn* ini boleh memberikan pengaruh dan kefahaman terhadap cara masyarakat awam dalam memahami makna-makna yang terkandung dalam al-Quran.

Penulis juga berpandangan syarahan *Tafsīr al-Jalālayn* yang seperti kata-kata mufradat akan memberikan keringanan kepada masyarakat awam dalam memahami dan mengetahui arti kata-kata terhadap ayat yang dikaji. Oleh yang demikian bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai al-Quran, maka tafsir ini sangat sesuai diajarkan kepada masyarakat di Aceh Besar.

2. Kecenderungan *Tafsīr al-Jalālayn* Kepada Mazhab Imam al-Syāfi'ī.

Faktor lain daripada penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* dalam kalangan masyarakat Aceh Besar ialah kerana *Tafsīr al-Jalālayn* yang dikarang oleh dua Imam Jalal mengikut kepada mazhab al-Syāfi'ī. Kecenderungan kitab tafsir ini kepada mazhab al-Syāfi'ī merupakan salah satu sebab diajarkan tafsir ini juga kepada masyarakat. Lazimnya majoriti masyarakat di Aceh menganuti mazhab al-Syāfi'ī. Kelaziman ini telah mempengaruhi cara berfikir masyarakat Aceh, sehingga sangat sukar bagi masyarakat di Aceh untuk menerima dan mempelajari kitab-kitab klasik selain daripada yang bersumber daripada mazhab Imam al-Syāfi'ī. Keadaan seperti ini tidak terlepas daripada keyakinan masyarakat di Aceh daripada dahulu sehingga sekarang yang konsisten menganut satu mazhab iaitu mazhab al-Syāfi'ī. Dalam hal ini penulis menyimpulkan bahawa keyakinan masyarakat di Aceh yang fanatik kepada mazhab Imam al-Syāfi'ī menjadikan kitab-kitab klasik selain mazhab al-Syāfi'ī tidak dihiraukan dan sangat jarang dipelajari. Terkadang, dalam merujuk kepada satu-satu perkara

hukum, masyarakat di Aceh menjadikan kitab-kitab mazhab Imam al-Syāfi'ī sebagai rujukan utama.

Kedatangan ulama-ulama dahulu ke Aceh bagi menyebarkan pelbagai disiplin ilmu agama telah mempengaruhi teungku di dayah-dayah tradisional untuk mengajarkan kembali apa yang telah mereka peroleh. Dengan erti yang lain peninggalan/ warisan ulama-ulama terdahulu terus diajarkan kepada masyarakat Aceh sehingga hari ini. Hal ini dapat dikesan daripada kedatangan para ulama-ulama terdahulu yang mengajarkan kitab-kitab klasik yang memiliki kecenderungan mazhab Imam al-Syāfi'ī kepada teungku-teungku dayah juga mengajarkan kitab-kitab yang sama dan dalam konteks kajian ini *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai salah satu kitab tafsir yang masih diajarkan di seluruh dayah-dayah di Aceh. Kecenderungan ini selari dengan perkataan Teungku Haji Jamaluddin Waly²⁸⁹ dalam papernya “Eksistensi Dayah Salafiyah di Aceh” pada pelatihan Metodologi Pembelajaran di Dayah Salafiyah di Banda Aceh tarikh 2 Disember 2006.²⁹⁰

Berdasarkan kepada faktor di atas, penulis menyimpulkan bahawa pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah-dayah tradisional telah memberikan pengaruh bagi para pelajar. Hal ini dapat dikesan berdasarkan kepada data-data para alumni Dayah Ulee Titi yang telah mengabdikan dirinya sebagai tenaga pengajar bagi mengajarkan pelbagai disiplin ilmu agama umumnya dan *Tafsīr al-Jalālayn* secara khasnya di dayah-dayah tradisional dan balai-balai pengajian cawangan Dayah Ulee Titi.²⁹¹ Sebagai contoh: Dayah al-Islah al-Aziziyah dan Dayah Raudatul Thalibah merupakan dua dayah yang

²⁸⁹ kitab yang diajarkan selama ini merupakan kitab warisan daripada gurunya di mana mereka mengaji sebelumnya. Hampir semua kitab, terutama sekali yang berhubungan dengan ilmu fikah, yang dipelajari adalah kitab klasik yang ditulis sekitar lima ratus tahun yang lalu dan dihadkan kepada kitab-kitab dalam mazhab Imam al-Syāfi'ī sahaja, seperti: *Matan Taqrīb*, *Fath al-Qārib*, *al-Bajūri*, *I'ānat al-Tālibin*, *Mahallī*, *Syarah Muhazzab*, *Fath al-Wahāb*, *Tuhfah* dan dalam pelajaran tafsir mereka hanya menggunakan kitab *Tafsīr al-Jalālayn*.

²⁹⁰Hasbi Amiruddin, “Program pengembangan dayah di Aceh,” *Modul Dewa89s*, 2 November 2012, 135.

²⁹¹Dokumentasi Dayah Ulee Titi, “Cawangan Lembaga Pendidikan Islam Dayah Ulee Titi Aceh Besar”, 2010. Cawangan Dayah Ulee Titi dibahagikan kepada dua bahagian, bahagian pertama ialah lembaga pendidikan dayah tradisional yang terdiri daripada sepuluh dayah. Manakala bahagian kedua ialah balai pengajian yang terdiri daripada 17 balai.

terkemuka di wilayah Banda Aceh dan Aceh Besar diantara sepuluh cawangan Dayah Ulee Titi yang masih mengekalkan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai bahan pengajian kepada masyarakat Aceh.

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa para pelajar dayah-dayah tradisional apabila menamatkan pengajiannya di dayah-dayah tradisional mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar terhadap masyarakat Aceh iaitu; mengajarkan kembali pelbagai disiplin ilmu agama dan *Tafsir al-Jalalayn* kepada masyarakat. Peranan yang dimiliki oleh alumni dayah-dayah tradisional tidak hanya mengajarkan tafsir ini di dayah-dayah tradisional sahaja, akan tetapi pengajian tafsir ini juga turut diajarkan di balai-balai pengajian seperti halnya balai pengajian Bustanul Ilmi.²⁹²

Kewujudan dayah ini menandakan bahawa peranan para pelajar keluaran dayah-dayah tradisional di Aceh memberikan keuntungan kepada masyarakat tempatan khususnya dan umumnya masyarakat Aceh bagi menambah khazanah ilmu tentang al-Quran.

3. Sedikitnya Tenaga Pengajar Yang Ahli Dalam Bidang Tafsir

Tenaga pengajar merupakan salah satu sumber utama dalam dunia pendidikan. Sedikitnya tenaga pengajar dari lembaga-lembaga pendidikan Islam tradisional yang menguasai secara khusus materi-materi pelajaran daripada mazhab selain Imam al-Syāfi'ī, menjadikan *Tafsīr al-Jalālayn* satu-satunya kitab tafsir yang diajarkan kepada masyarakat Aceh.²⁹³ Hal ini disebabkan majoriti dayah-dayah tradisional di Aceh lebih menitikberatkan pembelajaran ilmu-ilmu agama dalam bidang fiqh, sehingga pembelajaran kitab-kitab tafsir pada peringkat awalnya hanya dihadkan kepada beberapa kitab pilihan sahaja, manakala pembelajaran tafsir semasa menjadikan *Tafsīr*

²⁹²*Ibid.*

²⁹³Teungku Syāfi'ī (Pengajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2013.

al-Jalālayn sebagai tafsir utama dalam pembelajaran.²⁹⁴ Oleh kerana itu pengetahuan pelajar-pelajar dayah tradisional dalam bidang fiqh cukup mendalam.

Berdasarkan kepada hasil temubual penulis dengan salah seorang tenaga pengajar di dayah tradisional,²⁹⁵ lembaga pengajian di Aceh sama ada dayah tradisional mahupun moden mempunyai latar belakang masalah yang sama, iaitu kekurangan tenaga pengajar yang menguasai kitab-kitab tafsir yang lain secara mendalam, sehingga dalam pembelajarannya kitab *Tafsīr al-Jalālayn* masih menjadi pilihan utama bagi diajarkan pada lembaga-lembaga pengajian di Aceh, terutama di dayah-dayah tradisional, balai pengajian (rumah) dan di kuliah-kuliah agama. Ekoran daripada itu generasi-generasi yang mampu menguasai kitab-kitab tafsir al-Quran secara keseluruhan dan yang mampu mengajarkannya kepada masyarakat Aceh sangat sulit dijumpai.

Memandangkan kepada faktor di atas, penulis berpandangan bahawa dayah-dayah tradisional di Aceh perlu memberikan kesempatan bagi tenaga-tenaga pengajar selain daripada keluaran dayah-dayah tradisional. Selama ini majoriti dayah-dayah tradisional hanya memberikan kesempatan bagi mengajarkan pelbagai disiplin ilmu agama kepada alumni-alumni dayah tradisional sahaja. Menurut penulis, kehadiran dan sumbangan para pengajar (guru) yang pakar dalam bidang tafsir dari pelbagai pendidikan Islam lainnya akan memberikan faedah serta keuntungan bagi meningkatkan pengetahuan para pencari ilmu dalam bidang al-Quran. Dengan yang demikian, semangat para pencari ilmu akan terus meningkat disebabkan jenis-jenis kitab tafsir yang dipelajari beraneka ragam dan mereka juga boleh mengenal corak-corak pentafsiran al-Quran secara umum.

Penulis juga berpandangan, bagi menaik taraf kualiti dayah dalam pengajian tafsir maka dayah-dayah tradisional perlu melakukan kerjasama dan menjemput tenaga-tenaga pengajar yang pakar dalam bidang tafsir dengan universiti-universiti terkemuka

²⁹⁴Kurikulum dayah-dayah tradisional di Aceh (Dayah Ulee Titi, Raudhah al-Thalibah dan Thalibul Huda) tahun 2012.

²⁹⁵Teungku Maidi Asra, S.Pdi, dalam temubual dengan penulis, 20 Agustus 2013.

di Timur Tengah bagi membimbing dan mengajarkan kitab-kitab tafsir kepada para pelajar di dayah-dayah tradisional sebagaimana yang pernah dilakukan oleh dayah-dayah moden di Aceh seperti Dayah Jeumala Amal di Pidie, Bustanul Ulum di Langsa, Darul Ihsan di Aceh Besar dan IAIN ar-Raniry Banda Aceh. Lembaga-lembaga ini merupakan diantara lembaga-lembaga pendidikan di Aceh yang telah berhasil mendatangkan tenaga pengajar daripada Mesir. Dengan demikian, pengajian tafsir di dayah-dayah tradisional mampu melahirkan kembali ulama-ulama yang ahli dalam bidang tafsir terkemuka di Nusantara seperti Syeikh Abdul Rauf ‘Ali al-Singkili dengan karya tafsirnya *Tarjumān al-Mustafid*, Prof. Teungku Muhammad Hasbi ash-Shiddieqy dengan karya tafsirnya yang terkenal tafsir *al-Quranul Majid an-Nur*. Ekoran daripada itu juga masyarakat boleh mendapatkan manfaat yang lebih banyak dengan mempelajari dan mengenal kitab-kitab tafsir yang lainnya daripada huraian yang disampaikan oleh para mengajar. Pada akhirnya, kemampuan masyarakat di Aceh dalam mempelajari serta memahami kandungan makna-makna dalam al-Quran semakin meningkat.

4. Sokongan Pemerintah Aceh

Dalam menjalankan tugas dan peranannya sebagai pengajar (guru) tafsir dalam masyarakat kerajaan Aceh telah memberikan sokongan dan dukungannya kepada ahli-ahli terkait,²⁹⁶ dengan membahagikan kitab *Tafsīr al-Jalālayn* kepada lembaga-lembaga pendidikan Islam. Pada peringkat awalnya, kerajaan Aceh bekerjasama dengan Dinas Pendidikan Aceh telah menyebarluaskan kitab *Tafsīr al-Jalālayn* ini kepada beberapa balai-balai pengajian di seluruh wilayah Aceh secara percuma sama ada dayah tradisional mahupun dayah moden, namun pada tahun 2008 kerajaan Aceh melalui Badan Pembinaan Pendidikan Dayah Aceh (BPPD) kembali mendistribusikan *Tafsīr al-Jalālayn* ini kepada dayah-dayah terpilih sahaja berdasarkan prioriti atau dayah-dayah

²⁹⁶Ahli-ahli terkait ialah: Teungku, kaum intelektual (pelajar), serta masyarakat Aceh yang mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* dan dayah-dayah di Aceh.

yang telah diisytiharkan sebagai dayah yang mempunyai penilaian dengan peringkat A. Manakala pada tahun 2010 sehingga tahun 2012 kitab *Tafsīr al-Jalālayn* dibahagikan menurut kepada permohonan yang masuk kepada BPPD.²⁹⁷

Pembahagian kitab *Tafsīr al-Jalālayn* ini mengikut kepada data kurikulum dayah tradisional yang didapati pada BPPD.²⁹⁸ Kesungguhan kerajaan Aceh dalam membahagikan *Tafsīr al-Jalālayn* dengan berterusan menyebabkan dayah-dayah tradisional juga mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* kepada masyarakat di Aceh di pelbagai lembaga pendidikan. Secara implisit, sokongan dari kerajaan Aceh ini menggalakkan para pengajar (guru) untuk mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* kepada setiap elemen-elemen masyarakat di Aceh. Sumbangan dan sokongan dari kerajaan Aceh kepada pelbagai lembaga pendidikan Islam menyebabkan *Tafsīr al-Jalālayn* termasuk salah satu diantara faktor yang melatarbelakangi penggunaan tafsir ini masih dikekalkan dan digunapakai oleh khalayak ramai sehingga hari ini.

5. Kemudahan Masyarakat Dalam Memperoleh *Tafsīr al-Jalālayn*.

Dalam konteks wilayah Aceh, *Tafsīr al-Jalālayn* sangat mudah ditemui, sama ada naskhah Arab mahupun yang telah diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia. Justeru majoriti kedai-kedai buku di Aceh telah menyediakan tafsir ini sebagai permintaan mendadak daripada pelanggan yang datang untuk membelinya. Ini dikeranakan ramainya minat daripada masyarakat Aceh untuk mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn*.

Berdasarkan kepada observasi penulis pada sebahagian kedai-kedai buku di Aceh faham akan keperluan masyarakat terhadap kitab tafsir yang dipelajari dipelbagai lembaga pendidikan Islam, sehingga *Tafsīr al-Jalālayn* dengan mudah boleh dibeli di

²⁹⁷T. Zaini, S.Pd, (Kakitangan Pada Bahagian Bidang Sarana dan Prasarana Dayah Bidang Manajemen dan Pengasuhan Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD Aceh), dalam temubual dengan penulis, 4 Juni 2103, masa: 15.25 WIB.

²⁹⁸Badan Pembinaan dan Pendidikan Dayah (BPPD) Provinsi Aceh, tahun 2008.

mana-mana kedai buku. Ini menandakan *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan kitab tafsir yang paling ramai diminati oleh masyarakat untuk dipelajari. Dengan demikian dapat disimpulkan kemudahan dalam memperoleh *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan salah satu antara faktor yang melatarbelakangi tafsir ini dipelajari.

Memandangkan kepada faktor-faktor di atas, dapat disimpulkan diantara sebab dikekalkannya *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai kurikulum rasmi dan tafsir utama dalam pembelajaran bagi pelajar dan masyarakat dikeranakan beberapa faktor, iaitu:

1. Warisan ulama-ulama terdahulu yang mengajarkan tafsir ini kepada generasi-generasi penerusnya.
2. Bahasa yang mudah dipahami dan penjelasan yang singkat sehingga tidak melahirkan perbezaan-perbezaan yang menyebabkan kepada perselisihan dikalangan masyarakat awam.
3. Kecenderungan *Tafsīr al-Jalālayn* kepada mazhab Imam al-Syāfi'ī.
4. Kekurangan tenaga pengajar yang menguasai pelbagai kitab-kitab tafsir lain secara menyeluruh di lembaga-lembaga pendidikan Aceh.
5. Minat yang mendalam masyarakat Aceh dalam mengikuti pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* terutama masyarakat Aceh yang tinggal di desa bagi menambah khazanah ilmu al-Quran.
6. Sokongan dan sumbangan pemerintah Aceh melalui BPPD dalam menyebarkan *Tafsīr al-Jalālayn* bagi dayah-dayah tradisional di Aceh.
7. Mudah nya memperoleh *Tafsīr al-Jalālayn* di pelbagai kedai-kedai buku di Aceh

4.3 Penggunaan Tafsīr al-Jalālayn Sebagai Bahan Pengajian di Kuliah-Kuliah Agama.

Masjid bagi masyarakat Aceh merupakan pusat kajian keilmuan, hampir setiap malamnya masjid-masjid di Aceh Besar dijadikan sebagai tempat untuk mengkaji pelbagai disiplin ilmu. Memandangkan peranan masjid di Aceh sangat besar dalam memperoleh khazanah Islam pihak kerajaan Aceh melalui pernyataan yang disampaikan oleh Gobenor Aceh Zaini Abdullah telah mengeluarkan satu himbuan kepada seluruh masyarakat yang ada di Aceh Besar supaya mengikuti progam pengajian di masjid-masjid bagi menambah khazanah Islam masyarakat di Aceh.²⁹⁹

Salah satu disiplin ilmu yang menjadi fokus utama penulis disini ialah pengajian *Tafsīr al-Jalālayn*. *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan tafsir yang paling ramai diminati oleh masyarakat Aceh. Setiap lembaga pendidikan Islam yang dipimpin oleh teungku dayah menjadikan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai panduan dalam kurikulum pengajaran. Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* tidak dihadkan kepada lembaga pendidikan Islam tradisional sahaja, namun juga diadakan di kuliah-kuliah agama seperti masjid. Tujuan penggunaan *Tafsīr al-Jalālayn* dalam pengajian di masjid-masjid wilayah desa bagi memudahkan masyarakat dalam memahami makna-makna yang terkandung di dalam al-Quran dikeranakan sebahagian yang hadir dalam pengajian tafsir ini merupakan masyarakat awam.

Antara masjid-masjid yang mengajarkan *Tafsīr al-Jalalayn* ialah Masjid Jamik Lamsayuen kecamatan Ingin Jaya, merupakan salah satu masjid di Aceh Besar yang mengajarkan *Hāshiyah al-Sāwī ala Tafsīr al-Jalalayn* karya *Syeikh Ahmad bin*

²⁹⁹Radio Antero, “Aceh Besar Canangkan Beut Ba’da Magrib”, laman sesawang *Radio Antero*, dicapai 10 Oktober 2013, http://portal.radioantero.com/index.php?option=com_content&view=article&id=943:aceh-besar-canangkan-beut-bada-magrib&catid=46:ap&Itemid=82.

Muhammad al-Sāwī al- Khalwah al-Mālikī kepada masyarakat umum.³⁰⁰ Pengajian ini merupakan pengajian mingguan yang diadakan pada setiap hari Jumaat, dimulai daripada pukul sepuluh sehingga menjelang solat jumaat tiba. Pengajian ini dihadiri oleh pelbagai elemen masyarakat Aceh tempatan yang hendak melaksanakan ibadah solat jumaat dan masyarakat yang datang dari wilayah berlainan. Pengajian di masjid Jamik Lamsayuen pada peringkat awalnya dipimpin oleh Abu Ishak al-Amiry dan masyarakat yang hadir bagi mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* secara langsung dengan beliau kurang lebih 200 sehingga 280 orang.³⁰¹

Berdasarkan kepada maklumat anak beliau, mereka yang hadir di pengajian ini datang dari wilayah yang berbeza-beza, justeru sebahagian yang hadir tinggal berjauhan daripada tempat pengajian diadakan. Ramainya minat dari masyarakat yang ingin mempelajari tafsir ini selain daripada ketinggian ilmu yang dimiliki beliau dikeranakan juga oleh sifat dan karismatik beliau yang sangat disukai dan dicintai oleh masyarakat.³⁰² Meskipun Abu Chiek Ulee Titi (gelaran bagi beliau) telah meninggal dunia, akan tetapi pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang digantikan oleh anaknya sehingga sekarang masih terus diajarkan kepada masyarakat.

Menurut kepada pengamatan penulis, pengajian yang dibimbing oleh Abu Athaillah dihadiri lebih daripada 180 orang. Masyarakat sangat bersemangat mengikuti pengajian ini, hal ini dapat dilihat daripada kesungguhan mereka dalam memperhatikan setiap *harakah* kitab *Tafsīr al-Jalālayn* yang dibaca oleh Abu Athaillah. Justeru masyarakat yang tidak membawa *Tafsīr al-Jalālayn* dalam pengajian duduk bersama

³⁰⁰Pengajian umum iaitu kuliah agama yang diikuti oleh masyarakat dari pelbagai umur sama ada remaja dan orang tua.

³⁰¹Abu Athaillah, (anak daripada Teungku Ishak al-Amiry) dalam temubual dengan penulis, 6 September 2103.

³⁰²*Ibid.*

dengan sahabatnya (pelajar) yang mempunyai *Tafsīr al-Jalālayn* bagi memperhatikan setiap bacaan dan syarahan yang disampaikan oleh Abu.³⁰³

Metode pengajian yang digunapakai oleh Abu Athaillah mengikut kepada metode yang digunakan di Dayah Ulee Titi Aceh Besar. Pada peringkat awalnya Abu Athaillah membaca beberapa potongan ayat al-Quran daripada kitab *Tafsīr al-Jalālayn*. Setelah itu beliau mengumpulkan bacaan tersebut ayat demi ayat dengan menterjemahkannya kedalam bahasa Aceh³⁰⁴ disertai dengan syarahan yang mendalam terhadap ayat yang dikaji. Hal ini dilakukan untuk memudahkan para pelajar yang hadir dalam menghayati kandungan ayat-ayat al-Quran serta memahami makna daripada ayat terbabit. Dalam mendedahkan ayat yang dikaji, Abu Athaillah menghubungkan pembahasan *Tafsīr al-Jalālayn* dengan ilmu nahu dan *sarf*. Meskipun pembahasan ilmu nahu dan *sarf* tidak dikaji secara mendalam akan tetapi masyarakat mempunyai semangat dalam mengikuti pengajian ini, bahkan sering sekali terjadi dialog dan tanya jawab disaat pengajian berlangsung.

Memandang kepada metode yang digunapakai oleh Abu Athaillah dalam sistem pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang diajarkan kepada masyarakat, dari kajian ini penulis mendapati bahawa sistem pengajian halaqah ataupun bandongan ini sangat disukai dan diminati oleh masyarakat, kerana sistem seperti ini hanya menitikberatkan perhatian masyarakat kepada bacaan, terjemahan, syarahan serta penjelasan kepada kaedah nahu dan *sarf* yang disampaikan oleh seorang teungku.

Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa pengajian yang menggunakan penjelasan kepada kaedah ilmu nahu dan *sarf* tidak sangat diperlukan dikeranakan, *Pertama*: majoriti yang menghadiri pengajian ini ialah masyarakat yang tidak sepenuhnya mengerti dan memahami kaedah ilmu nahu dan *sarf*. *Kedua*: perbincangan yang mendalam terhadap kaedah ilmu ini memerlukan kepada masa yang lama sehingga

³⁰³Observasi Penulis pada pengajian umum Abu Athaillah, tarikh 6 September 2103, masa 10.00 sehingga menjelang solat Jumat.

³⁰⁴Majoriti peserta pengajian merupakan masyarakat yang fasih berbahasa Aceh.

kadang kala pembahasan yang didedahkan tidak mencapai sasaran. Dengan yang demikian penulis menyimpulkan perlunya kepada penyusunan sukatan pelajaran dalam sistem pengajian yang diajarkan kepada masyarakat oleh teungku.

Pengajian Meudrah³⁰⁵ yang dipandu oleh teungku Hasbi diajarkan pada setiap hari Sabtu malam selepas solat Maghrib di Balai Pengajian beliau atau yang sekarang sudah dijadikan sebagai surau bagi pelajar-pelajar Dayah Talibul Huda Aceh Besar. Pengajian yang diadakan seminggu sekali ini telah menarik ramai minat masyarakat untuk terus konsisten mengikuti pengajian ini, hal ini ditandai ramainya para pelajar daripada lembaga pendidikan di Aceh dan masyarakat tempatan yang memenuhi Balai Pengajian beliau. Penulis mentaksirkan, para pelajar dan masyarakat yang menghadiri pengajian ini melebihi dari 200 orang yang mana pendapat ini telah dikuatkan juga oleh Teungku Muhammad Jalaluddin.³⁰⁶

Adapun metode yang digunapakai teungku Hasbi dalam sistem pengajiannya ialah menggunakan sistem halaqah, yang mana Abi panggilan akrab teungku Hasbi dalam menghuraikan tafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'an langsung menterjemahkan dan menghuraikan kandungan ayat-ayat al-Quran terbabit kedalam bahasa Aceh. manakala para pelajar dan masyarakat yang mengikuti pengajian ini mendengarkan kepada syarahan yang disampaikan oleh beliau. Jika ada persoalan-persolan yang muncul apabila pengajian berlangsung, pertanyaan tersebut akan dijawab langsung oleh Abi bagi memberikan kefahaman yang lebih mendalam. Sebelum pengajian berakhir, beliau akan memberikan kesimpulan yang didapati daripada pengajian minggu ini. Dalam pengajiannya, kitab yang digunapakai oleh Teungku Hasbi ialah *Tafsīr al-Jalālayn* karya Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Sāwī al-Khalwāh al-Mālikī.³⁰⁷

³⁰⁵Meudrah ialah istilah Aceh, pengajian yang diajarkan kepada khalayak ramai dan majoriti yang menghadiri pengajian ini ialah masyarakat desa tempatan dan bandaraya dari pelbagai daerah.

³⁰⁶Muhammad Jalaluddin, Lc. (Ketua Bimbingan Pendidikan (BIMPEN) Dayah Talibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

³⁰⁷Berdasarkan kepada observasi penulis, 7 September 2013.

Memandangkan kepada metode Teungku Hasbi dalam mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* juga menggunakan metode yang sama iaitu metode *halaqah* atau dengan kata lain setelah beliau membaca beberapa potongan ayat yang dikaji, beliau hanya menterjemahkan syarahan kandungan ayat terbabit langsung kedalam bahasa Aceh tanpa membaca syarahan naskhah arab, maka bagi kalangan masyarakat metode seperti ini sangat bersesuaian dengan latar belakang mereka. Walau bagaimanapun, dalam pandangan penulis bahawa perlunya bagi seorang teungku untuk membaca syarahan naskhah Arab terbabit bagi menambah minat masyarakat dalam memperhatikan gaya-gaya penulisan orang Arab dan sekiranya seorang guru membaca syarahan naskhah Arab itu, maka akan memberikan nuansa dan suasana pembelajaran yang berbeza, meskipun yang menghadiri pengajian ini majoritinya terdiri daripada masyarakat yang belum menguasai dan memahami bahasa Arab dengan baik. Satu hal yang menarik perhatian penulis daripada sistem yang digunapakai oleh beliau ialah selalu mengakhiri pengajiannya dengan memberikan kesimpulan terhadap apa-apa yang telah dipelajari dan nasihat-nasihat agama kepada setiap yang menghadiri pengajian.

Selain itu, pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* juga diajarkan di balai pengajian Teungku Darmawi,³⁰⁸ pengajian ini diajarkan pada setiap hari rabu selepas solat maghrib. Kitab panduan yang digunapakai Tgk. Darmawi dalam pengajiannya bersesuaian dengan balai pendidikan lainnya iaitu *Hāshiyah al-Sāwī ala Tafsīr al-Jalālayn*. Pengajian ini hanya diikuti oleh masyarakat tempatan wilayah Paleuh Seneulop sahaja. Dalam mendedahkan kandungan ayat-ayat al-Quran, metode yang disampaikan terhad kepada beberapa potongan ayat-ayat pilihan yang diterjemahkan disertai dengan syarahan dalam bahasa Aceh. Penggunaan metode ini dikeranakan majoriti yang hadir pada pengajian ini adalah penduduk tempatan yang sehari-harinya

³⁰⁸ Beliau merupakan alumni / keluaran dayah tradisional dan sebagai Pimpinan Dayah Miftahul Huda Aceh Besar. dalam temubual dengan penulis, 30 Ogos 2013.

berinteraksi dalam bahasa Aceh, selain itu penyampaian seperti ini bertujuan untuk memberikan kemudahan didalam memahami maksud ayat yang disampaikan.³⁰⁹

Rumah yang ditempati oleh Teungku Maidi Asra³¹⁰ yang terletak di desa Ajee Rayeuk kecamatan Ingin Jaya kabupaten Aceh Besar merupakan salah satu tempat berkumpulnya masyarakat tempatan untuk mempelajari *Tafsir al-Jalālayn* dengan beliau. Pengajian yang biasanya diadakan seminggu sekali ini masih berlanjut sehingga sekarang. Kesungguhan mereka dalam mempelajari tafsir ini mendapatkan pujian dari Teungku, hal ini dikeranakan minat mereka untuk belajar sangat kuat meskipun mereka orang-orang awam.³¹¹

Pengajian *Tafsir al-Jalālayn* yang diajarkan kepada masyarakat desa Ajee Rayeuk menggunakan kitab *Hāshiyah al-Sāwī 'ala Tafsir al-Jalālayn*. Metode yang digunakan beliau dalam pengajian ini ialah membaca beberapa ayat dan mengaitkan syarahannya secara mendalam dengan cerita-cerita sejarah. Teungku Maidi berpandangan bahawa masyarakat Aceh sangat terkesan dengan cerita sejarah yang terkandung di dalam *Tafsir al-Jalālayn*, sehingga beliau menyimpulkan bahawa penjelasan ayat-ayat al-Quran yang dihubungkan dengan cerita sejarah akan menambah minat masyarakat untuk terus mempelajari *Tafsir al-Jalālayn*.³¹²

Menurut pandangan penulis meskipun cara penyampaiannya yang ringkas, namun metode ceramah yang dihubungkan dengan cerita-cerita sejarah sangat selari dengan keadaan masyarakat yang tinggal di wilayah desa. Berdasarkan kepada metode yang digunakan oleh beliau, penulis menyimpulkan bahawa metode ini sangat efektif dan memberikan kesan kepada masyarakat desa Ajee Rayeuk dalam memahami kandungan makna ayat al-Quran yang terdapat dalam *Tafsir al-Jalālayn*. Ini dapat

³⁰⁹*Ibid.*

³¹⁰Beliau merupakan pelajar keluaran dayah Ulee Titi, (Tenaga pengajar Dayah Ulee Titi Aceh Besar dan Pimpinan Institusi pendidikan Islahuddin al-Amiriyah Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 20 Ogos 2013.

³¹¹*Ibid.*

³¹²*Ibid.*

dikesan daripada kesungguhan mereka dalam mengikuti pengajian mingguan ini secara berterusan. Manakala metode yang digunapakai oleh Tgk. Darmawi dalam sistem pembelajarannya sangat bersesuaian kerana mengikut kepada kemampuan masyarakat serta dikeranakan mereka tidak faham bahasa Arab. Secara umumnya masyarakat yang hadir pada pengajian mereka ialah masyarakat yang tinggal di wilayah desa dan salah satu tujuan mereka mengikuti pengajian ini untuk mempelajari ilmu-ilmu agama sahaja.

Minat mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* di Aceh tidak terhad kepada golongan orang lelaki sahaja, namun pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* ini juga diikuti oleh kaum perempuan, salah satu diantaranya ialah balai pengajian Teungku Fauziah³¹³. Dalam istilah masyarakat Aceh pengajian yang diikuti oleh golongan orang perempuan disebut dengan pengajian Ibu-Ibu. Kitab rujukan yang digunapakai oleh Teungku Fauziah dalam mengajarkan tafsir ini mengikut kepada kitab tafsir yang digunapakai di dayah-dayah tradisional iaitu *Hāshiyah al-Sāwī ala Tafsīr al-Jalālayn*. Meskipun pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* ini diadakan seminggu sekali, namun boleh menarik minat kaum perempuan dalam mengikuti pengajian ini, hal ini dikeranakan metode syarahan yang digunapakai oleh Teungku Fauziah dalam mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* ini dengan syarahan yang telah dibentuk dalam puisi, lebih-lebih kandungan *Tafsīr al-Jalālayn* ini memiliki bahasa yang indah dan mudah dipahami sehingga penjelasannya pun dapat dipahami oleh masyarakat.

Memandangkan kepada minat dan semangat masyarakat dalam mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn* sama ada di lembaga-lembaga pendidikan Islam tradisional mahupun kuliah-kuliah agama, penulis menyimpulkan bahawa *Tafsīr al-Jalālayn* memberikan pengaruh terhadap intelektual para pelajar dayah-dayah tradisional terutama bagi menyebarkan pelbagai disiplin ilmu agama dan *Tafsīr al-Jalālayn* khususnya kepada

³¹³Beliau adalah lulusan dayah Ruhul Fatayat Aceh Besar dan Pimpinan Dayah Fauzul karimah di Banda Aceh.

masyarakat Aceh sama ada melalui pengajian yang diadakan seminggu sekali mahupun melalui aktiviti-aktiviti dakwah yang seyogyanya telah menjadi tugas dan tanggungjawab para pelajar ketika menamatkan pengajiannya di lembaga-lembaga pendidikan tradisional.

Pengaruh pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* ini juga dirasakan oleh masyarakat wilayah Aceh Besar, pada kebiasaannya pengajian ini diadakan seminggu sekali di masjid-masjid jamik pada sebuah perkampungan yang diikuti oleh masyarakat tempatan dan terkadang pengajian ini juga dihadiri oleh para pelajar. Bagi menambah khazanah dan kefahaman mengenai al-Quran masyarakat memberikan perhatian penuh dan minat yang tinggi untuk mempelajari *Tafsīr al-Jalālayn*. Hal ini dapat dikesan daripada perbincangan dan tanya jawab ketika pengajian berlangsung mengenai permasalahan-permasalahan yang tidak dapat dipahami secara jelas menandakan keseriusan masyarakat untuk memahami al-Quran.

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di masjid-masjid yang diajarkan oleh pimpinan dari pelbagai dayah tradisional atau teungku-teungku (pelajar) senior yang telah diiktiraf untuk mengajar secara umumnya menggunakan metode sebagaimana yang digunapakai di dayah-dayah tradisional.

Seterusnya, berdasarkan kepada metode pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang digunapakai oleh teungku-teungku dayah mahupun alumni-alumni daripada dayah tradisional, para pengajar mengunapakai metode bandongan dalam sistem pengajiannya. Namun demikian didapati sedikit perbezaan antara pengajar-pengajar tafsir ini. Perbezaan dapat dilihat sebagaimana dalam jadual di bawah ini:

Jadual 4.1 Perbandingan Metode Pengajian

No	Nama Pengajar	Metode	
		Persamaan	Perbezaan
1	Abu Athaillah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca beberapa potongan ayat al-Quran. 2. Membaca syarahan naskhah Arab, 3. Menterjemahkan kandungan ayat dan syarahan kedalam bahasa Aceh. 4. Menghuraikan kandungan ayat al-Quran dengan mendalam. 	Membincangkan kaedah ilmu nahu dan <i>sarf</i> .
2	Abi Hasbi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca beberapa potong ayat al-Quran. 2. Menterjemahkan potongan-potongan ayat. 3. Menghuraikan syarahan kandungan ayat ke dalam bahasa Aceh. 	Meberikan kesimpulan di akhir pertemuan.
3	Teungku Darmawi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca beberapa potongan ayat pilihan. 2. Menterjemahkan syarahan ayat kedalam bahasa Aceh. 3. Menghuraikan kandungan ayat. 	
4	Teungku Maudi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca beberapa potong ayat al-Quran. 2. Mendedahkan ayat terbabit kedalam bahasa Aceh. 	Menghubungkan syarahan dengan cerita-cerita sejarah.
5	Teungku Fauziah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca beberapa potongan ayat. 2. Menterjemahkan makna ayat. 	Mendedahkan kandungan ayat al-Quran yang telah dibentuk dalam syair.

Sumber: Dapatan kajian Penulis

Dengan demikian penulis menyimpulkan bahawa setiap pengajar mempunyai ciri khas masing-masing dalam mempengaruhi masyarakat untuk terus mempelajari tafsir ini dan menjadikannya sebagai salah satu panduan apabila mereka ingin mengetahui makna-makna yang terkandung dalam al-Quran.

Dalam kajian ini, penulis juga mendapati bahawa metode pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang digunapakai oleh teungku-teungku dayah mahupun alumni-alumni dayah tradisional, secara umumnya mempunyai kesamaan dalam penyampaian metode pengajaran. Adapun faktor yang menyebabkan kesamaan metode yang digunapakai oleh para teungku dalam mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* antaranya ialah:

1. Menerapkan sistem dan metode yang pernah digunapakai oleh Nabi Muhammad dalam menyampaikan ilmu-ilmu agama kepada para sahabat.
2. Sikap fanatik terhadap guru-guru sebelumnya yang mengajarkan *Tafsīr al-Jalālayn* kepada para pelajar. Hal ini dilakukan sebagai apresiasi seorang pelajar terhadap gurunya yang telah membimbingnya. Dengan yang demikian metode pengajian ini telah dikekalkan oleh dayah-dayah tradisional di Aceh dan individu teungku.
3. Berguru kepada teungku dan lembaga pendidikan Islam yang sama, sehingga metode yang digunapakai dalam penyampaian pun mengikut kepada yang telah diajarkan oleh guru-gurunya. Sehingga sistem dan metode pengajiannya terus dipertahankan sehingga sekarang.
4. Metode (bandongan) ini sangat sesuai digunapakai bagi mengajarkan ilmu-ilmu agama kepada para pelajar dan masyarakat awam. Dengan yang demikian ilmu-ilmu yang diajarkan kepada para pelajar dayah dan masyarakat dapat dipahami dengan mudah. Manakala metode (sorogan) digunapakai khusus bagi melahirkan generasi ulama-ulama Islam yang cendekiawan dan ahli dalam bidang ilmu Agama. Metode ini khusus digunapakai bagi para pelajar dayah tradisional yang menetap di asrama.

Secara umumnya metode yang digunakan oleh teungku-teungku dayah tradisional dalam pengajian memiliki kelebihan dan kekurangan. Menurut pandangan penulis, kelebihan daripada metode ini ialah sebagai berikut:

1. Metode bandongan yang diterapkan teungku-teungku dayah tradisional dalam sistem pengajiannya memberikan penegasan dan penjelasan terhadap kandungan kitab. Dalam metode ini seorang guru menjelaskan makna-makna ayat al-Quran dengan jelas, sehingga memberikan kemudahan kepada masyarakat yang menghadiri pengajian ini.
2. Sama ada pelajar mahupun masyarakat yang menghadiri pengajian ini setelah mendengarkan penjelasan yang disampaikan oleh teungku melakukan dialog dan tanya jawab terhadap masalah-masalah yang belum dipahami dengan jelas.
3. Diskusi yang terjadi pada saat pengajian memberikan pengaruh terhadap intelektual bagi para pelajar, hal ini mewajibkan para pelajar untuk menambah sumber rujukan yang lain bagi menyokong pandangannya.

Adapun kelemahan yang digunakan oleh teungku-teungku dayah dalam sistem pengajiannya yang diajarkan kepada masyarakat antaranya ialah:

1. Penjelasan yang singkat menjadikan masyarakat yang hadir dalam pengajian ini tidak memperoleh jawaban yang mendalam terhadap permasalahan-permasalahan yang berhubungkait dengan masa sekarang.
2. Kecenderungan dialog yang banyak membincangkan kaedah nahu dan *sarf* menyebabkan makna yang tersirat dalam kandungan ayat yang telah dibaca tidak dikaji secara mendalam.

Dengan demikian, keunggulan yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan alasan tafsir ini terus dipertahankan untuk dipelajari. *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan kitab tafsir utama teungku-teungku (pelajar) senior dan menjadi pegangan dalam mengajarkan tafsir ini di lembaga pendidikan. Justeru, tafsir ini akan terus digunapakai secara berterusan sama ada oleh pelajar mahupun masyarakat awam, kerana tafsir ini telah sehati dalam jiwa masyarakat Aceh dan memberikan pengaruh terhadap intelektual mereka. Pada sisi yang lain, tafsir ini juga boleh menjawab pelbagai soalan-soalan dengan singkat dan sederhana bagi para pelajar dayah-dayah tradisional dan masyarakat Aceh yang mengikuti pengajian di masjid-masjid.

4.4 Penggunaan Tafsīr Al-Jalālayn Sebagai Sumber Penulisan

Kitab tafsir merupakan pedoman bagi setiap orang bagi mengetahui makna-makna yang terkandung di dalam al-Quran. Kewujudan kitab tafsir dihadapan sekarang telah memberikan kemudahan seseorang sama ada dalam merujuk makna yang tersirat dalam al-Quran mahupun dalam menjadikan sumber penulisan sebagai sebuah rujukan. Kitab *Tafsīr al-Jalālayn* yang merupakan menu utama dalam sistem pembelajaran di dayah-dayah tradisional telah banyak dijadikan oleh ulama-ulama terdahulu mahupun sekarang sebagai salah satu sumber rujukan dalam pengajian dan penulisan.

Sebagai salah satu kitab tafsir yang menterjemahkan makna-makna daripada setiap ayat al-Qur'an, bersandarkan kepada riwayat kuat sahaja, memberikan catatan mengenai kalimat yang diperlukan, memberikan penjelasan tentang perbezaan qiraat pada tempat-tempat yang terdapat padanya perbezaan berdasarkan qiraat yang termashur serta digunapakai oleh khalayak ramai sama ada di Nusantara, dayah-dayah

tradisional mahupun di kuliah-kuliah agama, tafsir ini telah memberikan manfaat yang besar kepada ahli ilmu dalam pelbagai bidang keilmuan.

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Nusantara dan dayah-dayah di Aceh khususnya telah memberikan pengaruh terhadap khazanah Islam bagi para pelajar dan masyarakat. Lembaga pendidikan tradisional ini telah mendidik dan membimbing para pelajar untuk menjadi penerus ulama-ulama yang mahir dalam bidang tafsir dan masyarakat yang memiliki pengetahuan tentang al-Quran. Pengaruh ini dapat dilihat daripada lahirnya ulama yang mempunyai khazanah Islam yang luas dan karismatik dihadapan masyarakat serta lahirnya teungku-teungku yang mahir dalam bidang penulisan dan mubaligh Islam yang menyampaikan dakwahnya sama ada di institusi-institusi pendidikan mahupun di kuliah-kuliah agama.

Dalam konteks penulisan, para ahli ilmu khususnya di Aceh telah mengambil *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai salah satu sumber dalam penulisan. Tgk. Hanafiah Ma'awiyah³¹⁴ merupakan salah seorang tokoh dan pimpinan dayah di Aceh yang telah menyusun carta silsilah para Nabi dan Rasul *'alaihim al-Salam*. Hadirnya carta ini telah memberikan kemudahan bagi masyarakat di Aceh untuk mengetahui silsilah keturunan para Nabi dan Rasul *alaihim al-salam*. Meskipun karya ini terlihat sederhana seperti poster, namun carta ini telah banyak diterbitkan dan disebarluaskan dipelbagai wilayah sama ada di Aceh Besar mahupun Kabupaten Aceh lainnya. Justeru carta ini juga telah disebarluaskan di luar Aceh. Dalam penyusunan carta ini beliau merujuk kepada *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Hāshiyah al-Sāwī 'ala Tafsīr al-Jalālayn* sebagai salah satu sumber diantara rujukan yang lainnya.³¹⁵

³¹⁴Beliau Merupakan Tgk. di Dayah al-Madinah al-Diniyah Syams al-Duha Cot Murong Kec. Dewantara Kabupaten Aceh Utara.

³¹⁵Salah satu sumber rujukan yang digunapakai oleh beliau dalam charta yang disahkan 3 Juni 2003.

Karya ini telah disahkan dan mendapat persetujuan bagi disebarluaskan oleh Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA.³¹⁶ Sebahagian rumah-rumah masyarakat di Aceh memiliki karya ini sebagai bahan pendidikan dan pengajaran bagi keluarganya.³¹⁷ Carta ini bukan sahaja dimiliki oleh penduduk tempatan (Aceh), namun carta ini juga telah dimiliki oleh masyarakat antarabangsa, sebagaimana yang penulis jumpai pada beberapa madrasah di Malaysia.³¹⁸

Memandangkan kepada karya yang dihasilkan oleh ahli ilmu di Aceh, penulis berkesimpulan bahawa *Tafsīr al-Jalālayn* meskipun dengan pembahasannya yang singkat, khasnya ia digolongkan sebagai salah satu tafsir yang muktabar di kalangan ulama-ulama Aceh. Pembahasan *Tafsīr al-Jalālayn* yang ringkas ini juga telah memberikan pengaruh terhadap khazanah Muslimin Melayu-Indonesia umumnya dan khususnya bagi pelajar dan masyarakat Aceh yang telah menjadikan tafsir ini sebagai panduan dalam dunia pendidikan mereka. Hal ini selari dengan pernyataan yang dikemukakan oleh John, meskipun *Tafsīr al-Jalālayn* sering dianggap hanya sedikit memberikan sumbangan kepada perkembangan tradisi tafsir al-Quran, ia merupakan tafsir al-Quran yang sangat bagus, jelas dan ringkas.³¹⁹ Bahkan keistimewaan lainnya menurut John asbab al-Nuzul yang terkandung dalam *Tafsīr al-Jalālayn* memberikan pemahaman secara mendalam kepada penafsiran yang dikemukakan. John menyimpulkan, *Tafsīr al-Jalālayn* merupakan naskhah pendahuluan yang bagus untuk orang-orang yang baru mempelajari ilmu tafsir dikalangan kaum Muslim Melayu-Indonesia.³²⁰ Pendapat ini juga selari dengan perkataan Tgk. Muhammad Jalaluddin

³¹⁶Disahkan di Banda Aceh, Tarikh 3 Rabi' Al-Akhir 1424h / 3 Juni 2003.

³¹⁷Mubashshirullah (rumah) salah seorang masyarakat Aceh di wilayah Ie Masen Kaye Adang Aceh Besar yang memiliki carta silsilah Nabi dan Rasul alaihim al-Salam karya Tgk. Hanafiah Ma'awiyah.

³¹⁸Madrasah Arshadiyah Taman Bukit Angkasa Pantai Dalam Malaysia dan Surau Ihsaniah kondo Rakyat, 20 Oktober 2013.

³¹⁹John' A.H., "*Quranic Exegesis in the Malay World : In Search of a Profile*", dalam A. Rippin, ed. *Approaches to The History of The Interpretation of The Quran* (Oxford : Clarendon Press, 1998), 264.

³²⁰*Ibid.*

ketika penulis menemubual beliau di jabatannya.³²¹ Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa tafsir ini sangat sesuai dipelajari bagi pemula yang ingin mempelajari kitab tafsir dikeranakan pentafsirannya terhadap ayat-ayat al-Quran yang ringkas dan jelas serta menjadi salah satu faktor diajarkan tafsir ini kepada masyarakat yang tinggal di desa-desa.

Sehingga kajian ini dilakukan, penulis hanya mendapati karya Tgk. Hanafiah Ma'awiyah yang menggunakan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai bahan rujukan atau sumber utama dalam bidang penulisan. Bagi menghasilkan tokoh-tokoh lain yang mampu menghasilkan karya dalam bidang penulisan, maka penulis berpandangan agar dayah-dayah tradisional di Aceh mengajarkan juga kitab-kitab tafsir *turath* lainnya, sejarah tafsir dan perbandingan tafsir kepada para pelajarnya serta perlu adanya sedikit perubahan dalam kurikulum. Dengan demikian, pelajar-pelajar keluaran dayah tradisional mempunyai khazanah dan maklumat tafsir yang lebih memadai daripada sebelumnya, sehingga masa yang akan datang Naggroe Aceh Darussalam kembali memiliki ahli-ahli dalam bidang tafsir sebagaimana ulama-ulama Aceh terdahulu yang telah menghasilkan karya-karya dalam bidang tafsir. Namun demikian, untuk melakukan perubahan terhadap kurikulum yang sedia telah ada memerlukan kepada proses yang panjang disebabkan kurikulum yang telah wujud di dayah-dayah tradisional merupakan warisan ulama-ulama terdahulu serta pengalaman-pengalam yang diterima oleh teungku-teungku dayah apabila mereka menjadi pelajar. Ini selari dengan perkataan M. Hasbi Amiruddin dalam bukunya "*Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*", menurut beliau: untuk merobah kurikulum dayah di Aceh memerlukan kepada masa yang lama serta memerlukan kepada pengesahan daripada ulama-ulama dayah, dikeranakan beberapa faktor:³²²

³²¹Muhammad Jalaludin, Lc (Ketua Bimbingan Pendidikan Lembaga Pendidikan Islam Dayah Thalibul Huda Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

³²²Hasbi Amiruddin, "*Menatap Masa Depan*," 138-139.

Pertama: Penyusunan kurikulum dayah tradisional yang ditadbirkan khusus oleh ulama dayah.

Kedua: Mereka akan meneliti apakah kitab-kitab terbabit selari dengan falsafah tauhid mereka iaitu *ahlussunnah wa al-Jama'ah* dan fiqh mazhab Syāfi'ī.

Ketiga: Jika juga diajarkan, siapa gurunya, dan guru itu juga harus diuji apakah selari dengan falsafah pemikiran mereka, kecuali ilmu yang tidak berhubungkait dengan ilmu agama seperti ilmu bahasa.

Selain itu, pembaharuan untuk melakukan perubahan terhadap kurikulum dayah-dayah tradisional di Aceh juga sudah pernah dilakukan dan diterbitkan oleh Zulkhairi dalam artikelnya.³²³ Berdasarkan kepada pengalamannya selama mempelajari pelbagai disiplin ilmu agama di dayah, dayah ternampak antipati terhadap subjek-subjek kontemporer, sehingga kurikulum pendidikan di dayah tidak memenuhi standar untuk bersaing di lingkungan kontemporer pada tingkatan regional dan antarabangsa.³²⁴

Dari sudut yang lainnya daripada kajian yang penulis jalani, dayah-dayah tradisional di Aceh belum mempunyai ahli-ahli dalam bidang tafsir, hal ini ditandai dengan belum dijumpai lagi teungku-teungku dayah yang mengarang kitab-kitab yang berhubungkait dengan penafsiran al-Quran disebabkan dayah-dayah tradisional di Aceh lebih cenderung kepada pengajian ilmu-ilmu *fiqh* berbanding dengan ilmu tafsir.

³²³Zulkhairi, "Reaktualisasi Kurikulum Pendidikan Dayah," laman sesawang kompasiana, dicapai 15 Februari 2014, <http://edukasi.kompasiana.com/2010/11/14/reaktualisasi-kurikulum-pendidikan-dayah-318921.html>. Penulis adalah alumnus Dayah Babussalam Putra Matangkuli-Aceh Utara, dan pengajar di Dayah Darul Ihsan Tgk. H. Hasan Krueng Kale Aceh Besar.

³²⁴Sehingga sekarang dayah-dayah di Aceh tidak begitu memfokuskan diri untuk mengajarkan pelajar dengan pelajaran-pelajaran seperti Fikih Dakwah Kontemporer, pelajaran penulis artikel/karya ilmiah, *Tarikh Islami*, *Tarikh Tasyri'*, *Ulumul Hadist*, *Ulumul Qur'an*, dan sebagainya.

4.5 Kesimpulan

Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di dayah-dayah tradisional di Aceh telah menambah khazanah para pelajar dan masyarakat dalam memahami makna yang terkandung dalam al-Quran. Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang telah dikekalkan dalam dunia pendidikan dayah-dayah tradisional ini telah memberikan pengaruh terhadap intelektual para pelajar dalam bidang tafsir. Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang dipandu oleh para teungku yang pernah belajar di dayah-dayah tradisional juga diajarkan di kuliah-kuliah agama, seperti masjid, surau dan aktiviti dakwah lainnya. Justeru *Tafsīr al-Jalālayn* yang dijadikan sebagai panduan pengajian di lembaga-lembaga pendidikan Islam di Aceh termasuk salah satu diantara tafsir rujukan oleh ahli-ahli ilmu dalam bidang penulisan.

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Dari kajian yang penulis lakukan terhadap pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dan pengaruhnya di dayah-dayah tradisional di Aceh Besar, maka pada bab penutup ini penulis akan merumuskan beberapa kesimpulan sebagai hasil kajian yang telah di dapati sepanjang kajian dilakukan. Pada bab ini penulis akan membincangkan kesimpulan pengajian tafsir al-Quran di Aceh, Pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* di Indonesia, metodologi pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* dan pengaruhnya di dayah-dayah tradisional di Aceh Besar. Selain itu, penulis juga mengemukakan saranan dan cadangan kepada peneliti dan pengkaji serta menyenaraikan bibliografi bagi menyempurnakan kajian ini.

5.2 Kesimpulan

Pada peringkat awalnya proses pengajian tafsir di Aceh belum dilakukan secara terpisah, kerana bentuk pengajian pada masa itu masih bercampur dengan pelbagai disiplin ilmu lainnya seperti fiqh, tauhid dan tasawuf. Pengajian ini barulah di perkenalkan dan dikembangkan secara lebih mendalam lagi pada masa Aceh telah memiliki kesultanan sendiri seperti kerajaan Islam di Peureulak, kerajaan Islam Samudera Pasai dan kerajaan Aceh Darussalam.

Pada kurun ke-13 M ramai ulama Nusantara pergi belajar keluar negara, seperti Mekkah, Mesir dan India bagi mempelajari tafsir dan menyebarkannya. Pada kurun ke-15 M, Perkembangan tafsir di Aceh berkembang dengan cepat, hal itu ditandai dengan lahirnya kitab-kitab terjemah dalam tulisan jawi. Pada masa yang sama Aceh ketika itu

juga menjadi pusat penjualan al-Quran dan kitab-kitab yang telah diterjemahkan dalam tulisan jawi. Kurun ke-17 adalah kurun di mana Aceh telah mencapai puncak kegemilangannya dalam semua bidang, sama ada bidang politik, kekuatan, ekonomi, pendidikan dan lain-lain.

Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, pengajian tafsir semakin berkembang dari sebelumnya dan tidak hanya terhad kepada bentuk pembelajaran seperti masa-masa sebelum pemerintahan Sultan Iskandar Muda tetapi lebih meluas sehingga dijadikan satu jabatan khas yang dinamakan dengan “ *Dār al-Tafsīr Wa al-Hadith*” yang bertempat di Masjid Raya Baiturrahim. Sejarah mencatat bahawa Jami`ah Baiturrahman juga mempunyai berbagai “Dār” (fakulti), diantaranya : *Dār al-Tafsīr wa al-Hadith* (Fakulti Tafsir dan Hadith), *Dār al-Tib* (Fakulti Kedokteran), *Dār Kimia* (Fakulti Kimia), *Dār Siyasa* (Fakulti Politik), *Dār Hisāb* (Fakulti Matematik), *Dār Kalam* (Fakulti Ilmu Kalam atau Tauhid), *Dār Harbi* (Fakulti Peperangan), *Dār Madhahib* (Fakulti Perbandingan Mazhab), *Dār Tārikh* (Fakulti Sejarah), *Dār Zira`ah* (Fakulti Pertanian), *Dār Khazanah Baitul Mal* (Fakulti Ilmu Perbendaharaan Kewangan Negara), *Dār Falsafah* (Fakulti Falsafah), *Dār Akli* (Fakulti Ilmu Akal) *Dār Ahkam* (Fakulti Ilmu Hukum).

Pengajian tafsir semakin terlihat kejayaannya pada masa pemerintahan Ratu Tajul Alam Safiatuddin Syah yang memerintah Aceh pada tahun 1641-1675. Pada masa pemerintahannya muncul sebuah kitab tafsir yang bertajuk “*Tarjumān al-Mustafīd*” karangan seorang ulama Aceh yang terkenal pada masa itu, Syeikh Abd al-Rauf `Ali al-Fansuri al-Singkili, di Aceh lebih di kenali dengan Syiah Kuala. Selain itu ada beberapa ulama-ulama Aceh lainnya yang bergerak dibidang al-Quran (Tafsir dan Terjemah), antaranya ialah: Prof. T.M. Hasbi Ash-Siddieqy, Mahjuddin Yusuf, Prof. Nur `Asyiq dan Teungku Haji Thalhas.

Seiring dengan mundurnya kerajaan Aceh Darussalam maka pengajian agama pun sempat mengalami keadaan yang kurang baik. Peperangan dengan Belanda (1873) merupakan salah satu sebabnya. Namun demikian para ulama masih tetap menjalankan tugasnya sebagai pengajar sehingga pengajian tafsir terus berlanjut hingga ke hari ini di pelbagai lembaga-lembaga pendidikan Islam di Aceh seperti di dayah-dayah tradisional, sekolah-sekolah agama, universiti dan di masjid-masjid.

Sistem pengajian yang digunapakai dalam pengembangan lembaga pendidikan Pesantren di Indonesia mengikut sistem yang dikembangkan pada masa awal Islam iatu menjadikan Masjid sebagai tempat atau sarana belajar. Majoriti pesantren di Indonesia dan dayah-dayah tradisional di Aceh menggunakan *Tafsīr al-Jalālayn* sebagai panduan dalam pengajian.

Tafsir ini dipelajari pada tingkat lima dan enam. Pelajar pada tingkatan lima mempelajari tafsir jilid satu dan dua, manakala pelajar pada tingkatan enam mempelajari jilid selanjutnya sehingga khatam. Mengikut kepada jadual ataupun kurikulum dayah-dayah tradisional *Tafsīr al-Jalālayn* diajarkan seminggu tiga kali. Pengajian tafsir ini pada kebiasaannya dilakukan setelah solat fardu dan mengambil masa dua jam setiap kali pertemuan. Adapun metode pengajian yang digunapakai lembaga pendidikan Islam tradisional di Indonesia ialah:

1. Halaqah (Badongan atau Wetonan)

Metode ini merupakan sistem pengajian secara gabungan ataupun kolektif, dimana di dalamnya terdapat seorang teungku yang membaca kitab, sementara para pelajar mendengar serta memperhatikan bacaan teungku tersebut. Pada kebiasaannya, teungku duduk bersandar pada tiang bahagian depan, manakala para pelajar, duduk mengelilingi teungku dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan untuk mendengar kuliahnya.

2. Metode *Geusurah* (Syarahan)

Kaedah yang digunapakai teungku dalam pembelajaran *Tafsir al-Jalālayn* ialah mendahuluinya dengan membaca ayat-ayat yang dikaji daripada awal sehingga akhir. Selepas itu beliau memberikan terjemahan secara *harfiah* disertai dengan penjelasan.

3. Sorogan (sistem pengajian secara individual)

Sorogan bermakna menyorongkan kitabnya kepada teungku. Sistem sorogan ini tergolong sistem belajar secara individu. Pembelajaran seperti ini melibatkan terjadinya interaksi antara pelajar dan teungku.

4. Metode Dialog, Soal Jawab dan Perbincangan

Metode dialog adalah metode yang berdasarkan kepada perbincangan melalui soalan-soalan yang muncul pada saat proses pengajian berlangsung.

Selain itu pesantren mahupun dayah-dayah tradisional menggunakan beberapa metode lainnya. Akan tetapi metode ini dilakukan secara khas pada masa-masa tertentu, antara metode itu ialah: (1). Hafazan (2). *Baith al-masa'il* (Musyawarah) (3). Ceramah. (4). *fath al-Kutub* atau latihan membaca kitab-kitab klasik sesuai dengan kaedah-kaedah nahu dan *sarf*.

Khasnya, Pengajian *Tafsir al-Jalāyan* di Aceh telah menambah khazanah dan memberikan pengaruh terhadap intelektual para pelajar dayah-dayah tradisional di Aceh dalam memahami makna-makna yang terkandung dalam al-Quran. Hal ini dapat dilihat daripada pengajian-pengajian yang diajarkan kepada masyarakat di masjid-masjid, di balai-balai pengajian mahupun di rumah-rumah teungku. Selain itu *Tafsir al-Jalāyan* yang menjadi panduan di dayah-dayah tradisional dalam pembelajarannya menjadi salah satu sumber rujukan oleh kalangan-kalangan ahli ilmu dalam bidang penulisan sebagaimana karya yang dihasilkan oleh Tgk. Hanfiah Ma'awiyah yang disusun dalam bentuk carta silsilah keturunan Nabi dan Rasul.

5.3 Saranan dan Cadangan

Berdasarkan kepada hasil penelitian yang telah di lakukan, penulis ingin menyatakan beberapa saranan dan cadangan untuk perbaiki ke arah yang lebih baik terhadap pengajian *Tafsir al-Jalālayn* di pondok-pondok pesantren tradisional kabupaten Aceh Besar, diantaranya ialah:

1. Saranan Kepada Pihak Kerajaan
 - a. Memberi sumbangan material yang mencukupi agar dayah-dayah tradisional di Aceh dapat menyediakan infrastruktur yang lebih selesa kepada para pelajar.
 - b. Memberi sokongan penuh dan sentiasa untuk menyebarkan kitab-kitab *turath* tafsir lainnya kepada dayah-dayah tradisional di seluruh Aceh.
 - c. Memberi perhatian dan bekerjasama dengan para ulama serta teungku-teungku dayah di dalam memperkembangkan pelbagai disiplin ilmu khususnya ilmu tafsir pada masa kini kerana merekalah generasi-generasi yang mempertahankan ilmu-ilmu Islam daripada terus hilang.
 - d. Menaik taraf dayah tradisional untuk mempunyai sistem pentadbiran dan pengajian yang bersistem.

2. Saranan Kepada Pihak Pengurusan Pondok (Pusat Pengajian Pondok)

Saranan ini meliputi beberapa unsur, diantaranya:

- A. Teungku / Tenaga Pengajar
 - i. Membolehkan guru dari luar yang mampu menguasai pelbagai disiplin ilmu terutama ilmu tafsir, sama ada dari universiti yang ada di Aceh mahupun yang ada di luar Aceh.

- ii. Menjemput pensyarah yang ahli dalam pelbagai ilmu dari luar negeri khususnya pensyarah daripada Timur Tengah.
- iii. Memberi kursus kepada guru-guru di dalam bidang ilmu yang mereka kuasai bagi melahirkan para teungku yang mahir dan berkaliber khususnya dalam bidang tafsir.
- iv. Menyediakan lebih banyak lagi buku-buku rujukan tafsir bagi kemudahan para pelajar.
- v. Mengekalkan pengajian *Tafsīr al-Jalālayn* yang sedia ada, disamping itu juga mengajarkan kitab-kitab tafsir lainnya agar menambah khazanah para pelajar dalam bidang tafsir dengan lebih mendalam.
- vi. Para teungku perlulah membuat penilaian dari masa ke semasa terhadap semua aspek yang berkaitan dengan pembelajaran dan pentadbiran dayah terutamanya terhadap pengajian *Tafsīr al-Jalālayn*.

B. Pelajar/ Masyarakat

- i. Para pelajar yang ingin mendalami ilmu tafsir seharusnya berusaha untuk menghayati dan memahami setiap apa yang terkandung di dalam kitab tafsir.
- ii. Memandangkan pengajian tafsir yang diajarkan di dayah-dayah tradisional terhadap kitab *Tafsīr al-Jalālayn*, perlulah para pelajar mencari inisiatif untuk mempelajari kitab-kitab tafsir lainnya.
- iii. Mampu mengembangkan ilmu yang dipelajari kepada masyarakat sekeliling

C. Kurikulum

- i. Mengekalkan sistem yang telah sedia ada untuk diteruskan memandangkan sistem ini telah dipakainya sejak dahulu lagi, serta diperlukan juga menggunakan kaedah-kaedah semasa agar ilmu dapat disampaikan kepada pelajar dengan baik.
- ii. Mengkaji ulang terhadap silibus pengajian yang sedia ada khususnya *Tafsir al-Jalālayn*.
- iii. Menambah sukatan pelajaran dalam bidang tafsir seperti ulumul Quran yang membincangkan metodologi tafsir yang pernah berkembang di dunia Islam. Disamping itu juga mempelajari perbandingan-perbandingan kitab tafsir sama ada yang pernah ditulis oleh imam Syafi'I dan imam mazhab yang lainnya.

Akhirnya, semoga hasil kajian ini mendapat taufik serta keberkatan dari Allah s.w.t. dan bermanfaat kepada generasi yang akan datang. Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam kajian ini adalah kelemahan daripada pengkaji sendiri. Kepada para pembaca yang sudi memberikan cadangan bagi penambahbaikan kajian ini amat dihargai dan penulis mengucapkan terima kasih.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Buku Bahasa Arab

- al-Dawudī, Syams al-Dīn Muḥammad Bin 'Alī Ibn Ahmad. *Tabaqāt al-Mufasirīn*. Cet.-1. Kāherah: Maktabah Wahdah, 1972.
- al-Dhahabī. *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. Kāherah: Dār al-Kutub al-Hadithah, 1976.
- al-Qattān, Manna'. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'an*. Cet.-1. Beirut: Muāssasah al-Risālah, 2009.
- al-Suyutī, Jalāl al-Dīn 'Abd Rahman. *Husn al-Muḥādarah fī Tārikh Misr wa al-Kāhirah*. Cet.-1. Kāherah: 'Isā al-Babī al-Halabī wa Syurkah, 1967.
- al-Zarqānī, Muḥammad 'Abd al-'Azīm. *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'an*. Cet.-1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1988.
- Yunus Hasan 'Abidu. *Dirasāt wa Mabāhith Fī Tārikh al-Tafsīr wa Manāhij al-Mufassirīn: Tafsir al-Qur'an Sejarah Tafsir dan Metode Para Mufasir*. terj. Qodirun Nur dan Ahmad Musyafiq. Jakarta: Gaya Media Pratama, 2007.

Rujukan Buku Bahasa Inggris

- Jhon Robert Shaw. *The New Harizon Ladder Dictionary*. Signet: USA, 1970.
- John' A.H. "Qurānic Exegesis in the Malay World: In Seacrh of a Profile", dalam A.Rippin, ed. *Approaches to The History of The Interpretation of The Quran*. Oxford: Clarendon Press, 1998.
- Peter Riddel. *Islam and the Malay-Indonesian World*. Singapore:Horizon Books, 2001.
- T. Iskandar. *De Hikayat Atjeh*. S. Gravenhage: NV. De Nederlands Bokk-En Steendrukkerj, V. H. L. Smith, t.t.

Rujukan Buku Bahasa Melayu

- 'Abd al-Raūf bin 'Alī al-Fansūrī al-Jāwī. *Tarjumān al-Mustafīd*. Singapura: Pustaka Nasional, 1951.
- Abd Halim Hj. Mat Diah. *Risalah: Suatu Contoh Tentang Huraian Metodeologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1987.
- Abdullah Ishak. *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*. Selangor: al-Rahmaniah, 1990.

- Abuddin Nata, ed. *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta, PT.Grasindo 2001.
- _____. “*Sejarah Pertumbuhan Dan Perkembangan Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Indonesia*.” Jakarta: PT.Grasindo 2001.
- Afandi Mochtar. “Tradisi Kitab Kuning: Sebuah Observasi Umum”, dalam *Pesantren Masa Depan: Wacana Pemberdayaan dan Transformasi Pesantren*, ed.Marzuki Wahid. Bandung: Pustaka Hidayah, 1999.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Ali Hasjmy. *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. Jakarta: Beuna, 1983.
- _____. “*Peranan Islam Dalam Perang Aceh dan Perjuangan Kemerdekaan Indonesia*.” Jakarta: Bulan Bintang, 1976.
- _____. “*Ulama Aceh Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangun Tamadun Bangsa*.” Jakarta: Bulan Bintang, 1997.
- _____. “*59 Tahun Aceh Merdeka Di Bawah Pemerintahan Ratu*.” Jakarta: Bulan Bintang, t.t.
- _____. “*Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh*.” Jakarta: Bulan Bintang, 1978.
- Aminuddin Kasdi. *Kepurbukalaan: Sunan Giri Sosok Akulturasi Kebudayaan Pada Abad 15-16*. Surabaya: IAIN Sunan Ampel, 1987.
- Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaharuan Islam Indonesia*. Jakarta: Prenada Media, 2005.
- Badruzzaman Ismail. *Perkembangan Pendidikan Di Daerah Istimewa Aceh*. Majelis Pendidikan Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 1995.
- Bahaking Rama. *Jejak Pembaharuan: Pendidikan Pesantren: Kajian Pesantren As’adiyah Seng-kang Sulawesi Selatan*. Jakarta: Parodatama, 2003.
- Daniel Juned. *Silabus Jurusan Tafsir dan Hadith Fakultas Usuluddin IAIN Ar-Raniry*. Banda Aceh: Darussalam, 1993.

- Departemen Agama Republik Indonesia. *Garis-Garis Besar Program Pengajaran Mata Pelajaran Quran Hadith*. Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, 1995.
- _____. “*Pedoman Pelaksanaan Kurikulum Madrasah Aliyah.*” Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, 1997.
- Departemen Pendidikan dan kebudayaan. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Cet.-3. Jakarta: Balai Pustaka, 1990.
- Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah. *Pengantar Usul Tafsir*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.
- Haidar Putra Daulay. *Pendidikan Islam Dalam Sisem Pendidikan Nasional di Indonesia*. Jakarta: Prenada Media, 2004.
- Haji Khalifah. *Kasf al-Zunun* (Bairut: Mauqi al-Muhaddith al-Majani, t.t.
- Hakim Nyak Pha. *Adat dan Budaya Aceh*. Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, 2000.
- Harun Nasution. *Ensiklopedi Islam*, ed. Jakarta: Cv Anda Utama, 1993.
- Harun Yahya. *Memilih al-Qur’an Sebagai Pembimbing, Keutamaan Doa dan Doa Para Nabi Dalam al-Qur’an*. Surabaya: Risalah Gusti, 2004.
- Hasbullah. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*. (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1995.
- IAIN Ar-Raniry. *Mata Kuliah Tafsir Untuk Semua Jurusan dan Fakultas*. Banda Aceh: Darussalam, t.t.
- Ibrahim Husen. *Persepsi Kalangan Dayah Terhadap Pendidikan Tinggi di Aceh*. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry. 1983.
- Imron Arifin. *Kepemimpinan Kyai, Kasus Pondok Pesanten Tebuireng*. Malang :Kalimasyahada Press, 1993.
- Islah Gusmian. *Khazanah Tafsir di Indonesia dari Hermeneutika hingga Ideologi*. Jakarta: Teraju, 2003.
- Kamus Dewan*. ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- M. Junus Djamil. *Tawarikh Raja-Raja Kerajaan Aceh*. Banda Aceh: Iskandar Muda, 1959.

- M. Syatibi. "Pesantren Pulo Sari" (Kajian Penyelidikan Garut, Puslitbang, Depag, Jakarta, 1995.
- Mahmud Yunus. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung, 1984.
- Mahpuddin Noor. *Potret Dunia Pesantren*. Bandung: Humaniora, 2006.
- Mani' Abd Halim Mahmud. *Metodelogi Tafsir: Kajian Komprehensif Metode Para Ahli Tafsir*, terj. Syahdianor, et al. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, 2006.
- Martin Van Bruinessen. *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, 1999.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Muhammad A.R. *Alkulturasi Nilai-Nilai Persaudaraan Islam Model Dayah Aceh*. Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan Kementrian Agama RI, 2010.
- Muhammad Hasbi Amiruddin. *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*. Banda Aceh: Yayasan Pena, 2008.
- _____. "Ensiklopedi Pemikiran Ulama Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam." Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2004.
- Muhammad Hisyam. *Dayah di Tengah Perubahan Sosial" dalam Akulturasi Nilai-Nilai Persaudaraan Islam Model Dayah Aceh*. Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan.
- Muhammad Matsna, *Quran Hadith Madrasah Aliyah 3*. Semarang: PT Karya Toha Putra, 1997.
- Muhammad Nur Lubis, *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran al-Quran di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2002.
- Muhammad Sa'id Umar, *Tafsir Nur al-Ihsan*. Cet.-3. Pulau Pinang: al-Muarif Sdn.Bhd, 1970.
- Mustaffa Abdullah. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Cet.-1. Malaysia: Book Pro, 2009.
- Nashruddin Baidan. *Metode Penafsiran al-Qur'an Kajian Kritis Terhadap Ayat-Ayat Yang Beredaksi Mirip*. Cet.-1. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002.
- Nuorozzaman Shadiki. *Fiqih Indonesia Menggagas dan Gagasnya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1907.

- Quraish Shihab, et al. *Ensiklopedia al-Qur'an: Kajian Kosakata*. Jakarta: Lentera Hati, 2007.
- Safwan Idris. Perkembangan Pendidikan Pesantren/Dayah (Antara Tradisi dan Pembaharuan,” dalam *Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh*, ed. Badruzzaman Ismail. Banda Aceh: Majelis Pendidikan Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh, 1995.
- T. H. Thalhas et al. *Tafsir Pase: Kajian Surat Al Fatihah Dan Surah Surah Dalam Juz “Ammah, Paradigma Baru*. Jakarta: Bale kajian Al-Quran Pase, 2001.
- Taufik Abdullah, ed. *Islam dan Masyarakat, Pantulan Sejarah Indonesia*. Jakarta, LP3ES, 1987.
- Tgk. Haji Mahjiddin Jusuf. *Al-Quran al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak Dalam Bahasa Aceh*. Jakarta: PT. Intermedia, 2007.
- Thameen Ushama, *Metodelogi Tafsir al-Qur'an Kajian Kritis, Objektif dan Komprehensif*, terj. Hasan Basri dan Amroeni. Jakarta: Riora Cipta, 2000.
- Wan Mohd. Shagir `Abdullah. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagad Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, 1999.
- Zainuddin Syarif. *Dinamisasi Manajemen Pesantren; dari Tradisional hingga Modern*. Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007.
- Zainuddin. *Tarikh Aceh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1961.
- Zakaria Ahmad. *Keradjaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*. Medan: Penerbit Monora, 1972.
- Zamachsari Dhofier. *Tradisi Pesantren Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*. Jakarta: LP3ES, 1983.
- _____. *“Tradisi Pesantren: Studi Pandangan Hidup Kiai dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia.”* Jakarta: LP3ES, 2011.

Rujukan Tesis

- Abdul Malik Karim Amrullah. "Perubahan Model Penyelenggaraan Pendidikan Pesantren." Tesis Doktor Manajemen Pendidikan, Universiti Negeri (UIN), Malang, 2001.
- Abdul Rashid Bin Ahmad. "Tafsir al-Nasafi dan Tafsir al-Jalalayn satu kajian Perbandingan." Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.
- Ahmad Hidayatullah Zarkashiy. *al-Lughah al'Arabiyah fi Indunisiya Dirāsatan wa Tārikhan*. Universiti Punjab, Lahor-Pakistan, 1991.
- Ismail Yusoff. "Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia." Tesis Kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 1995.
- M. Ridlwan Nasir, "Dinamika Sistem Pendidikan: Studi di Pondok-Pondok Pesantren Kabupaten Jombang Jawa Timur." Tesis bagi Ijazah Doktor di IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 1996.
- Salman Harun. "Hakekat Tafsir Terjemahan Mustafid Karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkel. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah, 1998.
- Sudirman. "Penyelenggaraan Pendidikan di Daarut-Tauhid Bandung." Tesis Doktor Falsafah Agama Islam, Universiti Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007.
- Syamsuddin Arief, "Jaringan pesantren di Sulawesi selatan (1928-2005)." Tesis Doktor Falsafah Agama Islam, Universiti Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007.

Rujukan Disertasi

- M. Yusuf Hamdani. "Manajemen Pendidikan Pondok Pesantren Studi Kasus pada Pondok Pesantren Aji Mahasiswa al-Muhsin di Krapyak Wetan Yogyakarta." Disertasi bagi Ijazah Sarjana Pendidikan Islam Jabatan Pengurusan Kebijakan Pendidikan Islam, Yogyakarta, 2009.
- Muhammad Daud bin Muhammad. "Pengaruh Israiliyyat Dalam Tafsir Terjemahan Mustafid Karangan Syeikh Abdul Rauf `Ali al-Fansuri." Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.

Muhammad Syahrial Razali Ibrahim. "Pengajian dan Penulisan Tafsir Al-Quran di Provinsi Naggroe Aceh Darussalam." Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

Sameli. "Pondok Pesantren Salafiyah Sebagai Provider Pendidikan Luar Sekolah (Studi Kasus, Pengeleloaan Lembaga Pondok Pesantren Pendidikan dan Perguruan Agama Islam Ketapang Kepanjen Malang." Disertasi Sarjana Pendidikan, UIN Malang, Jawa Timur, 2008.

Umdatul Hasanah. Pondok Pesantren Tradisional dan Industrialisasi (Eksistensi dan Peran Pondok Pesantren Tradisional dalam Pembangunan Masyarakat Kota Industri Cilegon), (Kajian Penyelidikan Block Grant, Institut Agama Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin, Banten, 2008)

Zainuddin Syarif. "Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern." Disertasi bagi Ijazah Sarjana di Universiti Islam Indonesia (UII), Yogyakarta, 2001.

Rujukan Jurnal dan Makalah

Abdul Rashid bin Ahmad, "al-Imam Jalāl al-Dīn al-Suyutī," *Jurnal Usuluddin* 9-10, (Julai, 1999): 1-20.

Ahmad Syamsul Rizal, "Transformasi Corak Edukasi Dalam Sistem Pendidikan Pesantren, Dari Pola Tradisi Ke Pola Modern," *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim* 9, (No.2- 2011): 95-112.

Ali Hasjimy, "Apa Sebab Pendidikan Islam Mendjadi Faktor Pembina Persatuan Bangsa?," *Sinar Darussalam*, (no 36 julai 1971).

_____. "Pendidikan Islam di Aceh dalam Perjalanan Sejarah," *Sinar Darusaalam*, (No.63-1975): 7-9.

_____. "Pendidikan Islam di Aceh dalam Perjalanan Sejarah." *Sinar Darussalam*, 1975.

Hasbi Amiruddin, "Program pengembangan dayah di Aceh." *Modul Dewa89s*. (2 November 2012).

Mohamad Kholil, "Menggagas Pesantren sebagai Pusat Peradaban Muslim di Indonesia." dalam *Media Akademika*, 26, No. 3, (Julai 2011), 306.

Muhammad Hakim Nyak Pha, “Appresiasi Terhadap Tradisi Dayah: Suatu Tujuan Tatakrama Kehidupan Dayah,” dalam *Makalah, Seminar Appresiasi Dayah Persatuan Dayah Inshafuddin di Banda Aceh*. 1987): 8.

Mustaffa bin Abdullah, “Pengajian Tafsir di Kelantan Satu Tinjauan Serajah,” *Jurnal Usuluddin* 17-18, (Julai 2003): 107-122.

Zamakhsyari Dhofier, “Sekolah al-Quran dan Pendidikan Islam di Indonesia,” *Jurnal Ulumul Quran*, 88.

Rujukan Laman Sesawang

http://portal.radioantero.com/index.php?option=com_content&view=article&id=943:aceh-besar-canangkan-beut-badamagrib&catid=46:ap&Itemid=82. dicapai 10 Oktober 2013.

<http://edukasi.kompasiana.com/2010/11/14/reaktualisasi-kurikulum-pendidikan-dayah-318921.html>, dicapai 15 Februari 2014.

Rujukan Temubual

Akhamd Rizal Lc, (Penceramah/ Da’i, Banda Aceh), dalam temu bual dengan penulis 23 Desember 2012

Arifin (Pengajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2013.

Athailah Ishaq al-Amiry (Anak daripada Teungku Ishak al-Amiry dan Pimpinan Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 15 Ogos 2013.

Dewi Hasrati (Pegurus Jabatan Pendidikan Dayah Raudah al-Talibah) , dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

Fakhruddin S.Ag, (Salah satu Pengajar di Mesjid Raya Baiturrahman, Banda Aceh), dalam temu bual dengan penulis 28 Desember 2012

Hasbi al-Bayuni (Pimpinan Dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

Jamiah Binti Jalaluddin Bin Ishaq (Penasihat Dan Tenaga Pengajar di Dayah Raudhah al-Thalibah, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013.

Lukman al-Hakim, (Pensyarah , Jabatan Tafsir Hadith, IAIN ar-Raniry, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Januari 2013.

Millata Amalia (Sekretaris Lembaga Pendidikan Islam Dayah Raudah al-Thalibah), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

Muhammad Iskandar (Pelajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temu bual dengan penulis 10 Desember 2012

Muhammad Jalaluddin, Lc. (BIMPEN: Bimbingan Pendidikan dayah Thalibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

Muhammad Zubair (Pengajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2013.

Nelly Roswita, Beliau adalah (Timbalan Ketua Dayah Raudhah al-Thalibah), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

Sumayya (Pelajar Dayah Raudah al-Talibah, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013.

T. Zaini, S.Pd, (Kakitangan Pada Bahagian Bidang Sarana dan Prasarana Dayah Bidang Manajemen dan Pengasuhan Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD Aceh), dalam temubual dengan penulis, 4 Juni 2103, masa : 15.25 WIB.

Teuku Zulkhairi (Mahasiswa PhD IAIN ar-Raniry Banda Aceh, Ketua Riset Jabatan Rabithah Thaliban Aceh (RTA) dan Alumni Lembaga Pendidikan Dayah Tradisional), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2013.

Teungku Mawardi Bahar (Beliau adalah Ketua Jabatan Pendidikan Di Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 29 Ogos 2013.

Teungku Syafi'i (Pengajar, Dayah Ulee Titi, Aceh Besar) dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2013.

Tgk. Hermansyah (Timbalan Ketua Umum dan Salah Satu Tenaga pengajar Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2013.

Tgk. Ibrahim Usman (Pimpinan Dayah Raudhatu al-Thalibah) , dalam temubual dengan penulis, 25 Ogos 2013

Tgk. Maudi Asra, S.Pdi (salah Satu Tenaga pengajar dan Sekretatis Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 20 Ogos 2013.

Tgk. Mawardi, Lc (salah satu pelajar di Dayah Ulee Titi, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 27 Ogos 2013.

Tgk.Mahfudh Muhammad yang merupakan pensyarah di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Al-Aziziyah Samalanga, Aceh Jempa Bireun.

Yusri (Teungku Dayah Talibul Huda dan Pegawai di Jabatan pendataran pelajar), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.

Zainuddin (Pelajar Dayah Talibul Huda, Aceh Besar), dalam temubual dengan penulis, 7 September 2013.

Zuherni (Pelajar, Jabatan Tafsir Hadith, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis 4 Desember 2012.

Rujukan Kepada Surat dan Dokumentasi

Disahkan di Banda Aceh, Tarikh 3 Rabi' Al-Akhir 1424h / 3 Juni 2003.

Dokumentasi Dayah Ulee Titi, "Cawangan Lembaga Pendidikan Islam Dayah Ulee Titi Aceh Besar", 2010.

Instruksi Gabenor dalam surat No: 195 tahun 2012 kepada Bupati Aceh Besar Zulkifli Ahmad Mengenai Penetapan Penilaian Peringkat dayah-dayah di Aceh Besar, 24 April 2012.

Keputusan Bupati Aceh Besar No. 195 : Penetapan Type Dayah / Pesantren Dalam Kabupaten Aceh Besar 24 April 2012.

Kurikulum Dayah-Dayah Tradisional di Aceh Besar tahun 2008.

Kurikulum Lembaga Pendidikan Islam Dayah Talibul Huda.

Kurikulum Lembaga Pendidikan Yayasan Dayah Ulee Titi Aceh Besar.

Kurikulum Pengajian Dayah Raudhah al-Thalibah Aceh Besar.

No : 195/ 2012 : Surat Keputusan Bupati Aceh Besar Tentang Penetapan Type Dayah/Pesantren Dalam Kabupaten Aceh Besar Tahun Anggaran 2012, 24 April 2012 Bersesuaian 2 Jumadi Al-Akhir 1433 H.

No: 013-Type /KPPD-Ab/2012 : Zulkifli Ahmad Kepada Tgk. Hasbi al-Bayuni 12 April 2012.

No: 195 Tahun 2012: Keputusan Bupati Aceh Besar tentang Penetapan Type Dayah/ Pesantren dalam Kabupaten Aceh Besar Tahun 2012, 24 April 2012.

Susunan Guru/Pengajar Lembaga Pendidikan Islam Yayasan Dayah Raudhah al-Thalibah Gampong Siron Lamgarot Kec. Ingin Jaya Aceh Besar, Tahun Ajaran 2013 M/ 1434 H

Susunan Guru/Pengajar Lembaga Pendidikan Islam Yayasan Dayah Ulee Titi Gampong Siron Lamgarot Kec. Ingin Jaya Aceh Besar, Tahun Ajaran 2013 M/ 1434 H